

Mingguan Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

LANGGAN
MINGGUAN
AMANAH
SEGERA!
**PERCUMA
T-SHIRT**

untuk urusan Langganan
011 3233 4322

Jika PH
menang,
10 dan 11
Mei cuti
umum?



→ ms2

Mula-mula
akui Pas
terima duit
Umno,
selepas
15 jam nafi

→ ms2

**JUTAAN RM
MASUK AKAUN**



Ketakutan di wajah
pemimpin BN



→ ms8

GELOMBANG PH SELURUH NEGARA

PULUHAN ribu
berhimpun di Temerloh
manakala lebih 21,000
menonton perhimpunan
ini secara langsung
melalui internet



DARI utara tanah air, Kedah dan Perlis, ia merebak ke selatan (Johor) dan Isnin lepas ia merebak pula ke pantai timur apabila puluhan ribu peserta menyertai himpunan Pakatan Harapan di Temerloh, Pahang.



Laporan
penuh
muka 2

Di media sosial, gelombang meletakkan lambang PKR pada status masing-masing membantirai laman sosial, facebook, instagram dan juga twitter. Ia berlaku selepas penggunaan logo itu diumumkan oleh Tun Dr Mahathir.



**RAYUAN
DANA PRU14**
PARTI AMANAH NEGARA
SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE NO AKAUN:
564294309586
Parti Amanah Negara

Maklumkan sumbangan anda ke email kewangan@amanah.org.my

Gelombang PH seluruh negara

SELEPAS Alor Setar (Kedah), Utan Aji (Perlis), Pasir Gudang dan Muar (Johor), puluhan ribuan penyokong Pakatan Harapan berhimpun di Temerloh, Pahang pula 9 April lepas.

Mereka berhimpun dalam program Jelajah Peneroka PH di Kampung Chengal, Temerloh Pahang dengan diketuai oleh penggerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad.

Di samping itu puluhan ribu peserta, siaran langsung melalui internet pula mencapai 21,000 penonton yang mengikuti secara langsung perhimpunan ini.

"Ini adalah gelombang PH terutama selepas logo PKR diperkenalkan sebagai logo bersama mereka," kata penganalisis politik.

Sebelum ini, Timbalan Pengurus Institut Darul Ehsan (IDE), Prof-

sor Datuk Dr Redzuan Othman berkata, beliau diberitahu gelombang PH akan berlaku selepas pembubaran parlimen.

"Saya diberitahu oleh Tun Dr Mahathir dan Lim Kit Siang, mereka jangka gelombang akan berlaku selepas pembubaran," kata Redzuan ketika membentangkan kajian terkini IDE mengenai pilihan raya umum ke 14 di Shah Alam baru-baru ini.



Penyokong PH melaungkan Pakatan Harapan dalam himpunan di Temerloh baru-baru ini.

Jika PH menang, 10 dan 11 Mei cuti umum?

KALAU Pakatan Harapan (PH) menang dalam pilihan raya umum pada hari Rabu 9 Mei nanti, hari berikutnya iaitu 10 dan 11 Mei akan diisytiharkan hari cuti umum.

Inilah cadangan Pengarah Strategi AMANAH, Dr Dzulkefly Ahmad kepada Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) selepas hari mengundi ditetapkan pada hari Rabu, pertengahan minggu oleh SPR.

"Setelah saya sebutkan perkara ini dalam Majlis Presiden tengahari tadi, Majlis Presiden bersedia mempertimbangkan cadangan ini," tulis calon PH dari AMANAH untuk parliment Kuala Selangor itu.

Menurut beliau, cadangan ini dibuat kerana keputusan SPR



Dr Dzulkefly Ahmad


menetapkan 9 Mei Rabu, hari bekerja.

"Maka andainya PH menang, maka 'Kerajaan PH' akan mengisytiharkan 10 & 11 Mei 2018 sebagai

cuti umum bagi menggalakkan dan meyakinkan rakyat/pengundi untuk pulang mengundi dan seterusnya menyambut kemenangan rakyat," kata Dzulkefly.

SPR telah memutuskan hari mengundi untuk pilihan raya umum ke 14 adalah pada 9 Mei iaitu hari Rabu pertengahan minggu.

Ia bakal menyusahkan para pengundi yang bekerja kerana terpaksa bercuti pada pertengahan minggu untuk pergi mengundi.



Mula-mula akui Pas terima duit Umno, selepas 15 jam nafi

AHLI Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Azman Ibrahim dilihat mengakui partinya menerima sejumlah wang daripada Umno secara rahsia tetapi menafikannya pula selepas 15 jam pendedahan itu dibuat di Facebook.

Beliau dalam status di media sosial itu yang dimuat naik jam 5.17 petang semalam turut mempersoal keikhlasan Umno memberi wang tersebut apabila pecah diketahui Pakatan Harapan (PH).

"Rupanya tak ikhlas Umno bagi pitih (duit) kepada Pas. Bagi tadi lepas tu bocor rahsia kepada PH.

"Umno yang tukang keluar modal, PH tukang canang merata-riti. Ada pakatan sulit rupanya antara Umno dan PH untuk menjatuhkan Pas!" dipetik daripada kenyataan bekas calon Pas bagi Dewan Undangan Negeri (Dun) Jabi itu.

Bagaimanapun, Azman pagi ini menganggap tentera siber PH sebagai "sedang mendedahkan kedangkalan sendiri saja tak faham status troll."

Katanya, beliau tiada sebarang masalah malah mengikuti sahaja komen dan maklum balas orang ramai di media sosial ekoran status tersebut yang didakwanya sebagai bernada sindiran.

Pemilik Klinik Gigi Dr Azman

di Bandar Baru Kubang Kerian, Kota Bharu itu turut memeritahu terdapat pihak Umno menghubunginya sendiri menafikan tentang dakwaan tersebut.

Bahkan, orang Umno itu, dikesuaian mengesahkan pula Pas bersih dalam hal berkaitan wang.

ORANG DALAM PAS BOCOR

Dalam perkembangan berkaitan, Facebook atas nama Ana Tahu berkata, sumber dalaman Pas sendiri yang membocorkan maklumat berkaitan penerimaan wang mencecah jutaan ringgit daripada Umno itu.

"Audio Nik Abdur dan bukti kemasukan duit RM2.5 juta kedua-duanya datang dari sumber dalaman Pas sendiri yang semakin rimas dengan sikap pemimpin-pemimpin boneka Umno dalam Pas ini.

"Ana juga ingin bertanya, selain RM2.5 juta yang masuk 21 Mac 2018 dan RM2 juta yang diterima Dr Samsuri (Ketua Pengarah Pilihan Raya Pas Pusat) untuk pilihan raya Sarawak, berapakah lagi jumlah lain yang telah diterima oleh Pas dari Umno?" soalnya lagi.

BN terdesak berkempen awal

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Biarpun tempoh berkempen Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) secara rasmi bermula pada 28 April ini tetapi BN dilihat terdesak berkempen jauh lebih awal dengan memanipulasi pelbagai bentuk medium.

Tidak cukup dengan dominasi imej serba bagus di Buletin Utama TV3, Utusan Malaysia dan Berita Harian, BN turut 'menajah' seluruh lokasi strategik di jalan raya utama sekitar Kuala Lumpur.

Tinjauan di sekitar ibu negara mendapati rata-rata kawasan berpenduduk ramai pengundi Melayu menjadi sasaran utama kempen BN dengan pemasangan bendera dan lambang dacing pelbagai saiz.

Tidak cukup siang, dominasi BN juga masih ketara menonjol pada waktu malam dengan paparan skrin elektronik bersaiz gergasi yang dapat dilihat dari kedua-dua arah jalan raya.

Di Parlimen Lembah Pantai yang mengisi banyak blok flat kos rendah, skrin berbahaya di Jalan Kerinchi memaparkan kempen BN berserta gambar Najib Razak bersama sekumpulan anak

muda pelbagai kaum.


Tertera ungkapan, "Manifesto Barisan Nasional Bersama BN Hebatkan Negaraku" diikuti terjemahan dalam bahasa Mandarin, Tamil dan Inggeris yang muncul saling silih berganti di kawasan berceracak gedung beli-belah, hotel dan apartmen mewah itu.

Di Kampung Baru yang terletak dalam Parlimen Titiwangsa, lokasi sekitar pintu gerbang dan Masjid Jamek di sat-satunya kampung warisan Melayu yang masih berbaki di pusat bandar raya, 'ribut' kempen BN paling terserlah.

BN berbelanja besar untuk kempen PRU-14 walaupun sudah sedia men-guasai media arus perdana apabila sepanjang Jalan Raja Abdullah dipenuhi bendera dan kain pemidang parti yang dicetak oleh syarikat dari Shanghai, China itu.

Rumah pangsa PKNS di sebelah stesen LRT Kampung Baru dan flat menghadap Jalan Tun Razak pula hampir ditenggelami dengan bendera BN yang turut digantung dari hampir semua tingkat.

Penghuni di kedua-dua flat kos rendah berusia lebih 40 tahun di Kampung Baru itu dilihat sebagai harapan BN untuk terus berkuasa di Parlimen Titiwangsa



Kempen BN pada waktu malam tidak terhalang dengan adanya skrin berbahaya.

biarpun kerajaan sebelum ini galak mahu mengambil tapak kediaman mereka bagi membina projek mewah.

Lokasi tumpuan warga kota beriadah di Tasik Titiwangsa yang pernah cuba mahu ditutup ekoran projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) pula sejak bulan lalu lagi dijengah gantungan lambang dacing.

Sementara itu, wajah Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dilihat menaikluk Jalan

Tuanku Abdul Rahman, Chow Kit sehingga ke Plaza Pekeliling.

Kelabit bekas Menteri Wilayah Persekutuan itu juga terpampang pada papan iklan di tepi Stesen Keretapi Kuala Lumpur Sentral yang merupakan lokasi wajib singgah pelancong asing.

Di Jalan Gombak yang menjadi antara laluan paling sibuk di ibu negara turut terpampang billboard gergasi memujuk pengundi supaya memilih BN bagi Parlimen Wangsa Maju.

PRU14 jadi 'pilihan raya pos'

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar mempertikai tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menambah sembilan kategori pengundi pos pada pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) ini.

Menurutnya, keputusan tersebut bercanggah dengan 22 cadangan Jawatankuasa Terpilih Parlimen (PSC) bagi Penambahbaikan Pilihan Raya termasuk berkaitan undi pos.

"Undi pos ini dikawal oleh pihak atasan. Selama ini, undi pos untuk tentera, polis dan isteri masing-masing.

"Tiba-tiba Pengerusi SPR terbaru, Tan Sri Mohd Hashim Abdullah (yang juga), mantan setiausaha sulit Annuar Musa, ahli parlimen Umno Ketereh,

tidak tahu silap matanya.

"Tidak cukup dengan tentera, polis, dan isteri mereka, dia tambah sembilan lagi kategori sampai undi pos mencecah lebih satu juta orang," ujar beliau.

Kategori baru pengundi pos, jelas beliau termasuk jururawat, pegawai kesihatan dan pegawai penjara.

Berucap pada majlis Ceramah Perdana PH Parlimen Sungai Buloh, baru-baru ini, beliau menggelar PRU-14 sebagai 'pilihan raya pos' memandangkan pada PRU 2013 hanya terdapat sejumlah 400,000 pengundi pos.

"Dia mahu pastikan kita kalah 30 daripada 222 kerusi Parlimen," dakwa bekas ahli parli-

men Lembah Pantai itu.

Nurul Izzah juga memberitahu lebih 28,000 anggota tentera dan ahli keluarga di seluruh negara ditambah dalam senarai pemilih menjelang pertengahan tahun lalu.

Menjelang PRU-14, SPR membuka permohonan undi pos kepada warga Malaysia yang berdaftar sebagai pemilih termasuk dalam kategori Pengundi Pos Dalam Negara mulai 19 Februari lepas manakala Pengundi Pos Luar Negara sejak 23 Januari lalu.

Kategori mereka yang layak memohon mengundi melalui pos adalah yang disahkan oleh majikan dan perlu bertugas pada hari mengundi.

Selain polis dan tentera yang

tidak dapat hadir mengundi awal, mereka adalah petugas media, anggota Agensi Pengukuhan Maritim Malaysia (APMM), anggota Jabatan Penjara Malaysia, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta anggota dan petugas hospital dan klinik kerajaan.

Turut tersenarai anggota Sukarelawan Polis, anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM), anggota Jabatan Imigresen, anggota Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta anggota Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Sehubungan itu, pemandu pilihan raya Bersih 2.0 menganggap tindakan SPR

membesarkan kategori pengundi pos sebagai bermasalah serta "melanggar prinsip hak mengundi, keselamatan undi, integriti pilihan raya dan proses demokrasi". Bersih 2.0 juga berpendapat tiada garis panduan yang jelas tentang identiti 'majikan' serta mempersoal permohonan pengundian pos dalam negara yang telah dibuka sebelum tarikh sebenar pilihan raya dimaklumkan.

"Bagaimana penjawat awam boleh membuat permohonan undi pos tanpa mengetahui bahawa mereka sememangnya bertugas pada hari mengundi?" kenyataan Bersih 2.0 dipetik.

Lebih 300,000 pengundi Malaysia di Singapura terjejas

Oleh AMNI JAGAT

BATU PAHAT: Penetapan tarikh pengundian pada Rabu, 9 Mei oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dikhawatir menjejaskan hak mengundi lebih 300,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

Menurut Naib Pengerusi

AMANAH Johor Suhaizan Kaiat, tindakan SPR menetapkan tarikh pembuangan undi pada hari bekerja di tengah minggu dilihat menyusahkan pengundi yang bekerja di Singapura.

"SPR masih mempunyai tarikh untuk mengadakan pilihan raya sebelum Ramadan yakni pada

6 Mei atau 13 Mei yang jatuh pada hari Ahad sebagai penetapan tarikh yang jatuh pada hari cuti.

"Tindaklan SPR seperti menyembunyikan sesuatu agenda bagi menyukarkan pengundi membuang undi khususnya bagi mereka yang bekerja di luar negara terutama

Singapura," ujar Suhaizan dalam satu kenyataan.

Jelas beliau, Johor adalah negeri yang terjejas teruk dengan tarikh pilihan raya umum (PRU) kali ini.

Menurutnya, walaupun Malaysia memberi cuti umum kepada pekerja sektor awam serta meminta syarikat swasta

memberikan pelepasan kepada pekerja untuk mengundi namun perkara itu tidak berlaku di Singapura.

"Pakatan Harapan (PH) perlu berbincang dengan kerajaan Singapura untuk memberi kelonggaran kepada pekerja di Singapura membuang undi," katanya.

Minda Pengarang

Gelombang rakyat mahu perubahan kian jelas

TARIKH PRU14 sudah ditentukan, semakin menyerlah sokongan rakyat mahukan perubahan. Di mana-manapun program Pakatan Harapan, terutama Jelajah Seluruh Negara – yang kini masuki fasa kedua – telah dihadiri oleh puluhan ribu rakyat.

Program di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, naik ke Selangor, ke Perak dan Kedah dan juga Pulau Pinang, dibanjiri oleh begitu ramai rakyat.

Bukan semata-mata kerana tarikan aura Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Muhamad, tetapi juga kerana didorong oleh kesedaran rakyat mahukan perubahan justeru disebabkan rakyat merasa amat terbebani dengan keadaan ekonomi negara yang ada sekarang. Harga barang yang terus naik, demikian juga harga minyak yang tidak menentu, pengangguran, hutang dan pelbagai lagi, menyebabkan rakyat merasa amat tertekan.

Maka bukan saja gelombang kesedaran mahukan perubahan ini diperlihatkan oleh rakyat di program ceramah Pakatan Harapan, tetapi juga tinjauan dan pengamat pelbagai pihak di lapangan, yang merakamkan keluh kesah rakyat, termasuklah di kawasan Felda sendiri yang selama ini dianggap 'simpanan tetap BN'. Rupanya tidak sekebal mana.

Jelajah Pakatan Harapan seluruh negara yang terkini, di Temerloh, Pahang, menampakkan puluhan ribu rakyat membanjiri tempat ceramah dengan gerai-gerai pelbagai jualan dan makanan begitu banyak. Bukan diberi percuma tetapi berbayar. Begitu juga pengangkutan seperti bas dan sebagannya. Tidak disediakan percuma, tetapi berbayar.

Setiausaha Agung AMANAH, saudara Anuar Tahir akan bertanding di Parlimen Temerloh. Beliau adalah intelektual dan pejuang lama yang sangat berpengalaman serta juga sebagai penulis.

Dari apa yang dilihat, ternyata gel-

ombang rakyat mahukan perubahan selepas PRU14 ini menghantar isyarat yang sangat jelas.

Adapun yang sangat menarik, ialah himpunan rakyat ini telah dihadiri oleh pelbagai kaum, suatu isyarat yang sangat menarik bahawa rakyat pelbagai kaum menerima Pakatan Harapan.

Sementara itu, kita kagum dengan daya tahan fizikal dan mental Tun Dr Mahathir yang kini berumur 93 tahun, masih gagah berceramah panjang penuh semangat, turun menemui rakyat di sebelah petang sebelum berceramah di sebelah malam bersama pimpinan Pakatan Harapan yang lain.

Sebelum ini sambutan yang sangat mengagumkan diterima dari rakyat Johor, yang selama ini negeri selatan tanah air itu menjadi kubu kuat Umno/BN sejak zaman berzaman, seperti tidak terkalahkan. Dengan perubahan yang ketara ini menunjukkan kesedaran luar biasa rakyat Johor. Demikian juga negeri lain seluruh negara, hingga ke Perlis.

Dalam masa yang sama, Pakatan Harapan telah menurunkan para calon terbaiknya yang akan bertanding di peringkat Parlimen mahupun Dun.

Para calon itu, kebanyakannya golongan muda, terdiri dari kalangan profesional – jurutera, peguam, doktor, ahli perniagaan, arkitek dan lain-lain. Para calon terbaik ini ternyata berada dalam Pakatan Harapan.

Dalam masa yang sama penerangan mengenai manifesto Pakatan Harapan sudah disebar luas di tengah rakyat. Disampaikan dengan kaedah paling mudah difahami oleh rakyat.

Kesimpulannya, kita yakin, PRU14 ini akan membawa perubahan ke arah membela nasib rakyat yang merasa amat tertekan, terutama disebabkan kenaikan harga barang.

Polemik calon Muslim lawan non-Muslim

BAHANG pilihan raya menjadi lebih hangat dengan isu calon Muslim bertembung calon non muslim di satu-satu kawasan. Sama ada di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Dewan Rakyat (Parlimen), terdapat pandangan daripada satu kumpulan yang mengharamkan undi kepada non muslim. Adakah tepat *istinbat* (kaedah keluar) hukum ini?

Kumpulan ini juga menegaskan bahawa hukum ini terpakai walaupun pertembungan berlaku di antara calon muslim yang jahat dengan calon non muslim yang baik. Kayu ukur mereka adalah agama, walaupun seseorang itu jahat dan zalim tetapi jika beragama Islam maka kita wajib undi dan sokong kerana lebih 'afdh' berbanding non muslim yang baik tadi. Selain itu mereka menganggap dengan mengundi non muslim sehingga menyebabkan menang, ini membawa kepada wilayah (kekuasaan) non muslim ke atas orang-orang Islam.

Mereka menyandarkan hukum ini kepada beberapa dalil ayat al-Qur'an, antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Nisaa' ayat 141 maksudnya: Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman.

Seringkali juga mereka bersandarkan firman Allah Azza wa Jalla dalam surah Ali Imran ayat 28 maksudnya: Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan yang demikian maka tiadalah dia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apapun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu).

Juga firman Allah SWT yang mempunyai sighah yang sama dalam surah al-Nisaa' ayat 144 maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman.

TELITI DALAM ISTINBAT

Ayat-ayat ini secara zahirnya melarang kita daripada men-



Pencerahan Mingguan
TANWEER USBU'II
DR ANHAR OPIR

ambil non muslim sebagai kawan, penolong, dan termasuk juga calon untuk diundi hingga menjadi ketua yang mempunyai kuasa. Namun istinbat hukum haram mengundi calon non muslim menerusi ayat ini memerlukan ketelitian dan penguasaan ilmu *Usul al-Fiqh*. Ini kerana tidak semua teks ayat al-Qur'an boleh kita bergantung kepada zahirnya sahaja, bahkan terdapat ayat-ayat al-Quran pada dalalah (pendalilan) hukumnya adalah *mu'allalah* (bersebab). Selain adakah ia bersifat mutlak kepada semua non muslim atau *muqaiyyad* (terikat) untuk sebahagian daripada mereka sahaja? Seterusnya adakah kita telah kumpulkan semua ayat al-Quran yang berkaitan dengan non muslim sehingga kita boleh buat kesimpulan dan *istinbat*

Allah Azza wa Jalla telah membahagikan non muslim kepada dua kumpulan; pertama adalah yang baik kepada orang-orang Islam, tidak memerangi dan mengusir muslimin dari kediaman mereka. Manakala kumpulan kedua adalah yang memusuhi, memerangi dan mengeluarkan orang-orang Islam dari rumah-rumah mereka.

hukum haram?

Mungkin kumpulan tadi terlupa atau tidak bertemu dengan firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8-9 maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memer-

angi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Menerusi ayat ini, Allah Azza wa Jalla telah membahagikan non muslim kepada dua kumpulan; pertama adalah yang baik kepada orang-orang Islam, tidak memerangi dan mengusir muslimin dari kediaman mereka. Manakala kumpulan kedua adalah yang memusuhi, memerangi dan mengeluarkan orang-orang Islam dari rumah-rumah mereka.

berkawan dan mengundi mereka. Adapun kumpulan yang pertama, kita tidak dilarang untuk berkawan dan mengundi mereka berdasarkan dalalatu al-nas yang tidak perlukan sebarang ta'wil. Maka ayat ini telah mengikat (*qayd*) mutlaknya ayat-ayat yang digunakan oleh kumpulan yang mengharamkan undi kepada non muslim.

BERSAMBUNG ...



Di mana kita bermula satu dekad lalu

Terharu juga ketika saya terserempak dengan Dr Hatta Ramli dalam perhimpunan bantahan persem-padan semula SPR anjuran Bersih 2.0 sebelum parlimen dibubar-kan. Bukan kenalan rapat secara peribadi, tetapi kami berkongsi nostalgia yang sama pada zaman sebelum tsunami politik melanda pada 8 Mac 2008.

Mungkin tidak terkenal, tetapi Dr Hatta dikenali semua "kaki demo" yang turun ke jalan raya sekitar tahun 2006. Sehingga hari ini, saya belum menemui siapa-siapa yang mampu menandingi Dr Hatta dalam bab kreativiti mencipta slogan ketika berdemonstrasi. Sindiran sinisnya menyengat sang penguasa, pada masa yang sama, jenaknya meredakan ketegangan antara peserta demonstrasi dengan FRU.

Gelombang demokrasi meny-urut selepas PRU11 pada tahun 2004. Api "Reformasi" hampir ter-padam, dan demonstrasi jalanan semakin hilang kehangatan. Tiga kali turun ke jalan raya ketika itu sudah memadai untuk menjadikan kami sebagai kenalan. Temanya berkisar kepada kenaikan harga minyak dan tol. Peserta demon-strasi dilabel sebagai "perusuh" dalam media arus perdana, sungguhpun tiada satu petak gambar



Siang-Malam
Lim Hong Siang

dalam kamera wartawan yang merakamkan keganasan yang dicetuskan peserta.

Ia berlaku pada zaman Pak Lah. Semakin manis senyuman yang terukir pada wajah Abdullah Ahmad Badawi, semakin kencang balunan FRU ke arah peserta demonstrasi. Saya masih ingat kejadian berdarah pada 28 Mei 2006, di mana seorang lelaki berbadan tegap dibelasah dengan baton FRU. Darah mengalir dari luka di bahagian kepalanya, dan membasahi bajunya. Anaknya menan-gis dalam pelukan ayahnya.

Saya bertugas sebagai wartawan laman media on-line, *MerdekaReview* ketika itu. Saya menelefon Dr.Hatta untuk mendapatkan responnya, sama ada demonstrasi akan diteruskan, sebagai mana yang dijanjikan dalam himpunan, selepas kejadian berdarah itu. "Ya, sesungguhnya keganasan boleh menakutkan se-

setengah orang, tetapi keganasan gagal menakutkan semua orang," jawabnya.

Sesungguhnya, jawapan sebegini kalau dipetik sebagai tajuk berita, akan melonjakkan klik bacaannya di alam maya, tetapi bukan kehadiran peserta dalam dunia realiti. Saya pergi juga untuk membuat liputan dalam perhim-punan tersebut, dan secara jujur kaki saya terus lemas apabila FRU membalun baton pada perisainya – sebagai tanda amaran agar perhimpunan bersurai.

Barangkali inilah yang dikatakan sebagai zaman terbaik dan zaman terburuk. Ia titik pemusingan dalam tempoh satu dekad antara tahun 1998 dengan 2008. Abdul-lah Ahmad Badawi merangkul lebih 90% kerusi dengan 64% undi dalam PRU11 tahun 2004. Kita bersyukur kerana masih ada lagi sekumpulan manusia yang tidak berganjak mahupun berundur dari perjuangan selepas kekala-han teruk pembangkang. Mereka cuba menjana semula momentum kekuatan rakyat, dan mencari jalan penyelesaian dalam kebuntuan. Hasilnya dituai pada 8 Mac 2008.

Begini juga, kita mengharungi liku-liku perjuangan untuk tempoh satu dekad seterusnya, dari tahun 2008 hingga 2018. PRU13 pada tahun 2013 menjadi titik pemusin-

gan, apabila Pakatan Rakyat gagal menawan Putrajaya.

Namun demikian, apakah kekalahan ini lebih teruk berbanding dengan apa yang dialami pada tahun 2004? Semestinya tidak. Majoriti dua pertiga BN dalam parlimen dinafikan, dan pembangkang masih memegang kerajaan negeri di Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Apa yang berlaku adalah wujudnya satu lompong antara harapan pembangkang dengan keputusan PRU13, di mana misi untuk menawan Putrajaya digagalkan. Lompong ini kemudiannya diisi dengan kekecewaan dan kemurungan.

Persoalannya, apakah kita mampu melalui saat-saat genting ini, supaya segala usaha kita yang tertunggak, tidak disia-siakan? Mengambil contoh tahun 2008, hasilnya dituai dari benih yang ditanam pada tahun 2008. Ke-jadian mata lebam Anwar Ibrahim memperlihatkan kebangkitan satu generasi baru dengan kesedaran politik yang tercetus, dan akhirnya tampil untuk memimpin pada tahun 2008.

Dan kita bertolak dari ta-hun 2008 sehingga ke hari ini. Apakah kita mampu pergi lebih jauh dari apa yang dicapai pada tahun 2008? Bukan tiada hasilnya sepanjang tempoh satu dekad

ini – sekurang-kurangnya perhim-punan massa yang terbesar dalam sejarah tanahair berlaku dalam 10 tahun ini, dan akhirnya kita berjaya menuntut hak berhimpun tanpa dibedil gas pemedih mata dan air meriam berkemia. Apakah kita ingin kembali ke zaman sebelum tahun 2008?

Persempadan semula telah diluluskan, malah Akta Antiberita Tidak Benar pun telah diluluskan. Maknanya Umno-Barisan Nasional sedang menyusun langkahnya untuk mengembalikan majoriti dua pertiga di parlimen. Maknanya ruang kebebasan bersuara akan dikekang, dan segala hasil usaha perjuangan yang tertunggak sejak tahun 2008, mungkin dilupuskan sama sekali.

Saya akur jika sejarah tidak berkembang dalam garis lulus. Adakalanya kita mengorak dua langkah ke depan, dan terpaksa mengambil selangkah ke be-lakang. Tetapi jangan kita patah balik sebelum kita mencuba untuk mara ke depan. Tidak banyak "dekad" yang kita miliki sepanjang hidup kita. Jangan sesekali kita mencurah hasil perjuangan yang ditunggak sejak dekad-dekad yang lalu. Dan jangan sesekali kita lupa pejuang kita yang bertahan di situ pada zaman terburuk, misalnya Dr Hatta Ramli.

Jentera AMANAH sudah berada di lapangan

Parti Amanah Negara (AMANAH) telah bersiap sedia menghadapi PRU14 yang akan diadakan tidak lama lagi. Jentera AMANAH di semua peringkat sudah digerakkan baik di peringkat Parlimen mahupun Dun.

Seperti kata, Setiausaha Agung parti, Haji Mohd Anuar Tahir berkata, ini menunjukkan kemampuan AMANAH mendukung usaha Pakatan Harapan yang sedang bersiap sedia menghadapi PRU14 kali ini dengan pelbagai petanda sokongan rakyat seluruh negara.

Untuk itu, Ketua Biro Pilihan Raya AMANAH, Dr Hatta Ramli telahpun menjelajah ke semua 27 kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia untuk meneliti persiapan yang dibuat bagi kawasan berkenaan.

Pelbagai pihak yakin, AMANAH berpotensi untuk menang. Justeru itu, pimpinan AMANAH memastikan untuk membuat persemba-

CETUSAN MINDA

ABDUL SHUKUR HARUN

han terbaik pada PRU14 kerana PRU14 ini adalah pilihan raya umum pertama disertai AMANAH, iaitu parti yang berusia muda – lebih dua tahun – tetapi telah menunjukkan integritinya.

Pelbagai pihak yakin, dengan persiapan yang rapi dilakukan di setiap negeri dan kawasan, AMANAH akan mempersemprehan yang terbaik kerana ini adalah PRU kita yang pertama disertai oleh AMANAH.

Namun pendukung AMANAH mempunyai pengalaman luas dalam perjuangan politik iaitu sejak puluhan tahun dalam parti lamanya.

AMANAH akan bertanding di 35 kawasan Parlimen di Malaysia;

27 di Semenanjung, 6 di Sarawak dan 2 di Sabah.

Manakala bagi kerusi Dun AMANAH akan bertanding sekitar 100 kerusi Dun dan ini tidak termasuk kerusi Dun bagi negeri yang masih belum selesai sepenuhnya proses agihan kerusi seperti di Selangor.

Adapun program Jelajah Pakatan Harapan (PH) ke negeri-negeri telah mendapat sambutan luar biasa dari rakyat seluruh negara.

Ini memberi keyakinan yang

besar kepada PH untuk mengambil alih tampuk kuasa daripada Barisan Nasional (BN) jika menang PRU14 nanti.

Pada setiap program yang diadakan, ribuan orang hadir dan ini adalah sesuatu yang luar biasa, kata Anuar Tahir lagi yang dijangka beliau akan bertandig di Temerloh Pahang.

Dari tinjauan yang dibuat mendapati bakal calon AMANAH, adalah mereka yang berkualiti, berpendidikan tinggi, dikenali



rakyat, terutama rakyat tempatan dan berpotensi menang.

Dengan semakin dekat PRU14 ini, suasana semakin rancak. Petugas AMANAH di lapangan bekerja bertungkus lumus bersama dengan parti komponen dalam Pakatan Harapan.

AMANAH yang mendukung konsep peduli rakyat begitu popular dalam kalangan rakyat pel-bagai kaum. Ia dilihat, walaupun parti bernuansa Islam dan tetap dalam orbit Islam, tetapi ia sangat terbuka dan toleransi. Sebab itu ia sangat mudah mendekati dan didekati oleh rakyat pelbagai kaum.

Sebab itu PRU14 yang semakin dekat ini dilihat membuka peluang AMANAH untuk berinteraksi lebih luas dengan rakyat. Tidak ada masalah, kerana ia bukan parti perkauman dan ekstremis agama.

Pelbagai pihak menaruh ha-rapan kepada AMANAH sebagai parti masa depan Malaysia.

Johor bukan lagi ‘permata Umno’

PARIT RAJA: Beberapa hari sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pembubaran Parlimen minggu lalu, beliau berangkat ke Johor dengan janji-janji pembaharuan perkhidmatan kereta api, pelebaran lebuh raya dan pembinaan stadium baru.

Kerajaan BN diketuai Umno yang memerintah sejak kemerdekaan, dijangka kembali memerintah pada pilihan raya yang akan diadakan beberapa minggu lagi.

Tetapi Umno mulai kepanasan dengan serangan pihak lawan di Johor, dan perdana menteri, yang terselamat daripada skandal kewangan yang berlarutan, boleh menjadi lemah jika kerajaan menang kurang separuh daripada 26 kerusi Parlimen di negeri tersebut.

“Jika Johor jatuh ke tangan (pembangkang), ia akan menjelaskan kuasa politik dan kredibiliti Najib dalam Umno selepas pilihan raya,” kata Peter Mumford, pengarah bahagian Asia di firma perundingan risiko politik, Kumpulan Eurasia.

Kebanyakan pengundi di sini marah kerana rasuah dan kos sara hidup selepas pengenalan GST, dan ramai peneroka Felda di Johor yang mendapat manfaat daripada program tindakan afirmatif untuk orang Melayu percaya kerajaan kini mengabaikan mereka.

Johor adalah salah satu ‘permata Umno’ walaupun namanya berasal dari perkataan

Arab yang bermaksud batu permata. Ia negeri ke-3 terkaya dan menjadi hub pelaburan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk projek harta tanah bernilai AS\$100 bilion yang dibina oleh Country Garden Holdings dari China.

Johor menghantar Ahli Parlimen ke-2 teramai daripada 222 kerusi di Dewan Rakyat selepas Sarawak.

Pakatan pembangkang yang diketuai bekas mentor Najib dan perdana menteri Malaysia paling lama berkhidmat, Tun Dr Mahathir Mohamad, menjadikan Johor sebagai tumpuan untuk mengeksplorasi kelemahan Najib.

Dalam jelajah kempennya, Dr Mahathir dan pembangkang menumpukan pada dakwaan rasuah dana 1MDB dan salah urus fiskal kerajaan, menghubungkannya dengan kos perumahan yang tinggi dan peningkatan kos sara hidup.

Semasa kempen di Pagoh, bekas timbalan perdana menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Johor akan bertukar tangan pada PRU akan datang.

Muhyiddin, yang menyertai pembangkang selepas dipecat kerana mempersoalkan cara Najib mengendalikan isu 1MDB, berkata ia “akan memberikan mesej yang kuat kepada seluruh negara”.

Najib memenangi PRU lepas pada 2013 selepas tewas undi popular.

Di perhimpunan Wanita BN baru-baru ini di pekan Parit Raja, hadirin tampak ber-

semangat: terdapat sorakan dan tepukan daripada lebih 5,000 orang ramai yang hadir.

Tetapi menteri besar Johor memberi amaran kepada mereka.

“Jika kita membiarkan parti kita kalah, tidak mustahil kita akan kehilangannya selama-lamanya,” kata Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Sebagai tempat kelahiran Umno, Johor menjadi barometer sokongan dalam kalangan etnik Melayu Islam, yang menyumbang lebih 50% daripada anggaran 32 juta penduduk Malaysia.

Pembangkang mendakwa mendapat sokongan ‘tsunami Melayu’ yang akan memenangkan mereka di Johor dan menjadikan BN di negeri-negeri lain, dan mungkin menafikan majoriti 2/3 Dewan Rakyat yang diperlukan untuk meluluskan pindaan Perlembagaan.

Majoriti mudah diperlukan untuk memerintah.

“Johor sentiasa sukar untuk pembangkang. Tetapi jika ada perubahan berlaku di Johor, saya fikir inilah masanya,” kata Ahli Parlimen DAP Liew Chin Tong.

Khaled menolak optimisme pembangkang, mengatakan Umno tidak akan kehilangan sebarang kerusi di negeri ini. Tetapi yang lain di dalam parti itu bimbang dan mengakui mereka akan berdepan pertemuan yang sukar di Johor.

“Johor akan menjadi perlawanan yang sengit. Di negeri inilah kita benar-benar

perlu berstrategi untuk melepas separuh daripada perjalanan kita,” kata seorang petugas Umno.

Etnik Melayu secara tradisinya menyokong BN tetapi ia hilang sokongan sejak sedekad lalu dalam kalangan penduduk bandar dan pengundi etnik Cina dan etnik India yang tertarik dengan janji pembangkang.

Membantu mereka mencapai pengundi Melayu ialah Dr Mahathir. Walaupun berusia 92 tahun, beliau masih berpengaruh dalam kalangan Melayu luar bandar, sebagai seorang pemimpin yang dalam 22 tahun pemerintahannya mengubah negara pasca penjajahan yang mundur dengan pacuan ke arah modern.

Strategi pembangkang menekankan dakwaan rasuah di 1MDB nampaknya mencapai beberapa kemajuan.

Najib menafikan sebarang salah laku dalam skandal 1MDB dan dibersihkan oleh pihak berkuasa walaupun Amerika Syarikat (AS) mengatakan lebih AS\$4.5 bilion dicuri daripada dana itu dalam penipuan yang didakwa dirancang oleh Jho Low, seorang ahli perniagaan yang dikatakan rapat dengan Najib dan keluarga.

“Umno tidak lagi melindungi rakyat, mereka hanya melindungi Najib,” kata Anuar, seorang pesara akauntan berusia 70 tahun dari Johor yang menyokong Umno selama 40 tahun tetapi beralih kepada pembangkang kerana skandal 1MDB. - Reuters

RoS’sembelih demokrasi’ bila bubar PPBM

KUALA LUMPUR: Penasihat Kebudayaan Malaysia, Tan Sri Rais Yatim berkata, Pendaftar Pertubuhan (RoS) tidak perlu ‘menyembelih demokrasi’ dengan menggantung sementara Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

“Seksyen 14(5) tak perlu dijadikan pisau penyembelih demokrasi. Terasa sangat sesuatu yg tak kena,” kata Rais di laman Twitter.

Bekas menteri kabinet itu juga mempertikaikan keperluan RoS memanggil sidang media tentang penggantungan sementara parti anggota Pakatan Harapan (PH) itu.

“Apa perlunya Pendaftar Pertubuhan buat sidang akhbar tentang penggantungan sementara PPBM di ambang PRU14?

“Bukankah lebih baik panggil saja Setiausaha PPBM dan beri nasihat?” kata beliau dalam kenyataan itu.

Rais mengulas tindakan RoS menggantung sementara pendaftaran PPBM sehingga parti itu mengemukakan segala dokumen yang dikehendakinya.

Dalam perkembangan yang sama, PPBM sudah menjangka tindakan RoS membubarkan parti itu.

Pengarah Strategi Dasarnya, Dr Rais Hussein bagaimanapun berkata, kepu-

tusan PH untuk menggunakan satu logo membantu menyelesaikan semua kemelut antara parti itu dengan RoS.

“Kita telah ikut segala peraturan RoS dan perlembagaan parti.

“Kita tidak rasa terkesan atau terganggu dalam persediaan pilihan raya kerana segala bahan kempen telah disediakan menggunakan satu logo.

“Tindakan zalim ini (pembubaran PPBM) dipercayai akan diteruskan jika rakyat tidak menjatuhkan kerajaan BN,” ujarnya.

Dr Rais menjelaskan, terdapat beberapa perkara yang dipertikai:kan RoS tidak dilaksanakan ekoran organisasi dalam PPBM khususnya di peringkat bahagian dan cawangan belum menjangkau usia setahun.

“Dalam sebuah organisasi perkara yang perlu dihadulukan adalah penubuhan jawatankuasa protem, cawangan dan bahagian.

“Mesyuarat tahunan dalam perlembagaan parti akan diadakan dalam jangka masa 12 bulan.

“Saya nak tanya RoS ada bahagian kami yang tidak sampai 12 bulan lagi. Jadi tidak perlu diadakan mesyuarat tahunan seperti diperuntukan dalam perlembagaan parti,” ujar beliau.

Menurut Rais, laporan mesyuarat cawangan tidak diserahkan pada RoS kerana cawangan-cawangan PPBM masih dalam proses pembentukan.

Beliau mengulangi pendirian bahawa PPBM telah mematuhi segala peraturan ditetapkan RoS dan perlembagaan parti.

Oleh itu, Rais yakin tindakan membubarkan sementara PPBM hanya bertujuan menghalang parti itu menyertai PRU.

PPBM tegas beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap RoS kerana membubarkan parti itu tanpa mengikuti prosedur yang wajar.

“Kita akan ambil tindakan undang-undang. Nampak sangat RoS telah mencabuli undang-undang sedia ada,” tegasnya.

Sementara itu, RoS memaklumkan pembubaran pendaftaran PPBM akan kekal jika parti berkenaan gagal mematuhi 15 permintaan RoS dalam masa 30 hari.

Ketua Pengarah RoS, Surayati Ibrahim mendakwa PPBM gagal menyerahkan semua maklumat dan dokumen yang diperlukan olehnya di bawah Seksyen 14(2) Akta Pertubuhan 1966.

Bekas ketua wanita Umno sokong PH

KUALA LUMPUR: Bekas ketua Wanita Umno dan menteri kabinet, Tan Sri Rafidah Aziz secara terbuka menyokong kempen Pakatan Harapan (PH) diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad untuk pilihan raya umum ke-14 bagi menghadapi BN.

“Usaha kolektif diketuai Dr Mahathir, bagi saya, satu-satunya cara boleh dipercayai untuk menghalang keadaan bertambah buruk. Parti berbeza sudah ketepikan perbezaan mereka, dan juga logo parti mereka untuk bersatu atas perjuangan sama,” katanya.

Respons Rafidah kali ini adalah sokongan paling jelas kepada Dr Mahathir, di tengah-tengah muat naik beberapa kiriman yang mengkritik pentadbiran Najib di Facebook.

Bekas menteri perdagangan yang berkhidmat selama dua dekad di bawah pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi turut menyokong PH yang dianggotai PPBM, Keadilan, DAP dan AMANAH.

“Mereka ada kepelbagaian kaum sebagai rakyat Malaysia dan berusaha untuk kebaikan dan kepentingan rakyat,” kata Rafidah.

Bagaimanapun beliau enggan menjelaskan kemungkinan untuk mengikuti jejak langkah Dr Mahathir keluar Umno atau menyertai PPBM.

Rafidah sebelum ini bertikam lidah dengan beberapa menteri, yang terbaru selepas statusnya di Facebook mendakwa Najib turut terlibat dalam langkah memajakkan ribuan hektar tanah milik tentera dan Kementerian Pertahanan kepada syarikat swasta.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein menafikan dakwaan itu manakala Rafidah mencabar kertas kabinet berhubung perkara tersebut didebak.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2017

PROMOSI**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

**PAKEJ
ZAAFARAN**

**PAKEJ
RUMMAN**

**PAKEJ
TAMAR**

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		
TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		
TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Ketakutan di wajah pemimpin BN

Ketakutan parti pemerintah Barisan Nasional (BN) terserlah apabila pelbagai tindakan dibuat untuk menekan lawannya, Pakatan Harapan.

Bermula dengan pembubaran sementara parti Bersatu sehari sebelum parlimen dibubarkan sehingga kepada penetapan hari Rabu 9 Mei sebagai hari mengundi.

Ketakutan ini dibayangkan sejak hari pembubaran parlimen lagi apabila Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak dan rakan kabinetnya menunjukkan wajah masamnya ketika pengumuman dibuat.

Ia diulangi lagi ketika beliau melancarkan manifesto BN untuk PRU 14 ini.

Walaupun RM30 bilion dijanjikan untuk pengundi bagi memperdayakan mereka, namun muka Najib dan penyokong tidak ceria.

Tindakan utama pentadbiran Najib kepada musuh politiknya yang paling ketara adalah membubarkan Bersatu sehari sebelum pembubaran parlimen diumumkan.



Inilah wajah anggota Kabinet Najib ketika parlimen dibubarkan.

Pada 5 Mei, Pendaftar Pertubuhan (RoS) membuat pembubaran sementara ke atas parti Bersatu, rakan Pakatan Harapan.

Kemudian bagi menyekat undi golongan

bekerja, SPR mengumumkan hari pembuangan undi pada pertengahan minggu ketika semua mereka sedang bekerja.

Hari Rabu 9 Mei telah ditetap oleh SPR sebagai

hari pembuangan undi yang menyebabkan ramai golongan bekerja dijangka tidak boleh membuang undi.

Netizen bertekad tetap mahu pulang mengundi #kalahkan penipuan

TINDAKAN SPR mengumumkan pengundian pada hari Rabu menimbulkan kemarahan orang ramai dan mencabar mereka untuk tetap pulang bagi membuang undi.

Mereka meluahkan kemarahan itu melalui laman sosial dan berikrar akan tetap pulang untuk mengundi.

Keith Rozario pada asalnya mahu emerti kumpulan 'Undi rosak' dengan tidak pulang mengundi tahun ini.

Namun tindakan SPR yang menetapkan undi pada hari Rabu menyebabkan beliau berazam mahu pulang dari Singapura dan membuang undi di kampungnya di Klang, Selangor.

"Pada awalnya saya bercadang untuk tidak mengundi, atau 'undi rosak' tetapi SPR menetapkannya hari Rabu."

"Jangan bimbang, saya akan belanjakan SGD300 untuk membeli tiket, balik ke Klang dan undi siapa saja yang Pakatan letakkan," kata beliau.

Seorang lagi netizen, Akurazal juga marah tindakan menetapkan undi pada hari Rabu.

"Mengundi hari kerja tengkorak engku ye. Kira kalau peratusan undi rendah kau bajet menanglah ye?"

"Baik, sekarang juga aku isi borang cuti balik kampung mengundi, balik hari," kata beliau.

Seorang lagi pengguna laman sosial yang menggunakan nama Sectumsempra berkata, walaupun licik permainan ini, mengundi jatuh pada hari Rabu, "Kita tunaikan tanggungjawab kita sebagai pemilih."



"Aku pulang demi satu undi," kata beliau dalam komen itu.

Seorang majikan juga berazam mahu mempastikan semua pekerjanya dapat mengundi dengan memberikan cuti kepada kakitangannya.

"Sebagai majikan, saya akan pastikan

semua staf saya boleh ambil cuti/ atau rehat pada 9 Mei 2018 untuk keluar mengundi.

"Semua majikan patut membuat perkara yang sama," kata beliau dengan #kalahkan penipuan.

Awas, malaikat akan beratur mengundi untuk Pas nanti, kata Pemuda Pas Kelantan

Ucapan Timbalan Ketua Pemuda Pas Kelantan, Nor Azariza Mohd Alawi bahawa malaikat akan datang menolong parti itu dalam pilihan raya nanti kini menjadi tular di media sosial.

"Jadi dalam pilihan raya boleh tak Allah hantar malaikat bawa IC beratur pergi mengundi? Boleh tak? Senang sangat adik-kakok," kata penceramah Pas yang lebih dikenali dengan nama Ustaz Ja.

Katanya, Allah boleh hantar malaikat menyerupai sesiapa yang tak balik mengundi.

"Pegang IC, berdiri dan beratur di depan kita.

"Kita tegur nampak kawan kita si Man, selepas mengundi sebelah petang kita terjumpa ayah Man tadi. Kita tanya ayahnya, Man dah balik KL ke? Ayah dia jawab Man tak balik pun."

"Jadi Man yang kita jumpa masa mengundi itu siapa? Kita pula berpeluh. Siapa tadi? Itulah malaikat kalau Allah nak bawa turun malaikatnya dalam keadaan begitu," kata ustaz Ja lagi.

Bagi beliau, itu boleh berlaku dalam pilihan raya nanti.

"Boleh tak adik-akak Allah nak buat begitu? Boleh sangat-sangat," katanya ketika berceramah di Kampung Kemumin, di Kota Bharu, malam tadi, lapor Malaysiakini.

Beliau turut menjelaskan situasi pada PRU 1990 yang memenangkan PAS dengan 39 kerusi pernah disebut bekas menteri besar Kelantan, Allahyarham Datuk Nik Aziz Nik Mat sebagai seolah-olah ada persefahaman antara malaikat di langit dan pengundi di bumi.

Patriot tabik kepada panglima ATM, sanggup betulkan segera kenyataan

Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) memuji kenyataan Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Tan Sri Raja Mohd Affandi bahawa kesetiaan Angkatan Tentera Malaysia adalah keopada Raja dan negara dan tidak berpihak kepada mana-mana parti politik.

"Patriot menabik Panglima Angkatan Tentera di atas perisytiharan terbuka beliau," kata BG Datuk Mohamed Arshad Raji (B), Presiden, Persatuan Patriot Kebangsaan.

Katanya, Patriot terkejut mendengar Menteri Pertahanan penjaga (caretaker) Hishammuddin yang menyatakan, "Jangan cuba untuk menipu anggota ATM dan jangan cuba mengelirukan orang lain dengan tuduhan (anggota ATM berpihak dengan parti tertentu)"



ARSHAD...Patriot menabik Panglima Angkatan Tentera.

SPR dah jadi alat menangkan BN?

Rata-rata netizen mela-hirkan rasa terkejut apabila SPR telah mengumumkan tarikh pengundian bagi PRU 14 adalah pada hari Rabu, 9 Mei 2018. Ini kerana kali terakhir tarikh mengundi yang dibuat pada hari Rabu adalah bagi pilihan raya umum tahun 1955 dan 1959.

Mengundi pada hari Rabu mendatangkan banyak masalah kepada pengundi kerana hari Rabu adalah hari bekerja. Pengundi perlu mengambil cuti untuk pergi mengundi.

Majikan pula terpaksa memberikan pelepasan kepada pekerja untuk keluar mengundi. Ini akan menurunkan produktiviti ekonomi negara.

Ada juga pengundi yang bermas-



Sabtu atau hari Ahad, kesusahan ini sedikit sebanyak boleh diatasi.

Pengerusi Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan juga berkongsi perkara yang sama. Beliau dilaporkan berkata bahawa pekerja memerlukan beberapa jam untuk membuang undi jika berdekatan dengan rumah atau sepenuh hari jika perlu keluar bandar untuk membuang undi.



tautin di ibu kota terpaksa balik ke kampung untuk mengundi. Ini akan menyebabkan mereka terpaksa mengambil cuti yang panjang sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga hari iaitu satu hari hari perjalanan pulang, satu hari mengundi dan satu hari untuk pulang semula ke ibu kota. Jika hari mengundi ditetapkan pada hari

Produktiviti dijangka akan berkurangan sehingga 30% jika sebahagian besar pekerja mengambil cuti atau memohon cuti tahunan.

Apakah puncanya tarikh hari mengundi ditetapkan pada hari Rabu tidak dijelaskan oleh SPR. Menurut Perkara 55(4) Perlembagaan Persekutuan, apabila Parlimen dibubarkan

suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubarannya itu.

Parlimen dibubarkan tanggal 7 April 2018 yang lepas. Ini bermakna tempoh 60 hari itu akan berakhir pada 5 Jun 2018. Ramai yang menjangka tarikh mengundi akan ditetapkan pada 6 Mei 2018 (Ahad) atau 13 Mei 2018 (Ahad) memandangkan umat Islam akan mulakan puasa bulan Ramadhan pada 18 Mei 2018.

Namun, nampaknya pertimbangan kesusahan pengundi tidak berada dalam perkiraan SPR. Mengundi pada hari Rabu dijangka akan menurunkan peratusan mengundi. Ini kerana ada pengundi yang pasti tidak dapat turun mengundi disebabkan masalah kerja. Contohnya, pilihan raya pada 29 November 1999 yang dibuat pada hari Isnin menunjukkan peratusan turun mengundi adalah hanya 69.3% berbanding peratusan mengundi pada 5 Mei 2013 yang jatuh pada hari Ahad menunjukkan peratusan turun mengundi adalah sebanyak 84.4%.

Mungkin BN telah belajar daripada kesilapan mereka menetapkan hari mengundi pada hari Ahad yang akan memberikan kelebihan kepada pembangkang seperti mana yang berlaku pada PRU 13 itu di mana BN telah mengalami kemerosotan undi popular yang besar dan telah kehilangan banyak kerusi Parlimen kepada pembangkang.

Ada kajian yang mengatakan bahawa perempadian semula kawasan pilihan raya baru-baru ini akan boleh memenangkan BN dengan majoriti dua pertiga kerusi Parlimen meskipun BN hanya mendapat undi popular 40%

seperti dilaporkan *Borneo Post online* 10 Apr 18.

"Patriot tidak menyalahkan Panglima Angkatan Tentera kerana membuat kenyataan di Mes Perwira Kementah pada 30 Mac 18 menyatakan kesetiaan kepada kerajaan dan Perdana Menteri.

"kerana kami percaya beliau hanya mengikuti naratif penulis ucapan dari kementerian Hishammuddin," kata Arshad dalam kenyataannya.

Patriot telah menyebut sebelum ini bahawa pengundian dan kertas undi adalah rahsia dan adalah mustahil bagi seseorang untuk mengesas parti atau calon mana yang telah dipilih.

Ketua Suruhanjaya Pilihanraya juga telah membuat pernyataan yang sama, katanya.

"Memandangkan Panglima

Angkatan Tentera telah membuat kenyataan yang dialu-alukan di Kuching, kami merayu agar beliau segera membuat pernyataan seperti berikut, untuk mengelakkan ketakutan, kecurigaan dan kekeliruan di kalangan anggota tentera dan masyarakat umum," kata nya.

Beliau meminta, semua anggota Angkatan Tentera dan ahli keluarga mereka bebas mengundi sesiapa sahaja yang mereka inginkan.

Mereka yang berhak membuat undi pos/awal hendaklah menandakan kertas undi sendiri, dan tidak ada orang lain yang menandakan kertas undi untuk mereka.

Katanya juga, menandakan kertas undi bagi pihak orang lain adalah kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

begini maka tentulah pesta demokrasi yang dibuat ini adalah tempang. Pembangkang terus diikat tangannya manakala BN dibiarkan untuk menumbuk pembangkang dalam keadaan tangan diikat. Ini menjasakan proses pilihan raya yang adil.

Dengan demokrasi yang tempang ini hanya satu sahaja pilihan rakyat Malaysia iaitu menjatuhkan BN dengan apa cara sekali pun. Pengundi mesti bersatu hati untuk menumbuk BN. Jika pengundi secara besar-besaran menolak BN maka apa jua tipu helah BN dan SPR ini tidak akan mendatangkan sebarang faedah kepada mereka.

Maka, ingatlah tarikh mengundi pada 9 Mei 2018 akan kita sama-sama menjatuhkan BN dan menaikkan PH sebagai sebuah kerajaan baharu yang akan membawa Malaysia sebagai sebuah negara yang gemilang dan terbilang.

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSCRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA
- SUPPLEMENTS

Natural Safe Effective

HANDMADE **NO HARMFUL CHEMICALS** **PARABEN FREE** **HALAL**

SABUN MANJAKANI **KAPSUL MANJAKANI**

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: droleivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.droleivebodycare.wixsite.com/droleivebodycare

Nasib kaum minoriti India terus dibela

PETALING JAYA: Pakatan Harapan (PH) akan memastikan nasib kaum minoriti India di negara ini terus dibela dan kebajikan mereka dijaga.

Malah Penggerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, PH akan memperuntukkan dana khas bagi membangunkan kaum India, membina sekolah menengah Tamil serta 21 janji manifesto yang lain.

Kaum India juga, jelas beliau diwakili dalam tiga parti gabungan PH iaitu Keadilan, DAP dan AMANAH.

Berucap di Majlis Pelancaran Manifesto PH untuk kaum India di Dewan Sivik Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), 5 April lalu, beliau bersyukur kerana keharmonian hidup antara kaum di negara ini terus terpelihara.

Hadir sama pada majlis itu Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Dr Wan Azizah ketika berucap berkata, pendidikan kaum India amat penting untuk



Tun Mahathir dikalungkan bunga malai sambil diperhatikan Dr Xavier Jeyakumar.



Dewan Sivik MPPJ penuh sesak dengan hadirin.

dipertingkatkan.

iPH komited untuk menyelesaikan masalah kaum India di negara ini. Mereka perlu

diberikan peluang untuk mengubah nasib," ujarnya.

Guan Eng pula berkata, Pulau Pinang

telah mengiktiraf sumbangan kaum India apabila melantik Dr P Ramasamy sebagai Timbalan Ketua Menteri.

Najib hanya umum gula-gula PRU

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung sembilan khabar gembira buat penjawat awam dan pesara kerajaan lebih berunsurkan politik.

Pensyarah dari Universiti Melaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi berkata, pengumuman kenaikan satu gaji tahunan untuk 1.6 juta penjawat awam berkuatkuasa 1 Julai itu boleh menimbulkan persepsi bahawa ia gula-gula pilihan raya.

Menurutnya, ini kerana ia dibuat ketika parlimen hampir dibubarkan dan negara di ambang pilihan raya umum (PRU).

"Mungkin pengumuman Najib ini ambil kira faktor keluhan penjawat awam yang merasai bebanan peningkatan kos sara hidup, kerana bukan semua mereka menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)."

"Jadi ini peluang untuk raih sokongan daripada penjawat awam agar terus mendukung dan memastikan parti kerajaan terus mentadbir negara ini," ujarnya dipetik Sinar Harian.

Najib pada 4 April lalu mengumumkan kenaikan pangkat 'time-based', mewujudkan lapisan Gred DG56, memanjangkan kewmudahan perubatan kepada ibu bapa pegawai lantikan kontrak warganegara serta kemudahan cuti tanpa rekod maksimum tujuh hari kepada

penjawat awam bukan Islam bagi aktiviti keagamaan.

Turut diiumumkan sumbangan tahunan kepada Cuepacs sekurang-kurangnya RM3 juta setahun, faedah persaraan, geran khas RM1 juta kepada setiap persatuan pesara serta kuota untuk persatuan pesara kerajaan menunaikan haji bermula tahun ini.

"Pada pandangan saya, ia satu pengumuman bantuan kepada penjawat awam yang berunsurkan tindakan politik kerana beliau tahu itu menangani kos sara hidup dalam kalangan penjawat awam antara isu utama yang dihadapi kumpulan itu."

"Pengumuman kenaikan gaji tahunan (KGT) tersebut mungkin boleh memberi kelegaan kepada penjawat awam tetapi ia bukan langkah penyelesaian jangka panjang dan menyeluruh."

"Sepatutnya kerajaan memikirkan untuk menyelesaikan masalah lebih besar seperti isu kenaikan harga barang yang terus berlaku," tambahnya lagi.

Ketika tarikh pilihan raya masih teka-teki, Najib Razak dan Timbalannya, Zahid Hamidi dilihat begitu terdesak meraih undi dari pada pelbagai segmen rakyat.

Antaranya, menaikkan eluan sukarelawan polis di seluruh negara sebanyak RM2 sejam berkuat kuasa serta merta pada 1 April lalu dan sehari sebelum itu menaikkan eluan anggota lain-lain pangkat dan pegawai

Askar Wataniah masing-masing daripada RM6 kepada RM8 dan RM7.80 kepada RM9.80 sejam.

Pada 27 Mac lalu, Najib melancarkan Bantuan Khas Pesawah Peringkat Kebangsaan kepada 325,518 pesawah seluruh negara termasuk pengusaha padi bukit di Sabah dan Sarawak yang akan menerima bantuan RM200 sebulan dalam tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil tuaian.

Kerajaan juga pada 11 Mac lalu, mengumumkan kenaikan eluan pegawai dan anggota Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) melibatkan pegawai dari RM7.80 kepada RM9 sejam manakala RM6 kepada RM8 untuk anggota.

Sehari sebelum itu pula, eluan anggota dan pegawai Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) pula dinaikkan daripada RM6 kepada RM9.80 sejam bermula tahun ini.

Siri pengumuman Najib dan Zahid menjelang PRU-14 itu berlaku selepas kerajaan menghapuskan subsidi sejumlah barang asas seperti beras, gandum, gula dan minyak masak sehingga mengheret rakyat termasuk penjawat awam kepada beban kenaikan melambung harga makanan dan kos sara hidup.

Najib juga muncul sebagai perdana menteri pertama menghapuskan subsidi minyak serta memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkuat kuasa 1 April 2015.

Sasaran sejuta rumah mampu milik BN tidak tercapai

KUALA LUMPUR: Selepas lima tahun Penggerusi BN, Datuk Seri Najib Razak berjanji untuk membina 1.1 juta rumah mampu milik untuk rakyat, jumlah unit yang siap terlalu jauh daripada angka dalam akujanji Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu.

Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad menyifatkan angka tersebut tidak ditepati apabila hanya 21.3 peratus sahaja unit rumah mampu milik siap dibina seperti dibentang di Parlimen.

"Dua bulan lepas, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memberikan amaran rumah mahal dan di luar kemampuan kebanyakan rakyat.

"Malah hingga kini, janji kerajaan BN untuk membina sejumlah besar rumah mampu milik yang telah dijanjikan masih tidak lagi siap untuk kegunaan rakyat. Janji 'dicapati,' dipetik daripada Facebook beliau."

Untuk rekod, buletin suku tahunan BNM pada 14 Februari lalu melaporkan Malaysia menghadapi kekurangan rumah mampu milik untuk memenuhi keperluan ramai.

Menurut bank pusat itu, rumah di negara ini 'tidak mampu dibeli' pada 2016 oleh standard antarabangsa disebabkan oleh penawaran dan permintaan yang tidak sepadan serta pertumbuhan pendapatan yang lebih perlahan.

Setakat November 2017, hanya 241,575 unit rumah mampu milik atau 21.3 peratus daripada



Khalid Samad

sasaran siap dibina manakala 634, 235 unit rumah mampu milik (57 peratus) sedang dibina dan bakinya 22 peratus masih dalam perancangan.

BN dalam akhir janjinya pada PRU-13 menyatakan komitmen untuk membina satu juta rumah mampu milik untuk rakyat bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah.

Pelancaran Manifesto BN 7 Julai lalu tidak langsung menyebut angka khusus untuk pembinaan rumah mampu milik. Sebaliknya BN berjanji menubuhkan bank khusus untuk memudahkan proses pinjaman perumahan mampu milik dan kos rendah dengan harga RM300,000 ke bawah.

Hanya bagi Pulau Pinang, BN berjanji untuk membina sebanyak 60,000 unit rumah mampu milik dan kos rendah untuk lima tahun mendatang.

Amanah

**RAYUAN
DANA PRU14**

PARTI AMANAH NEGARA

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE NO AKAUN:

564294309586

Parti Amanah Negara

Maklumkan sumbangan anda ke email kewangan@amanah.org.my

Antara manifesto kaya hutang dan buku bina semula negara



SEOLAH-OLAH tidak cukup menguji kesabaran rakyat dengan persempadan semula yang amat curang dan culas, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menambah seksa pengundi dengan pengumuman malang semalam (10 April). Rakyat persis sudah jatuh ditimpa tangga.

Pilihan 9 Mei buat hari pembuangan undi yang jatuh pada hari Rabu adalah perbuatan 'sabotaj' kepada hak demokratik rakyat-pengundi. Begitu pandangan pelbagai pihak yang kritikal.

Tidak dapat dielakkan persepsi buruk terhadap SPR yang didakwa bertindak atas arahan penguasa politik di Putrajaya. Kalau pun telah menjadi rahsia umum yang PM memang takut kalah, tidak perlulah menyusahkan dan membebankan rakyat begini sekali.

Rabu hari bekerja. Faham-fahamlah. Kecuali dijadikan hari cuti umum. Untuk pentahuan umum, Tun Dr Mahathir Mohamad juga pernah mengadakan pilihan raya pada hari bekerja. i. 22 April, Khamis 1982 ii. 25 April, Selasa, 1995 dan iii. 29 Nov, Isnin, 1999. Pada semua PRU tersebut Tun umumkan cuti umum. Itu bezanya.

Kononnya Najib dan BN akan menang sekiranya jumlah keluar mengundi jatuh ke paras 75%. Dengan dibuat hari Rabu, besar kemungkinan ramai yang tak sanggup bersusah-payah hendak ambil cuti, sekaligus memungkinkan kemenangan Najib-BN. Begitu gamaknya fikiran singkat kumpulan pemikirnya di Putrajaya itu.

Kicauan tweet saya semalam amat popular terutama ketika saya melepaskan mesej bahawa 'Majlis Presiden PH bersedia menimbangkan cuti umum pada 10 dan 11 Mei, seandainya kerajaan baru PH terbentuk dan ambil alih Putrajaya bagi menghormati pengorbanan rakyat' serentak menyuntik semangat dan keberanian rakyat untuk berubah.

Amarah rakyat merentasi semua segmen pengundi, tambahan yang tinggal dan ber-

tugas di luar kawasan mengundi mereka, termasuk 300,000 yang perlu pulang dari Singapura.

Pun begitu, nampaknya Najib silap sekali lagi mencongak. Menghidu niat jahat di sebalik perancangan ini, pelbagai usaha di gerakkan rakyat. Lebih hebat lagi, ini tidak ada kena mengena dengan parti-parti pembangkang. Usaha-usaha secara berkelompok atau badan-badan NGO seperti #PulangMengundi dan #CarpoolGE14 terbit spontan dan amat popular. Ramai dermawan budiman yang sudi membantu dengan dana untuk #PulangMengundi.

Beralih tajuk sedikit tetapi masih dalam perihal pilihan raya adalah bersabitan Manifesto Barisan Nasional yang dibentang Presiden BN. Ya, seperti biasa Najib selaku presiden membentang 'live' di televisyen dan ditonton berjuta rakyat. Kononnya dokumen itu bukan sekadar tulisan rasmi untuk meraih undi, tetapi ikrar janji dan sumpah mereka.

Najib bangga membentangkan Manifesto BN setebal 220 muka dan mengandungi 364 inisiatif.

Namun ketara perbezaan antara Manifesto Umno-BN dan Buku Harapan PH terletak pada metodologi membuat 'rawatan'.

Jelasnya manifesto yang dibentang Najib gagal sama sekali memberikan satu 'diagnosis' yang menyeluruh tentang negara, lalu menjadikan 'prekripsi' (baca rawatan) yang diberikan sememang bersifat 'generik' dan tidak spesifik kepada 'penyakit'. Memang jelasnya manifesto memancing undi.

Dengan kata lain manifesto Najib jelasnya adalah 'pil panadol' yang baik untuk pelbagai penyakit 'cough-cold' atau 'demam biasa' dengan pemberian 'dos yang tinggi'. Tidak dapat tidak penganalisis yang kritikal akan bertanya dimana 'rawatan' penyakit yang ke tahap kritikal atau 'terminal'?

Najib dan BN jelasnya dalam penafian, bahkan takut untuk menyebut akan perihal

penyakit dan urus-tadbir negara, di mana beliau sendiri adalah antara 'punca dan sebab' dan bukan 'rawatan dan ubat'nya.

Pendekatan 'Generik' atau 'Umum' ini pastinya berbeza dengan Manifesto PH yang memulakan Buku Harapan dengan memberikan satu naratif perjuangan tokoh-tokoh pejuang tanah air negara ini atau yang diasaskan oleh 'the founding fathers' dan cita-cita mereka untuk membina sebuah negara yang maju, merdeka dan dihormati di persada dunia (Bab 'Pembuka Kata' dan 'Situasi Negara' di bawah Umno dan BN sekarang, yakni Najib).

Negara ini jelasnya telah tersasar jauh dari wawasan awalnya dan kedaulatan serta maruah negara digadai oleh pemimpin yang korup. Rakyat dibelenggu dengan kenaikan kos sara hidup yang membebankan, sementara perkauman sempit dan perbalahan agama menjelaskan keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Hilang pengertian 'Mengongsi Negara' ini atau 'Sharing the Nation' dalam satu kehidupan yang damai dalam amalan kepelbagaian agama, budaya dan etnik.

Institusi-institusi penting sebagai menyakinkan. Cabang Eksekutif terus mencekik dan memandulkan Cabang Legislatif (Parlimen) dan Judisiari (Perundangan). Erti sebuah kerajaan sudah mula luput dan reput (failing dysfunctional state), sekaligus gagal mengheret Kleptokrat yang terus merompak dan mencuri wang dan dana negara.

Tawaran PH sebenarnya bukan satu manifesto pilihan raya seperti BN. Setelah terang dan secara tuntas penyakit, kemelut dan sindrom dikenal pasti, yang telah menghambat pembangunan negara ini, maka 'rawatan menyeluruh' untuk mengatasi krisis ini dirumuskan dalam satu Buku Harapan bagi 'Membina Semula Negara' dan 'Memenuhi Harapan Rakyat'.

Justeru kerana itu, kami cerakinkan



ANALISIS
DR DZULKEFLY AHMAD

Buku Harapan berpaksikan lima teras. Secara ringkasnya ia adalah satu penegasan komitmen dan agenda bertindak kami untuk menangani i. Kos beban hidup, ii. Mereformasi institusi pentadbiran yang rosak dan tempang, iii. merancak ekonomi dan bina daya-saing negara, serta iv. meletakkan kembali status Sabah & Sarawak kepada bingkai perjanjian 1963.

Hanya dengan "Memenuhi Harapan Rakyat" ini maka kepimpinan yang komited dengan visi-misi ini akan mampu untuk menjayakan Teras ke-5 yakni "Membina Malaysia yang Inklusif, Moderat & Gemilang" yang dikagumi dunia!

Seperkara yang tampak jelas dari Manifesto BN juga adalah format bahkan ada program-program yang diciplak langsung (contoh gaji minima dan lain-lain) dari Tawaran Buku Harapan.

Pun begitu, Manifesto BN gagal memberi apa-apa penyelesaian tentang kos sara hidup rakyat kecuali meningkatkan pembelian BRIM sebanyak RM800. Najib juga tidak langsung menyinggung aspek tadbir-urus kewangan yang mapan.

Kerana gagal mengenal pasti penyakit pentadbiran serta urus-tadbir kewangan negara, maka tidak ada janji dan langkah-langkah konkrit untuk menangani gejala bocor, bolot, bazir dan boros.

Lebih mustahak lagi, ketika Najib megah membuat pengumuman untuk mengatasi angka-angka pemberian PH, ahli ekonomi turut menghitung berapakah jumlah hutang yang akan bakal bertambah dengan Manifesto BN ini.

Dianggarkan kos membuat janji Manifesto BN ini akan menambahkan hutang kerajaan Persekutuan menokok RM300 bilion!

Rakyat dan pengundi diingatkan bahawa Najib boleh membuat 'Akuanji' sebesar dan sehebat ini (temanya Hebatkan Negaraku), sebab beliau semacam tahu bahawa BN tidak perlu bertanggungjawab selepas PRU ke-14 nanti, kerana akan bertindak sebagai pembangkang gamaknya.

■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMNAH.

Calon PM Pakatan Harapan lebih popular

Laporan HUSIN MAHAT, ARIF ATAN
Foto WAN ZAHARI SALLEH

SHAH ALAM: Hasil kajian dijalankan Institut Darul Ehsan (IDE) mendapati Tun Mahathir Mohamad lebih mendapat sokongan sebagai calon perdana menteri berbanding Datuk Seri Najib Razak.

Secara keseluruhan, Tun Mahathir memperolehi 61% sokongan berbanding Najib (39%) yang menggambarkan populariti bekas perdana menteri itu melonjak naik selepas diumumkan sebagai calon perdana menteri Pakatan Harapan (PH) Januari lalu.

Sokongan berdasarkan kaum juga menunjukkan Tun Mahathir mendapat 57% sokongan Melayu berbanding Najib (43%), Cina (72%) dan India (61%) manakala Najib hanya mendapat 28% sokongan kaum Cina dan India (39%).

Dapatan kajian IDE itu dibentangkan Timbalan Pengurus merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IDE Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman di Auditorium IDE, dekat sini, 5 April lalu.

Tinjauan IDE juga mendapati Tun Mahathir mendapat sokongan tinggi di kalangan penyokong parti-parti utama di Semenanjung termasuk Pas dan golongan atas pagar menjadikan beliau sebagai calon perdana menteri paling popular jauh meninggalkan Najib.


Survei Malaysia 2018 bagi mengukur angin (mood) sokongan rakyat

dijalankan dari 23 hingga 26 Mac lalu.

Tinjauan yang dibuat membabitkan penyokong enam parti politik mendapati 85% penyokong Pas menyokong Tun Mahathir sebagai perdana menteri berbanding golongan 'atas pagar' (81%).



Dr Mohammad Redzuan membentangkan dapatan kajian IDE di Shah Alam.



Pas tidak menyertai Pakatan Harapan (PH) sebaliknya membentuk Gagasan Sejahtera (GS) dengan beberapa parti kecil yang lain.

Tun Mahathir juga mendapat sokongan tinggi di kalangan penyokong parti-parti gabungan PH iaitu Keadilan (97%), DAP

(95%), AMANAH (97%) dan PPBM (97%).

PPBM bagaimanapun dibatalkan semasa pendaftarannya oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan (RoS) bermula 5 April lalu.

Di kalangan penyokong BN, Tun Mahathir menerima 23% sokongan.

Pas tidak akan menangi kerusi di Selangor

INSTITUT Darul Ehsan (IDE) menyangkal tanggapan Pas mempunyai pengaruh besar pada pilihan raya umum akan datang berdasarkan pola kehadiran peserta yang ramai dalam program anjuran parti itu.

Malah selain Kelantan, pengaruh Pas di negeri-negeri lain jatuh merudum dan diramal tidak akan memenangi sebarang kerusi di Selangor.

Timbalan Pengurusnya, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) bukan sekadar bergantung pada khalayak dan jentera pilihan raya semata-mata.

"Memang kalau kita lihat ramainya orang hadir itu dijadikan alasan pemimpin Pas untuk mengatakan partinya masih berpengaruh."

"Terbukti sehingga PRU-13, walaupun saya tidak menolak jumlah yang hadir dalam kempen yang diadakan tetapi itu bukan satu indikator.

"Pilihan raya bukan semata-mata disumbangkan oleh jentera. Kalau mereka yakin (dengan sambutan orang ramai indikator pengaruh Pas), saya hormati tetapi kajian kami mendapati tidak semestinya hal itu berlaku," jelasnya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan semasa sidang media Survei Malaysia 2018: Kecenderungan Mengundi Menjelang PRU-14: Siapa Pilihan Rakyat Malaysia?

Dr Mohammad Redzuan berpendapat Pas berpotensi untuk mempertahankan Kelantan yang dikuasai sejak 1990 dalam keadaan 50:50 memandangkan BN juga

mempunyai peluang sama untuk merampas kerajaan negeri tersebut.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, sokongan pengundi kepada Pas di Selangor dan di peringkat nasional semakin merudum ekoran perubahan sokongan kumpulan pemilih yang mengundi Pas pada PRU-13 atas kapasiti mewakili Pakatan Rakyat.

"Trend menunjukkan undi popular Pas di Selangor dan nasional semakin menu run. Dulu 18 peratus, kini tinggal 13 peratus.

"Berbeza di Kelantan, jumlah ahli Pas ramai dan dalam kalangan mereka walak (setia kepada pimpinan). Di Kelantan, kesetiaan (kepada Pas) itu luar biasa.

"Tetapi keputusan turut ditentukan pengundi Kelantan yang bekerja dan tinggal di Lembah Klang. Adakah mereka

balik (ke Kelantan) beramai-ramai (untuk PRU-14)? Mereka ini nanti menentukan siapa yang akan menang," hujahnya.

Turut ditanya tentang dakwaan pimpinan Pas bahawa mereka adalah 'king maker' pada PRU-14, Dr Mohammad Redzuan menjawab parti tersebut dijangka tidak akan memenangi satu kerusi sekali pun di Selangor.

"Mereka tidak dapat satu kerusi. Agak malang setelah mencapai satu kejayaan besar (pada PRU-13), pemimpin-pemimpin terdahulu telah mendapatkan keyakinan bukan Melayu dengan cukup susah dan usaha bertahun-tahun, kalau tidak mencatatkan kejayaan yang besar seperti sebelum ini, maka parti itu mengalami satu pengunduran ke belakang," katanya lagi.

Sokongan PH meningkat, BN tenu, Pas menjunam

KAJIAN Institut Darul Ehsan (IDE) mendapati sokongan pengundi kepada Pakatan Harapan (PH) meningkat 8% berbanding Ogos 2017 kepada 41% manakala BN tenu pada kadar 42% pada Mac lalu.

Bagaimanapun, sokongan ke atas Pas menjunam daripada 18% kepada 13% bagi tempoh sama.

Pada masa sama, mood pengundi pada PRU-14 juga dilihat positif apabila kumpulan atas pagar merosot kepada hanya 4%.

Hasil kajian melibatkan 4,720 responden daripada 163 kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia itu dibent-

angkan Timbalan Pengurus IDE, Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman.

Dalam sidang media selepas membentangkan dapatan Survei Malaysia 2018: Kecenderungan Mengundi Menjelang PRU-14: Siapa Pilihan Rakyat Malaysia? Dr Redzuan berpendapat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membantu kemenangan BN.

"Kemenangan besar Pak Lah (PRU 2004) bukan disumbangkan semata-mata imej 'Mr Clean' tetapi disumbangkan SPR. Dia menang disokong dan dibantu oleh SPR," katanya.

Bagaimanapun, dalam konteks Selan-

gor jelasnya, syor persempadanan semula kawasan pilihan raya yang diluluskan baru-baru ini menyaksikan BN masih sukar merampas negeri dari Pakatan Harapan itu.

"Tidak mudah untuk BN mengambil Selangor dengan senario yang ada. Kajian berdasarkan PDM di Dun Bukit Antarabangsa mendapati walaupun berlaku pertandingan tiga penjuru, persempadan semula tidak memberi kesan kepada kawasan ini," ujarnya.

Menjawab soalan semasa sidang media itu, Dr Mohammad Redzuan berpendapat PH mempunyai potensi untuk menang di Kedah, Melaka dan Negeri Sembilan.

"Beberapa negeri akan ada saingan. Kalau di Kedah potensi untuk diambil alih PH cukup besar. Kedah adalah negeri dijangka (BN) jatuh."

"Pulau Pinang kekal di bawah PH. Begitu juga Selangor. Johor BN masih lagi mempunyai kekuatan kerana secara keseluruhan pengaruh Muhyiddin Yassin belum cukup kuat merubah keadaan."

"Perak mempunyai Menteri Besar yang dianggap berwibawa. Walaupun sokongan (PH) agak besar tetapi untuk ambil alih (kerajaan negeri) itu, saya anggap sukar," terangnya lagi.

Drama RUU355 Umno-Pas berakhir

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Kegagalan Rang Undang-undang (RUU) 355 bagi memperkasakan mahkamah syariah dibentang, dibahas dan diluluskan pada sesi terakhir Dewan Rakyat, 5 April lalu, membuktikan isu agama hanya digunakan bagi mengaburi penyelewengan dilakukan kerajaan BN.

Timbalan ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil berkata, rakyat selama ini telah dikelirukan dengan RUU ini yang kononnya adalah perkara wajib yang perlu disokong, sedangkan akhirnya ia berkubur sendiri.

Aturan urusan mesyuarat Dewan Rakyat pada 4 April menyenaraikan usul persendirian ahli parlimen Marang yang juga presiden Pas untuk meminda Akta 355 di angka nombor 5.

Lanya berada di nombor 2 senarai usul

semalam namun Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dahulunya bertanggungjawab memberi keutamaan kepada usul Abdul Hadi bertindak mengusulkan supaya Dewan ditangguhkan.

"Ini bukti jelas (perdana menteri) Najib dan Umno dengan bantuan Pas menggunakan isu agama bagi mengekang suara rakyat menentang penyelewangan kerajaan BN."

"Rakyat telah dikelirukan selama ini yang RUU ini adalah perkara wajib yang perlu disokong, sedangkan akhirnya ia terkubur sendiri," kata Faiz.

Menurutnya lagi, usul RUU355 tidak mungkin boleh dibentangkan pada penggal ke-14 akan datang kerana usul persendirian baharu perlu dikemukakan kepada Dewan Rakyat.

"Rakyat perlu sedar bahawa RUU ini tidak dibentangkan dengan ikhlas. Jika ikhlas, sudah pasti ia telah dibahaskan dan diluluskan untuk diangkat oleh kerajaan," katanya.

Faiz juga kesal kerana sepanjang tempoh penggal ke-13 ini, sesetengah pemimpin Pas telah menggunakan RUU 355 ini bagi tujuan memecahbelahkan parti itu dengan menyingkirkan pemimpin yang dituduh sebagai antiulama, menguburkan Pakatan Rakyat dan menghukum pihak yang mengkritik tindakan Pas sebagai 'tergelincir akidah.'

Faiz menegaskan bahawa rakyat perlu sedar dengan permainan politik Pas yang memperalatkan agama untuk kepentingan politik.

"Percaya kepada janji Pas (untuk melaksanakan syariah) umpama percaya kepada janji Umno untuk mengurangkan harga barang selepas PRU14," tegasnya.

Sementara itu, Pas berpuas hati walau pun usul persendirian presidennya untuk mencadangkan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 sekali lagi tidak dibahaskan di Dewan Rakyat.

Datuk Takiyuddin Hassan (Pas-Kota Bharu)

yang juga setiausaha agung Pas dalam sidang media di lobi parlimen semalam, berkata walaupun usul itu tidak dibahas, ia tidak akan menjelaskan kedudukan partinya pada pilihan raya akan datang.

"Kami berpuas hati. Kami sudah melaksanakan tanggung jawab membawa usul mencadangkan pindaan itu," kata Takiyuddin pada sidang akhbar yang turut dihadiri beberapa ahli parlimen Pas antara Nik Abdur Nik Aziz (Pas-Pasir Mas) dan Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali (Pas-Kuala Nerus).

Pada sesi sidang Dewan Rakyat tahun lalu, usul Abdul Hadi diberi keutamaan daripada urusan kerajaan, dan beliau berpeluang untuk mencadangkan usul itu dengan disokong Takiyuddin.

Bagaimanapun, perdebatan tidak berlaku dan kekecohan tercusus apabila speaker menangguh persidangan susulan usul dari pada Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said.

Jangan guna aset kerajaan untuk kempen PRU

KUALA LUMPUR: Para pemimpin parti politik yang berperanan sebagai kerajaan sementara di peringkat persekutuan dan negeri digesa tidak memperalatkan aset dan jentera kerajaan sepanjang tempoh kempen pilihan raya.

Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) juga menasihati penjawat awam terutama di peringkat tertinggi, pegawai tertinggi tentera dan polis agar tidak terlibat dalam kempen pilihan raya.

Presidennya, Brig General (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, dana awam sepanjang tempoh kerajaan se-

mentara hanya boleh digunakan untuk kegunaan rutin atau kecemasan.

Aset-aset kerajaan, hartaan dan sumber manusia, katanya tidak boleh disalahgunakan untuk tujuan politik.

Larangan ini tambah beliau, termasuk penggunaan aset ketenteraan membatikan pesawat, helikopter dan kapal tentera laut oleh mana-mana ahli politik dalam kerajaan bagi tujuan kempen.

"Mana-mana penyalahgunaannya adalah terang-terangan mengabaikan undang-undang. Ia adalah salah," kata beliau dalam satu kenyataan.

Patriot juga jelas Arshad mengulangi rayuan kepada ahli dan parti politik supaya memperjuangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan nasional mahupun tempatan.

Pihaknya juga memohon agar politik kebencian terhadap sesuatu bangsa dan agama dielakkan kerana ia boleh mengganggu-gugat keharmonian kaum yang kian rapuh.

"Patriot amat mengambil peduli mengenai isu-isu seperti ini. Kami berusaha untuk merealisasikan visi kami iaitu 'Malaysia: Negara yang harmoni, makmur dan progresif,' jelas beliau.

Saya tak takut nak kata tak sokong BN, kata Wardina

KUALA LUMPUR: Selebriti tanah air, Wardina Safiyyah Fadlullah Wilmot mengakui tidak takut untuk tidak menyokong BN pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini.

Kata Wardina, beliau tidak perlu melutut kepada sesiapa untuk mendapatkan peluang kerja dan mera-sakan tidak perlu muncul lagi di kaca televisyen.

"Negara ini bukan milik BN dan mereka sudah berkuasa terlalu lama.

"Bangkit dan berdiri

tegaklah Malaysia," tulis beliau di laman Facebook.

Wardina mengakui memang terdapat orang yang baik dan yang jahat dalam setiap parti.

"Memang ada orang yang cemerlang dalam BN walaupun terlalu sedikit jumlahnya."

"Memang saya kagum terhadap orang tertentu dalam BN dan terdapat beberapa sosok dalam Pakatan Harapan (PH) yang saya ragui," kata pelakon, model



Wardina Safiyyah

dan pengacara TV itu. Jelas beliau, Malaysia

memerlukan pemimpin yang jujur, iaitu mereka yang benar-benar mengambil berat dan mereka yang layak.

Katanya lagi, beliau penat melihatkan pemimpin-pemimpin yang bodoh dan cukuplah melakukan rasuah dan menjadikan diri kaya.

"Menyampah," katanya.

Wardina turut menyeru penjawat-penjawat awam supaya bangkit membuat perubahan dan jangan membiarkan diri ditakut-takutkan.

Majoriti ditinjau teruja mahu mengundi

SHAH ALAM: Kempen undi rosak yang dilakukan kumpulan tertentu di media sosial dilihat tidak merencatkan keterujaan pengundi untuk melaksanakan tanggung jawab pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).



Mohammad Redzuan Othman

Timbalan Pengurus Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, kelompok yang tidak berpuas hati dengan BN dan Pakatan Harapan (PH) itu hanya merupakan kumpulan minoriti.

"80 peratus rakyat teruja untuk keluar mengundi. Untuk golongan ini, 67 peratus telah membuat keputusan, 18 peratus akan membuat pilihan pada hari pengundian."

"Lagi 12 peratus selepas penamaan calon dan tiga peratus seminggu sebelum pengundian," jelasnya ketika membentangkan analisis Survei Malaysia 2018: Kecenderungan Mengundi Menjelang PRU-14: Siapa Pilihan Rakyat Malaysia? dekat sini, 5 April lalu.

Menurut Dr Mohammad Redzuan, 42 peratus pengundi yang teruja untuk membuang undi menyokong BN manakala PH (41 peratus) diikuti Pas (13 peratus) dan pemilih atas pagar empat peratus.

Kajian secara bersemuka bagi melihat persepsi pengundi pelbagai kaum di Semenanjung Malaysia itu dijalankan pada 23 hingga 26 Mac lalu melibatkan 64 orang enumerator yang terdiri daripada pelajar universiti di sekitar Lembah Klang.

Kajian lapangan di seluruh negara itu meliputi 163 daripada 165 Parlimen di Semenanjung Malaysia dengan 4,720 responden daripada 12,082,430 pengundi berdaftar di wilayah tersebut.

Pemilihan responden dipilih secara rawak (random sampling) dengan soalan kaji selidik berstruktur menggunakan inovasi apps IDE e-Survei dan tablet.

Drama RUU355 Umno-Pas berakhir

KUALA LUMPUR: Kegagalan Rang Undang-undang (RUU) 355 bagi memperkasakan mahkamah syariah dibentang, dibahas dan diluluskan pada sesi terakhir Dewan Rakyat, 5 April lalu, membuktikan isu agama hanya digunakan bagi mengaburi penyelewengan dilakukan kerajaan BN.

Timbalan ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil berkata, rakyat selama ini telah dikelirukan dengan RUU ini yang kononnya adalah perkara wajib yang perlu disokong, sedangkan akhirnya ia berkubur sendiri.

Aturan urusan mesyuarat Dewan Rakyat pada 4 April menyenaraikan usul persendirian ahli parlimen Marang yang juga presiden Pas untuk meminda Akta 355 di angka nombor 5.

Ianya berada di nombor 2 senarai usul semalam namun Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dahulunya bertanggungjawab

memberi keutamaan kepada usul Abdul Hadi bertindak mengusulkan supaya Dewan ditangguhkan.

"Ini bukti jelas (perdana menteri) Najib dan Umno dengan bantuan Pas menggunakan isu agama bagi mengekang suara rakyat menentang penyelewengan kerajaan BN.

"Rakyat telah dikelirukan selama ini yang RUU ini adalah perkara wajib yang perlu disokong, sedangkan akhirnya ia terkubur sendiri," kata Faiz.

Menurutnya lagi, usul RUU355 tidak mungkin boleh dibentangkan pada penggal ke-14 akan datang kerana usul persendirian baharu perlu dikemukakan kepada Dewan Rakyat.

"Rakyat perlu sedar bahawa RUU ini tidak dibentangkan dengan ikhlas. Jika ikhlas, sudah pasti ia telah dibahaskan dan diluluskan untuk diangkat oleh kerajaan," katanya.

Faiz juga kesal kerana sepanjang tempoh

penggal ke-13 ini, sesetengah pemimpin Pas telah menggunakan RUU 355 ini bagi tujuan memecahbelahkan parti itu dengan menyingkirkan pemimpin yang dituduh sebagai antiulama, menguburkan Pakatan Rakyat dan menghukum pihak yang mengkritik tindakan Pas sebagai 'tergelincir akidah'.

Faiz menegaskan bahawa rakyat perlu sedar dengan permainan politik Pas yang memperalatkan agama untuk kepentingan politik.

"Percaya kepada janji Pas (untuk melaksanakan syariah) umpama percaya kepada janji Umno untuk mengurangkan harga barang selepas PRU14," tegasnya.

Sementara itu, Pas berpuas hati walau pun usul persendirian presidennya untuk mencadangkan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 sekali lagi tidak dibahaskan di Dewan Rakyat.

Datuk Takiyuddin Hassan (Pas-Kota Bharu)

yang juga setiausaha agung Pas dalam sidang media di lobi parlimen semalam, berkata walaupun usul itu tidak dibahas, ia tidak akan menjelaskan kedudukan partinya pada pilihan raya akan datang.

"Kami berpuas hati. Kami sudah melaksanakan tanggung jawab membawa usul mencadangkan pindaan itu," kata Takiyuddin pada sidang akhbar yang turut dihadiri beberapa ahli parlimen Pas antara Nik Abdur Nik Aziz (Pas-Pasir Mas) dan Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali (Pas-Kuala Nerus).

Pada sesi sidang Dewan Rakyat tahun lalu, usul Abdul Hadi diberi keutamaan daripada urusan kerajaan, dan beliau berpeluang untuk mencadangkan usul itu dengan disokong Takiyuddin.

Bagaimanapun, perdebatan tidak berlaku dan kekecohannya tercusus apabila speaker menangguh persidangan susulan usul dari Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said.

Jangan guna aset kerajaan untuk kempen PRU

KUALA LUMPUR: Para pemimpin parti politik yang berperanan sebagai kerajaan sementara di peringkat persekutuan dan negeri digesa tidak memperalatkan aset dan jentera kerajaan sepanjang tempoh kempen pilihan raya.

Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) juga menasihati penjawat awam terutama di peringkat tertinggi, pegawai tertinggi tentera dan polis agar tidak terlibat dalam kempen pilihan raya.

Presidennya, Brig General (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, dana awam sepanjang tempoh kerajaan se-

mentara hanya boleh digunakan untuk kegunaan rutin atau kecemasan.

Aset-aset kerajaan, hartaan dan sumber manusia, katanya tidak boleh disalahgunakan untuk tujuan politik.

Larangan ini tambah beliau, termasuk penggunaan aset ketenteraan membatikan pesawat, helikopter dan kapal tentera laut oleh mana-mana ahli politik dalam kerajaan bagi tujuan kempen.

"Mana-mana penyalahgunaannya adalah terang-terangan mengabaikan undang-undang. Ia adalah salah," kata beliau dalam satu kenyataan.

Patriot juga jelas Arshad mengulangi rayuan kepada ahli dan parti politik supaya memperjuangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan nasional mahupun tempatan.

Pihaknya juga memohon agar politik kebencian terhadap sesuatu bangsa dan agama dielakkan kerana ia boleh mengganggu-gugat keharmonian kaum yang kian rapuh.

"Patriot amat mengambil peduli mengenai isu-isu seperti ini. Kami berusaha untuk merealisasikan visi kami iaitu 'Malaysia: Negara yang harmoni, makmur dan progresif,' jelas beliau.

Saya tak takut nak kata tak sokong BN, kata Wardina

KUALA LUMPUR: Selebriti tanah air, Wardina Safiyyah Fadlullah Wilmot mengakui tidak takut untuk tidak menyokong BN pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini.

Kata Wardina, beliau tidak perlu melutut kepada sesiapa untuk mendapatkan peluang kerja dan mera-sakan tidak perlu muncul lagi di kaca televisyen.

"Negara ini bukan milik BN dan mereka sudah berkuasa terlalu lama.

"Bangkit dan berdiri

tegaklah Malaysia," tulis beliau di laman Facebook.

Wardina mengakui memang terdapat orang yang baik dan yang jahat dalam setiap parti.

"Memang ada orang yang cemerlang dalam BN walaupun terlalu sedikit jumlahnya."

"Memang saya kagum terhadap orang tertentu dalam BN dan terdapat beberapa sosok dalam Pakatan Harapan (PH) yang saya ragui," kata pelakon, model



Wardina Safiyyah

dan pengacara TV itu. Jelas beliau, Malaysia

memerlukan pemimpin yang jujur, iaitu mereka yang benar-benar mengambil berat dan mereka yang layak.

Katanya lagi, beliau penat melihatkan pemimpin-pemimpin yang bodoh dan cukuplah melakukan rasuah dan menjadikan diri kaya.

"Menyampah," katanya.

Wardina turut menyeru penjawat-penjawat awam supaya bangkit membuat perubahan dan jangan membiarkan diri ditakut-takutkan.

Majoriti ditinjau teruja mahu mengundi

SHAH ALAM: Kempen undi rosak yang dilakukan kumpulan tertentu di media sosial dilihat tidak merencatkan keterujaan pengundi untuk melaksanakan tanggung jawab pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).



Mohammad Redzuan Othman

Timbalan Pengurus Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, kelompok yang tidak berpuas hati dengan BN dan Pakatan Harapan (PH) itu hanya merupakan kumpulan minoriti.

"80 peratus rakyat teruja untuk keluar mengundi. Untuk golongan ini, 67 peratus telah membuat keputusan, 18 peratus akan membuat pilihan pada hari pengundian."

"Lagi 12 peratus selepas penamaan calon dan tiga peratus seminggu sebelum pengundian," jelasnya ketika membentangkan analisis Survei Malaysia 2018: Kecenderungan Mengundi Menjelang PRU-14: Siapa Pilihan Rakyat Malaysia? dekat sini, 5 April lalu.

Menurut Dr Mohammad Redzuan, 42 peratus pengundi yang teruja untuk membuang undi menyokong BN manakala PH (41 peratus) diikuti Pas (13 peratus) dan pemilih atas pagar empat peratus.

Kajian secara bersemuka bagi melihat persepsi pengundi pelbagai kaum di Semenanjung Malaysia itu dijalankan pada 23 hingga 26 Mac lalu melibatkan 64 orang enumerator yang terdiri daripada pelajar universiti di sekitar Lembah Klang.

Kajian lapangan di seluruh negara itu meliputi 163 daripada 165 Parlimen di Semenanjung Malaysia dengan 4,720 responden daripada 12,082,430 pengundi berdaftar di wilayah tersebut.

Pemilihan responden dipilih secara rawak (random sampling) dengan soalan kaji selidik berstruktur menggunakan inovasi apps IDE e-Survei dan tablet.

Ketua Umno BTR perlu lapor polis

KUALA LUMPUR: Ketua Umno Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar yang ditahan di sebuah pusat hiburan dan didapati positif dadah perlu membuat laporan polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika yakin ada pihak yang cuba merosakkan nama baik beliau.

Ahli Parlimen Segambut Lim Lip Eng berkata dakwaan Rizal dalam sidang media sejurus selepas dibebaskan daripada tahanan reman bahawa beliau diperangkap perlu disiasat.

"Saya hairan bagaimana Datuk Rizalman berkata beliau dan rakan-rakannya hanya minum kopi dan minuman ringan di sebuah kelab malam di Kuala Lumpur tetapi ujian air kencing mereka didapati positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

"Saya bertambah hairan dengan dakwaan Rizalman bahawa serbuan ke kelab malam itu dan ujian air kencing ke atas mereka oleh pasukan polis bersama SPRM pada awal pagi, 2 April lalu, adalah satu 'perangkap' yang terancang," ujar Lip Eng.

Sehubungan itu, beliau mencabar Rizalman dan rakan-rakannya supaya membuat laporan polis dan mengadu ke SPRM tentang dakwaan 'perangkap' itu dan kemungkinan sampel saringan air kencing mereka



Rizalman menunjukkan isyarat bagus sesuai sidang media di bangunan Umno Bandar Tun Razak.

telah diganggu atau ditambah anasir tidak diingini.

"Jika tidak, mereka wajar meminta maaf kepada pihak polis dan SPRM," ujarnya.

Beliau turut mempersoalkan tempoh tahanan reman kurang 24 jam ke atas Rizalman dan khawatir ia akan dijadikan kes duluan (precedent) dengan para peguam untuk memohon suspek yang disyaki menyalahgunakan dadah dibebaskan lebih awal.

"Sebelum ini pihak polis selalu memohon tahanan reman ke atas suspek sehingga laporan kimia selesai dan kemudian suspek didakwa di mahkamah sekiranya keputusan laporan kimia masih didapati positif. Proses ini sahaja boleh mencecah seminggu.

"Atau pihak polis menahan reman suspek terbabit untuk sekurang-kurangnya beberapa hari sehingga siasatan terhadap pembekal dadah berkenaan selesai," ujarnya

sambil mempersoalkan pembebasan awal Rizalman.

Beliau juga inginkan kepastian sama ada Rizalman satu-satunya suspek yang dibebaskan kurang 24 jam selepas ditangkap dan tidak membabitkan rakan-rakannya yang turut ditahan.

"Mungkin Bukit Aman boleh menyiaran rakaman video proses tangkapan Rizalman dan rakan-rakannya di berita TV seperti mana biasa dilakukan oleh pihak polis dalam operasi tangkapan besar-besaran.

"Sekurang-kurangnya nampaklah macam polis melayan semua tahanan jenayah secara adil dan saksama," ujarnya.

Dalam sidang medianya 4 April lalu, Rizalman mendakwa tidak pernah terbabit dalam pengambilan dadah dan yakin penahanannya dirancang untuk merosakkan nama baik beliau.

Rizalman ditahan di sebuah kelab malam eksklusif di Jalan Imbi, dekat sini dalam serbuan bersama Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur dan SPRM Putrajaya.

Hasil siasatan awal polis mendapat beliau dan beberapa lagi rakan positif dadah.

Rizalman bagaimanapun dibebaskan daripada sebarang tuduhan apabila ujian makmal menunjukkan beliau bebas dadah.

PRU-14: Pengundi perlu berpijak di bumi nyata

Oleh ARIF ATAN

SHAH ALAM: Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Maszlee Malik menyeru masyarakat supaya mengamalkan pendekatan realistik dalam membuat pilihan pada pilihan raya umum (PRU) ini.

Pengarang buku Orkes Masyarakat Manusiawi itu berkata, peranan moral dan kesan daripada keputusan yang dilakukan kepada masyarakat, alam sekitar dan generasi seterusnya perlu diambil kira ketika membuat pilihan.

"Kita kena bersikap realistik bagaimana nak buat pilihan pada pilihan raya umum akan datang. Kita kena realistik. Dalam pilihan raya kali ini bukan antara Saidina Umar atau Saidina Ali.

"Bukan kita nak pilih antara Saidina Abu Bakar atau Saidina Umar. Kita tidak hidup pada zaman itu. Kita hidup pada realiti hari ini yang ada kelebihan dan ada kekurangan yang tidak maksum walaupun serbannya tebal dua inci, berjubah atau apa gelaran sekalipun.

"Kalau kita katakan maqasid syariah sebagai ukurannya, masing-masing ada hujah maqasid syariah sendiri hatta yang mencuri berbilion-bilion pun ada orang mempertahankannya," ujarnya dalam Seminar Nasional Maqa-

sid Syari'ah 2018 bertemakan 'Maqasid Syari'ah Dalam Pilihan Raya' dekat sini, baru-baru ini.

Sebaliknya, tegas beliau, sikap segelintir individu yang menyerahkan aktiviti berfikir untuk membuat keputusan kepada agamawan bercanggah dengan nilai maqasid syariah dan kemanusiaan.

"Kita serahkan pada orang lain. Kita tidak mahu berfikir. Dari segi maqasid syariah dan kemanusiaan tidak betul, sebab yang akan buat keputusan adalah kita dan yang menyebabkan kesan adalah kita."

"Manusia bertamadun seorang mukallaf, seorang mukmin dalam hendak membuat keputusan, dia perlu berada dalam keadaan sedar dan tahu bahawa keputusan yang dibuat adalah amanah," katanya.

Sehubungan itu, Dr Maszlee berkata, proses berfikir paling penting sebelum membuat keputusan kerana orang yang membuat keputusan tanpa berfikir akan dipengaruhi emosi dan reaksi atau spontan.

Menurutnya, emosi dan reaksi dalam membuat keputusan lazimnya mendatangkan kesan negatif termasuk dalam konteks menghadapi PRU.

Beliau berkata rakyat sepatutnya didedahkan dengan perbincangan

manifesto dan pidato pimpinan ketiga blok parti sama ada BN, Pakatan Harapan dan Gagasan Sejahtera tentang hala tuju yang mereka hendak bawa selepas PRU-14.

Jelas pensyarah kanan di Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh berkenaan, budaya dialog itu penting supaya masyarakat mendapat maklumat daripada semua pihak sebelum keluar mengundi.

"Tapi masalahnya dalam kampus pun tidak boleh (perbincangan). Banyak mahasiswa di IPTA hendak buat debat dalam kampus, HEP (Hal Ehwal Pelajar) tidak benarkan.

"Itu nak buat keputusan bagaimana? Sedangkan yang terpilih ke IPTA adalah orang yang mempunyai IQ yang tinggi. Sepatutnya mereka didedahkan maklumat dan perdebatan," ujarnya.

Dr Maszlee berkata, pendedahan mahasiswa kepada maklumat pilihan raya akan membolehkan golongan terbabit kemudiannya berperanan sebagai ejen pendidikan demokrasi dalam masyarakat.

"Mereka ini akan membantu keluarga dan masyarakat sekeliling (membuat keputusan). Tapi kalau mereka pun tidak dibenarkan mengadakan perbicangan, bagaimana mereka hendak membuat keputusan?" soalnya lagi.

Mahkamah Rayuan Syarie tolak rayuan Jais

SHAH ALAM: Mahkamah Rayuan Syariah Selangor 5 April lalu menolak permohonan kebenaran merayu oleh pendakwara syarie terhadap hukuman denda RM1900 yang dijatuhkan kepada Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad atas kesalahan mengajar agama tanpa tauliah.

Peguam Khalid, Dr Zulqarnain Lukman berkata, mahkamah mendapat pendakwa syarie gagal untuk mengemukakan persoalan undang-undang yang menyentuh kepentingan awam.

Keputusan itu dicapai panel hakim yang di-pengerusikan Datuk Aidi Moktar.

Keputusan mahkamah ini juga secara tidak langsung mengekalkan kedudukan Khalid sebagai ahli parlimen Shah Alam dan beliau pastinya boleh bertanding dalam pilihan raya umum ini.

Pada 19 Jan 2017, Khalid Samad didenda RM2,900 atau tiga bulan penjara selepas didapati bersalah mengajar tanpa tauliah di sebuah surau di Klang pada 2011.

Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Syariah Selangor Salehan Yatim kemudiannya mengurangkan jumlah denda kepada RM1,900, yang bermakna Khalid tidak hilang kelayakan sebagai ahli Parlimen dan masih boleh bertanding pada PRU14.

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bagaimanapun mengemukakan rayuan bagi mengenakan hukuman lebih berat yang memungkinkan Khalid hilang kelayakan sebagai ahli parlimen dan tidak layak bertanding dalam pilihan raya.

Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan seseorang memegang jawatan sebagai wakil rakyat jika disabitkan kesalahan dan dihukum penjara tidak kurang setahun atau denda tidak kurang daripada RM2,000.

PRU14 pilihan akhir kerajaan kleptokrat



Sokongan akar umbi mencerahkan peluang PH di negeri Pahang.



Sekeluarga datang memberikan sokongan kepada PH.

Laporan AKMAL HAZIQ

| Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

TEMERLOH: Penggerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat negara ini agar menggunakan sepenuhnya peluang menukar kerajaan sedia ada pada pilihan raya umum (PRU) ini.

Sehubungan itu beliau meminta mereka yang layak mengundi supaya keluar beramai-ramai pada hari mengundi, 9 Mei ini.

"Keluar beramai-ramai, kita mahu sekurang-kurangnya 85 peratus pengundi keluar mengundi pada PRU14 ini. Undi PH, tumbangkan kerajaan kleptokrat," kata Tun Mahathir di hadapan ribuan warga Temerloh dalam program Jelajah Peneroka PH di Kampung Chengal, dekat sini, 9 April lalu.

Beliau memberi ingatan, sekiranya kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak gagal ditumbangkan pada PRU14 ini, demokrasi negara ini akan mati.

Katanya, jika Najib yang memimpin kerajaan kleptokrat terus menerajui negara, beliau (Najib) akan bebas berbuat apa sahaja untuk terus mengekalkan kuasa.

Selain itu Tun Mahathir juga mengingatkan pengundi bahawa pembangkang perlu menang besar pada PRU14 ini untuk mengambil alih pemerintahan dengan lancar.

"Kita perlu menang besar, kalau menang sikit-sikit, nanti Najib akan tipu," kata beliau.

Turut hadir dalam siri jelajah Pahang itu Presiden Keadilan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Ketua Sekretariat PH Datuk Saifuddin Abdullah,

Presiden Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman dan para pemimpin parti gabungan PH negeri.

Dr Wan Azizah yang juga presiden PH dalam ucapannya juga turut meminta pengundi keluar beramai-ramai pada hari pembuangan undi, 9 Mei ini.

Sementara itu, kehadiran ribuan mayarakat pelbagai kaum disifatkan terbesar setakat ini bagi program rapat umum di Temerloh.

Tun Mahathir ketika berucap menyatakan kekaguman terhadap jumlah kehadiran orang ramai yang begitu luar biasa untuk program anjuran pembangkang di daerah itu.

"Untuk orang seramai ini, kalau BN perlu beribu buah bas, angkut orang datang, bagi duit, bagi makan.

"Tapi untuk majlis ini, orang datang sendiri, ini baru orang Temerloh, belum semua orang Pahang lagi," kata beliau.

Dalam ucapannya, Tun Mahathir turut mengajak orang ramai di daerah tersebut supaya turun berhimpun dalam program Himpunan Tangkap Pencuri di hadapan bangunan Sogo, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 14 April ini.

Sejumlah RM10,000 sumbangan orang ramai dikutip pada majlis malam itu.



Orang ramai tidak berganjak mendengar ucapan para pemimpin PH.



Tun Mahathir memperkenalkan calon-calon AMANAH Pahang yang bakal bertanding di PRU14 ini.



Sebahagian daripada ribuan pend

tumbangkan

Bersama menyalakan flash telefon pintar tanda kesepadan.



Juduk Temerloh yang hadir pada majlis Jelajah PH.



Mohamad memperkatakan sesuatu kepada Tun Mahathir sambil didengar Tun Dr Siti Hasmah.



Hadirin mengambil peluang bersalaman dengan Tun Mahathir.



Ada sesuatu yang menarik diperkatakan Dr Wan Azizah kepada Tun Dr Siti Hasmah.



#TangkapPencuri menjelang PRU-14

Kelolaan ARIF ATAN

Himpunan #TangkapPencuri menjadi aksi jalan raya signifikan menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Jurucakapnya, Shazni Munir Ithnin (*gambar*) berkata, himpunan di ibu negara itu cuba dipastikan berjalan aman dan tertib tanpa provokasi luar.

"Dalam tempo reformasi yang semakin deras, kita memerlukan aksi jalan raya yang ampuh agar pencuri tidak terus mencuri."

"Persempadan semula pilihan raya yang tidak adil, penetapan hari bekerja sebagai hari membuang undi, rompakan khazanah negara mencecah berbilion ringgit, ini hanya senarai pendek jenayah sang pencuri," katanya dalam satu kenyataan, 11 Mac lalu.

Pilih 'Parti Najib' terus derita

CALON kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Titi Serong, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim mengingatkan pengundi untuk memastikan pilihan pada 9 Mei nanti tidak mengundang beban hidup untuk tempoh sepenggal lagi.

Menurutnya, pengundi wajib membuat keputusan yang tidak terus menjerut mereka dengan pelbagai tekanan ekonomi akibat kepincangan urus tadbir BN lagi.

Ketua Pemuda Pakatan Harapan Perak itu berkata, rakyat hanya mempunyai dua pilihan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) sama ada memilih BN atau Pakatan Harapan yang akan seragam tampil di kertas undi menggunakan lambang PKR.

"Sama ada hendak memilih membayar GST untuk lima tahun akan datang, sama ada terus 1MDB tidak boleh dipersoal untuk tempoh lima tahun akan datang."

"Juga boleh memilih untuk warga Felda terus dibebani pelbagai hutang dan boleh memilih supaya anak-anak tuan disenaraihitam akibat gagal membayar hutang PTPTN."

"Dua sahaja pilihan yang ada. Kalau nak pilih (masalah), pangkahlah parti Najib tapi kalau tidak mahu lagi menderita dan mahukan perubahan, pilihan yang ada Pakatan Harapan," tegas Hasnul dalam ceramah di Partit Buntar baru-baru ini.

N08 Titi Serong disandang Abu Bakar Hussain dari Pas yang menang pada PRU-13 dengan hanya majoriti 1,794 undi. Dua lagi kerusi Dun yang dimenangi Pas dengan majoriti kurang 2,000 undi iaitu Selinsing (809 undi) dan Gunung Semanggol (1,405 undi).

Seramai 1,407,529 pemilih berdaftar di Perak bagi menentukan kepimpinan di 59 kerusi Dun dan 24 kerusi Parlimen pada PRU-14.



Himpunan pada 14 Mac di hadapan gedung beli-belah Sogo di Jalan Tuanku Abdul Rahman itu melibatkan penyertaan semua pihak yang mahu menyelamatkan Malaysia.

"Sebesar mana pun pengaruh penyangak yang terus mencuri wang dan hak demokrasi rakyat, kuasa rakyat tidak akan sesekali mengiz-

inkan ia terus merajalela.

"Kita mengyakini bahawa kemenangan akhirnya milik rakyat. Lawan penipuan dan #TangkapPencuri," tegas Shazni lagi yang juga merupakan Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional.

Himpunan anjuran Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) itu menuntut supaya hartawan


kontroversi, Jho Low yang didakwa rapat dengan keluarga Pengurus BN, Najib Razak diheret ke mahkamah.

Individu yang masih bersembunyi itu dinamakan dalam saman sivil Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ) selain seorang lagi dikenali sebagai Malaysian Official 1 (MO1).

Mereka antara individu yang terpalit dengan skandal kleptokrasi 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Terabit menyelenggeng berbilion dolar dana 1MDB, kapal persiaran mewah yang didakwa dimiliki Jho Low telah dirampas pihak berkuasa Indonesia dengan kerjasama Biro Siasatan Persekutuan (FBI) di Bali pada 27 Februari lalu.

Rampasan kapal yang didakwa mencecah AS\$250 juta (RM978 juta) menjadi bukti penting wujudnya aktiviti pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan Jho Low.



BELIA TERKESAN...

Golongan muda tentunya paling terkesan dengan pelbagai tekanan ekonomi sepanjang pentadbiran BN diterajui Najib Razak seperti dibuktikan dalam analisis Institut Darul Ehsan (IDE) baru-baru ini.

PH Perak ketengah calon termuda

PAKATAN Harapan (PH) Perak mengetengahkan calon termuda bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Selinsing iaitu Ahmad Saqif Ansorullah.

Guru agama dan pendakwa bebas berusia 26 tahun itu merupakan cicit kepada tokoh ulama berpengaruh, Almarhum Abu Bakar al-Baqir (1907-1974).

Dalam sidang media di ibu pejabat AMANAH Parlimen Parit Buntar, 9 April lalu, Exco Pemuda AMANAH Nasional berkenaan berkata, Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) adalah satu-satunya peluang untuk rakyat menolak kerajaan BN yang sudah lama melakukan kesilapan.

Menurutnya, majoriti rakyat Dun Selinsing pada masa ini menyuarakan keazaman melakukan perubahan di peringkat kerajaan negeri dan Putrajaya pada PRU-14.



Ahmad Saqif Ansorullah

"Saya melihat PRU-14 lebih kepada senario pertembungan rakyat dengan kerajaan BN di mana mereka sudah nekad ingin melakukan perubahan."

"Dari aspek pengundi Cina, mereka turut memberikan isyarat jelas akan menyokong calon Harapan."

"Atas kesemua faktor itu, saya yakin mampu mencipta kejutan memenangi kerusi Dun Selinsing mengatasi calon Pas dan BN yang lebih berpengalaman pada PRU-14," katanya.

N12 Selinsing disandang Husin Din manakala satu lagi Dun yang terletak di Parlimen Bagan Serai, N11 Gunung Semanggol disandang Mohd Zawawi Abu Hassan, masing-masing dari Pas.

Mengulas dakwaan Pas tentang pengkhianatan terhadap perjuangan moyangnya, Ahmad Saqif berkata, beliau sebenarnya meneruskan iltizam pengasas Maahad al Ehya al Sharif Gunung Semanggol berkenaan.

Beliau berkata, moyangnya itu memperkenalkan pengisian Islam Rahmatan Lil 'Alamin ketika berjuang dalam Hamim dan Pas

bersama Presiden pertamanya, Dr Burhanudin Al-Helmy.

Sehubungan itu, jelas Ahmad Saqif, pemilihannya untuk bersama AMANAH atas landasan Islam Rahmatan Lil 'Alamin tidak bercanggah dengan perjuangan Almarhum Ustaz Abu Bakar Al-Baqir.

"Jadi, saya amat yakin tohmahan saya mengkhianati perjuangan Ustaz Abu Bakar Al-Baqir dalam Pas adalah tidak benar sama sekali."

"Ini kerana Allahyarham membuktikan beliau boleh bekerjasama dengan pemimpin haluan kiri seperti Pak Sako sewaktu berjuang membebaskan Tanah Melayu daripada tangan British."

"Saya amat yakin kalau Allahyarham masih hidup ketika ini, beliau pasti akan keluarkan ijtiad politik meminta rakyat memilih Harapan pada PRU-14," jelasnya lagi.

Kembalikan suara siswa PRU 1969

Oleh ASHEEQ ALI

Ada ada dengan "HEP Bukan Tuhan"? Ramai yang tertanya-tanya. Ada apa dengan jelajah kuasa mahasiswa sehingga Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menggunakan polis bantuan mereka untuk menghalau saya dan interrogate Ainina selama tiga jam.

Alasan yang diberi, saya seorang yang kontroversi dan tidak dibenarkan masuk ke UIAM. Adakah benar saya penyebab program itu dihalang atau adakah kerana kami membawa slogan 'HEP Bukan Tuhan'?

Atau adakah kerana kami turut membawa aktivis Fahmi Reza bersama? Banyak alasan yang boleh diberikan oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP) untuk menghalang jelajah kami.

Kenapa HEP terlalu defensif dengan jelajah kami? Inilah sebabnya kami mulakan jelajah ini dengan slogan 'HEP Bukan Tuhan' kerana realitinya di setiap universiti sekarang, HEP diberikan kuasa penuh sehingga boleh menggunakan kekerasan.

Mengapakah HEP UIAM begitu triggered pada 9 April lalu dengan slogan yang kami bawa?



Slogan ini kami bawa untuk tunjukkan bahawa HEP bukan segala-galanya. Mahasiswa juga patut mempunyai kuasa dan suara dalam pentadbiran dan kebijakan mahasiswa. Kami jadikan aktivisme mahasiswa tahun 1969-an sebagai rujukan.

Untuk itu, kamu turut membawa Fahmi Reza yang menghabiskan masa selama setahun lebih untuk mengkaji aktivisme mahasiswa dan menghasilkan kualihnya bertajuk Student Power.

Menerusi kuliah ini, kita dapat lihat zaman kebangkitan atau boleh saya katakan zaman di mana mahasiswa menjadi pemain utama dalam membentuk arus politik negara. Contohnya, apabila kita sebut tahun 1969, ramai akan teringat akan peristiwa 13 Mei sahaja.

Tapi sebenarnya, satu lagi peristiwa penting yang kita semua lupa, atau tidak pernah diberitahu adalah peranan yang dimainkan oleh mahasiswa pada tahun itu sehingga menyebabkan tsunami politik pertama kali iaitu sewaktu Pilihan Raya Umum (PRU) ketiga.



Mahasiswa mula menggugat kerajaan dan kerajaan terpaksa menubuhkan badan HEP untuk mengawal suara mahasiswa sehingga ke hari ini. HEP ini telah menjadi faktor wujudnya *culture of fear* dalam kalangan mahasiswa untuk bergerak.

Dulu, student union berfungsi sepenuhnya untuk mengendalikan hal ehwal mereka sendiri tanpa diganggu oleh pentadbiran. Program, dana, bas, pilihan-raya kampus semuanya dikendalikan mahasiswa. Semua masalah

kebijakan, mereka urus sendiri.

Kini, semuanya bergantung kepada HEP. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) hanya menjadi tukang mengadu, menunggu untuk pentadbiran selesaikan masalah. Lebih teruk, HEP menjadi alat tunggangan pihak-pihak tertentu untuk mendiamkan mahasiswa. Bukti yang segar saya boleh bagi, kejadian di UIA pada 9 April lalu.

Saya berpendapat sudah lama mahasiswa menghilang dari arus politik negara. Jelajah ini bertujuan untuk membangkit-

kan semula semangat aktivisme mahasiswa melalui kuliah *Student Power*.

Slogan itu kami bawa, sebagai tanda peringatan buat HEP universiti bahawa mahasiswa juga punya kuasa dan suara! Kami akan terus bawa slogan ini ke semua universiti.

| Penulis merupakan mahasiswa jurusan undang-undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

PMIUM seru sokong siri Jelajah Kuasa Siswa

Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) menyokong sepenuhnya siri Jelajah Kuasa Siswa atas kesedaran menolak Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (AUKU).

Ketua Exco Integrasi Dan Kenegaraan PMIUM, Aiman Wan Alias berkata, jelajah tersebut penting supaya mahasiswa menyedari keburukan AUKU serta hak mereka sesuai dengan semangat Perlumbagaan.

Menurut pelajar Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran berkenaan, isu-isu yang melibatkan kebijakan mahasiswa dan ketirisan yang dilakukan oleh pihak pentadbiran universiti juga akan diterangkan dalam jelajah tersebut.

Beliau berkata, sebelum ini 'Protes Bisu Mahasiswa' telah mengetengahkan empat isu yang melanda di empat universiti awam iaitu isu yuran



latihan industri di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan isu pelaksanaan pagar penghadang Automatic Lane Barrier (ALB) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Turut diperjuangkan isu yuran makan malam kolej kediaman di UM dan tindakan tatatertib Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap mahasiswa Asheeq Ali yang dikenakan penggantungan pada semestar akhir.

"Mahasiswa tidak berhenti dengan begitu sahaja. Sudah tiba masanya untuk semua mahasiswa bersatu dalam memperjuangkan isu-isu mahasiswa."

"Kita tidak akan menang dalam perjuangan ini jika semua mahasiswa masih berpecah. Kita mestil bersatu kerana masa depan tanah air ini terletak di tangan kita," tegas Aiman lagi.

'Pengundi kita tidak seperti Indonesia'

TIMBALAN Pengurus Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berpendapat sikap rata-rata pengundi Malaysia tidak seperti di negara jiran yang secara terbuka menyokong pembangkang jika mengemukakan tawaran lebih baik.

Menurutnya, pengundi di negara ini tidak memberi sambutan luar biasa seperti yang diharapkan walhal reaksi sebaliknya cenderung berlaku apabila rakyat di Indonesia diberitahu tentang pelbagai tawaran pilihan raya.

"Mungkin belum dalam mood pilihan raya. Contoh paling mudah apabila Pakatan Harapan (PH) menjurikkan mereka akan batalkan GST (cukai barang dan perkhidmatan) dalam tempoh 100 hari."

"Pada logiknya kalau itu yang ditawarkan di Indonesia, mereka melompat ramai menyokong tetapi di Malaysia tidak begitu walaupun mengeluh tidak cukup puas hati dengan situasi sedia ada," jelasnya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan semasa sidang media Survei Malaysia 2018: Kecenderungan Mengundi Menjelang



Malaysia.

Sehubungan itu, mood pengundi termasuk lebih berminat dengan tawaran PH, ujar Dr Redzuan, dijangka berbeza sejurus pembubaran Parlimen.

"Rakyat masih lagi melihat kepada alternatif. Keputusan menamakan Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri menyumbang keyakinan pengundi. Mereka ingin melihat perubahan itu memberi satu keadaan yang lebih baik."

"Keyakinan kepada PH itu ada dengan menamakan Tun Mahathir. Kemungkinan itu berlaku kerana alternatif tersebut boleh dipercayai atau boleh diharap."

"Ditambah dengan keadaan tekanan hidup yang semakin ketara, itu akan mengundang rasa tidak puas hati," katanya sambil memeritahu kajian itu dijalankan secara temubual secara bersemuka, dipantau lapan penyelia dan

Boleh saja terus waspadai Dr M

Oleh AHMAD LUTFI OTHMAN

DUA insan yang banyak memberi ilham dan membekal bahan untuk saya aktif menulis buku dan analisis politik ialah Dr Mahathir Mohamad dan Anwar Ibrahim, khususnya mengenai pergolakan dalam Umno. Baik semasa mereka berdua berpadu erat, mahupun ketika saling berkonfrontasi. Apabila kedua-duanya, tersingkir dan berundur daripada parti pemerintah dan kerajaan, bermula dengan Anwar pada 1998 dan Mahathir pada 2003, saya tidak lagi berminat untuk menulis tentang Umno.

Sebenarnya, ia bermula apabila menyaksikan tiada personaliti menarik yang ada dalam Umno, sejak Anwar dipenjarakan dan seterusnya memimpin barisan pembangkang. Umno hilang seri dan tarikannya. Timbalan Mahathir seterusnya, Abdullah Ahmad Badawi gagal memikat saya dan penganalisis politik lainnya, meskipun Pak Lah menang besar, dengan menguasai lebih 90 peratus jumlah kerusi Parlimen pada pilihan raya umum 2004, jauh mengatasi rekod Mahathir pada 1999.

Mahathir pula tiada regu yang sepadan selepas Umno kehilangan Anwar. Sebelum itu, pasangan ideal Mahathir, Musa Hitam juga beransur-ansur pupus dari pada radar selepas berlaku konflik di antara mereka, pada 1986. Tengku Razaleigh Hamzah yang menjadi pencabar sengit Mahathir pada April 1987 untuk jawatan presiden Umno dan mengetuai oposisi pada PRU1990, pula membubar Semangat 46 pada 1996 dan menyerai semula Umno.

Buku politik pertama saya, *Selepas Mahathir Peluang Pas*, diterbitkan pada 1992, diedarkan pada muktamar parti itu di Kelantan, selepas Angkatan Perpaduan Ummah menang besar pada 1990. Saya cuba membayangkan senario politik tanahair masa depan sekiranya Mahathir berundur sebagai perdana menteri dan mengaitkannya dengan potensi Pas yang lebih cerah. Rupanya saya tersilau dalam membuat unjuran apabila Mahathir hanya berundur lebih 10 tahun kemudian dan Pas membina imej lebih baik semasa berdepan Mahathir pada 1999.

Bagaimanapun Mahathir terus menyuntik inspirasi sehingga saya menghasilkan beberapa judul yang mempunyai kaitan rapat dengan Mahathir; cukup dilihat pada tajuk, antaranya, *Krisis Anwar Mahathir*, *Mengapa Perlu Anwar Lawan Mahathir*, *Mahathir Khianati Melayu*, *Mufti Lawan Mahathir?*, *Menyanggah Fatwa-fatwa Mahathir*, dan *Bagaimana Mahathir Boleh Ditumbangkan*. Sejumlah judul yang hampir sama juga - malah lebih rasanya - saya hasilkan buku atau makalah politik atas nama Anwar terutama di waktu Reformasi 1998 dan sekitarinya.

Insiden-insiden tertentu di awal peme-

rintahan Mahathir turut mendorong saya menghasilkan buku dan menyusun makalah politik. *Selepas 3 Tahun Memali, BN Bertaubat?* Merujuk tragedi berdarah di Baling 1985, manakala Demokrasi Zaman Mahathir mengulas penangkapan lebih 100 aktivis tanpa bicara di bawah Operasi Lalang ISA 1987, penggantungan tiga akhbar serta pindaan akta-akta yang sedia menundas, sementara Islam, Kehakiman dan Kediktatoran, saya susun bersama seorang rakan, Baharuddeen Abu Bakar, peguam dan pensyarah undang-undang, memperincikan kes pemecatan Tun Salleh Abas, Ketua Hakim Negara, dan krisis besar badan kehakiman, 1988.

Secara dekat, termasuk turun ke lapangan, saya mengambil kesempatan di atas kerja sebagai wartawan, untuk meninjau impak besar daripada aksi politik Mahathir. Beliau jelas bersikap keras dan tegas, yakin dengan keputusan yang telah dibuat dan tidak teragak-agak mengambil risiko yang sudah dihitung. Justeru, ada pihak melabelkannya sebagai seorang diktator, tapi melalui undang-undang. Berdepan konflik dan krisis, beliau berani menanganinya dengan gaya seorang Mahathir. Misalnya, ekoran pemilihan Umno pada April 1987, yang mempersoalkan kesahihan jawatan presiden yang disandangnya selepas menang tipis ke atas Tengku Razaleigh, Mahathir tidak sanggup menghadapi risiko kekalahan di mahkamah, maka parti itu dibiarkan haram di tangan hakim. Mahathir nekad membina semula parti baru demi mempastikan seterusnya dalam Umno tersingkir secara automatik. Menurut penganalisis, sejak bermula kes pengharaman Umno, pendekatan politik Mahathir, sudah tidak sama lagi. Berdepan kerena raja-raja Melayu tertentu, dia sanggup jelajah seluruh negara memberi penjelasan terbuka mengapa Perlembagaan perlu dipinda bagi mengurangkan kuasa baginda.

Beliau juga tidak menunggu lama selepas bersara pada 2003; bingkas memberi reaksi terhadap kepimpinan penggantinya, Pak Lah, yang dilihat tidak mengotakan janji kepadanya, juga dianggap tunduk kepada negara jiran di seberang tambak. Ramai melihat Mahathir mahu terus mengawal penggantinya agar menurut kehendak dan aspirasinya.

Di sebalik segala kontroversi yang timbul, semakin terserlah Mahathir ter golong dalam individu yang mempunyai strong personality, memiliki kekuatan tersendiri untuk meredah rimba belantara politik, dengan penuh yakin. Dalam perkataan lain, dia juga dikenali tokoh



yang licik bagi belut, tangkas memanipulasi keadaan dan bijak menelah masa depan.

Saya mengikuti ucapan Mahathir dalam siri jelajahnya membela Pak Lah dan menantu, Khairy Jamaluddin, bermula di Taman Melawati, Alor Setar, Kota Bharu, dan Damansara. Walaupun nada dan intonasi ucapannya terkawal dan teratur, serta jarang sekali ditinggikan, namun bisanya jelas menikam. Ternyata keyakinan Mahathir terhadap dirinya sendiri begitu tinggi. Dan beliau akan tegak berdiri mempertahankan kepercayaan itu.

Biarpun saya agak teruja dengan kritikan keras Mahathir terhadap Pak Lah dan menganggapnya membawa manfaat buat pembangkang, tetapi saya juga turut bersympati dengan Pak Lah. Bagi saya, Pak Lah orangnya baik, cuma tidak mempunyai kekuatan kepemimpinan, apatah lagi untuk membawa pembaharuan. Pentadbiran negara dilihat sebagai pesawat tiada pemandu.

Lebih buruk, Pak Lah dianggap menyerahkan amanah kepemimpinan yang dipertanggungjawabkan kepadanya untuk diserahkan pula kepada pihak lain. Beliau nampak lebih jujur, mudah mesra, mahu membetulkan kesalahan di era Mahathir seperti isu kebebasan kehakiman dan meredakan kontroversi agama, tetapi keupayaannya terbatas. Beliau dilihat mudah tunduk kepada tekanan dan sentiasa mengelak daripada konfrontasi. Jauh berbeda dengan perwatakan Mahathir, yang suka dicabar. Lagi pula imej terlalu santai dan "sering tertidur", cukup kontradik dengan penampilan Mahathir yang kuat bekerja, inovatif, berdisiplin tinggi, berwawasan jauh.

Cuma, ramai kaget dan terpinga-pinga

Cuma, ramai kaget dan terpinga-pinga apabila ungkapan kalimah lebih pedih dan terhiris dilemparkan kepada Najib dalam ceramah terbuka yang disiarkan live oleh FB. Istilah pencuri, perompak, penyangak, lanun berkumandang, disambut sorakan dan hilai tawa hadirin. Tidak pernah seorang perdana menteri dan isterinya diejek dengan gelaran cukup buruk. Tekad Mahathir untuk jatuhkan putera sulung mentor kesayangannya, Tun Razak, bukan rahsia lagi. Dia rela berkolaborasi dengan musuh-musuh ketatnya, seperti Lim Kit Siang, Guan Eng dan Mohamad Sabu. Ketiganya pernah disumbatkan ke dalam ISA semasa Mahathir perdana menteri dan menteri dalam negeri. Dia juga cuba berbaik-baik dengan pemimpin Pas, tetapi gagal mencapai persefahaman.

Pak Lah berjaya dijatuhkan selepas Mahathir menyediakan penggantinya, Najib Razak. Apabila Mahathir melemparkan kecaman bertalu-talu terhadap anak didiknya, Najib, saya kira tidak ramai yang kehairanan, malah menduganya sejak awal. Bagi mereka, itu adalah tabiat semulajadi Mahathir, tidak betah duduk diam sekadar menikmati hari persaraan menjelang usia satu kurun. Tindakannya keluar Umno juga tidak memerlukan memandangkan itu bukan kali pertama dia berbuat demikian.

Sesuatu yang tidak diduga apabila Mahathir sanggup berjumpa seteru paling ketat, Anwar Ibrahim di mahkamah, bagi menunjukkan sokongan terhadap bekas timbalannya itu, dalam menangani isu Akta Majlis Keselamatan Negara. Tanpa perlu memohon maaf secara terbuka, Mahathir semakin rapat dengan semua musuh-musuh Najib. Beliau juga tampil, walaupun tanpa diundang, dalam himpunan khas para reformis. Reformis merupakan golongan penyokong Anwar yang dibentuk secara tidak rasmi pada 1998 dan menjadi mangsa belasahan FRU dalam siri demonstrasi jalanan sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Mahathir berani bersemuka dan memberi ucapan di hadapan kelompok yang pernah menjerit "Undur Mahathir!"

Begitulah sosok Mahathir ini. Digeruni tapi dihormati. Mampu berbuat sesuatu yang dianggap mustahil oleh orang lain. Justeru, beliau dilihat berkuasa menukar imiginasi kepada realiti seolah-olah mempunyai kuasa magis. Sedangkan dia juga insan biasa, banyak menempuh kegagalan, tidak berjaya memenuhi impian politiknya, tersalah memilih kumpulan pembantu dan regu pemerintahannya. Lihat sahaja usaha untuk membina masyarakat usahawan Melayu, mendidik anak bangsa agar berdisiplin serta membuang sifat malas, dan rancangan PPSMI yang kecundang sejak awal.

Tulisan ini merupakan sedutan dari pada buku "Mengapa Mahathir?"

Siapa berminat, hubungi Luqman 0192903291.

Bukan kesalahan tumbang kerajaan Pas

Oleh USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN

ADA pemimpin Pas kata, salah jatuhkan kerajaan Pas Kelantan yang ada sekarang kerana ini kerajaan Islam dan bebas rasuah (jika dianggap bebaslah).

Saya kata, menukar kerajaan Kelantan sekarang tidak salah dari sudut demokrasi, bahkan dari sudut syarak sekalipun, tidak salah.

Kalau kerajaan ini Islam dan bebas rasuah, takkan tak salah? Jawabnya, tak salah, sekalipun kerajaan Islam (jika Islamlah) dan bebas rasuah.

Kewujudan sesebuah kerajaan bertujuan mengurustadbir kepentingan kehidupan manusia dan semua penghuni muka bumi untuk membawa kebaikan atau maslahah.

Mana-mana kerajaan semasa, sekalipun berjenama Islam, bukanlah sebuah kerajaan yang paling baik. Setiap kerajaan pasti ada kelemahan dan salahurus di sana-sini, kecil atau besar, nampak atau tidak.

Umar pernah tidak bersetuju dengan tindakan Abu Bakar sebagai Khalifah. Muawiyah juga tidak berpuashati dengan pentadbiran Ali. Anak Umar bin Abdul Aziz pernah tidak puashati dgn bapanya.

Cuma mereka tidaklah sampai menukar pemimpin atau merubah kerajaan kerana

“Isunya ialah "istibaq al-khairat" antara parti-parti politik. Jika Pas tewas dalam perlumba ini, pihak yang tewas ialah Pas, bukannya Islam. Dan pihak yang menang bukan melawan Islam tapi melawan Pas.”

pada zaman itu sistem demokrasi pilihan raya berparti politik seperti kini belum wujud.

Peralihan pemimpin dan kerajaan pada zaman itu berlaku kerana kematian, penggulingan atau penyerahan kuasa. Hikmatnya, perubahan kerajaan tetap berlaku dan tidak dianggap salah.

Kini, jika ada mana-mana parti politik yang berupaya menawarkan sebuah kerajaan yang lebih baik dan berkebajikan untuk rakyat, maka parti itu berhak melawan parti semasa yang membentuk kerajaan.

Persaingan antara parti-parti politik seperti yang berlaku kini dalam menawarkan sesuatu yang lebih baik kepada rakyat menepati arahan al-Quran supaya berlumba-lumba melakukan pelbagai

kebaikan.

Isunya ialah "istibaq al-khairat" antara parti-parti politik. Jika Pas tewas dalam perlumba ini, pihak yang tewas ialah Pas, bukannya Islam. Dan pihak yang menang bukan melawan Islam tapi melawan Pas.

Parti politik yang menang dalam persaingan demokrasi ini bertanggungjawab melakukan kebaikan yang ditawarkan. Jika parti yang menang gagal, maka parti itu pula berhak dikalahkan. Begitulah pusingannya.

Jika kerajaan semasa tidak rasuah misalnya, bolehkah ditukar? Tidak rasuah bukan bermakna itulah kerajaan terbaik. Jika sesebuah kerajaan itu miskin, tentulah peluang untuk berbuat rasuah tidak terbuka luas.

Maka, jika ada parti politik yang berupaya membentuk kerajaan baru yang kaya, berkebajikan dan tidak rasuah, tentulah kerajaan ini lebih baik daripada kerajaan sebelumnya yang sekadar tidak rasuah tetapi miskin.

Justeru, menewaskan Pas di Kelantan dalam PRU14 akan datang, dan menumbangkan kerajaan Pas Kelantan dengan tujuan untuk membina sebuah kerajaan baru yang lebih baik daripada kerajaan semasa, bukan sekadar tidak salah, bahkan memenuhi tuntutan syarak.

Islam menyuruh kita berlumba-lumba melakukan kebaikan bukan berlumba-lumba mencanangkan siapa lebih Islam. Fastabiqul khairat, bukan fastabiqut takbirat.

Komitmen PH jamin status Islam dan Melayu

Oleh JAMZURI ARDANI

ADA rakan-rakan yang mempertikai Pakatan Harapan sebab kononnya tidak ada komitmen terhadap perlaksanaan syariat agama.

Saya katakan mereka sebenarnya terkhilaf dalam memahami politik dan agama.

Polisi pentadbiran negara boleh bersifat partisan. Tetapi, pelaksanaan hukum agama tidak boleh dikongkong dalam agenda politik partisan pihak tertentu.

Agama itu sifatnya menyeluruh. Fiqhnya luas. Ia melibatkan seluruh institusi masyarakat dan negara. Mana mungkin ia boleh termuat hanya dalam kerangka agenda politik sempit parti-parti tertentu sahaja.

Nah ... kita sudah melihat kegagalan di depan mata. Riuhan sekampung bicara soal RUU355, akhirnya tidak ke mana. Punca cuma satu. Silapnya kerana membungkus agenda agama dalam retorik politik partisan yang sempit.

Pakatan Harapan adalah satu-satunya kolisi politik yang meletakkan jaminan terhadap Melayu dan Islam dalam perjanjian bertulis.

Pakatan Harapan sepakat mempertahankan Islam sebagai Agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Para antagonis Pakatan Harapan hanya menuding kepada DAP kononnya sebagai ancaman terhadap Islam dan Melayu. Kononnya, DAP sebuah parti sekular yang anti-Islam.

Tetapi mereka lupa, penglibatan DAP dalam pentadbiran kerajaan Pulau Pinang dan Selangor tidak sedikit pun menjelaskan Islam dan Melayu di kedua-dua negeri tersebut.

Malah, kerajaan Pulau Pinang memperuntukkan dana yang lebih banyak kepada institusi-institusi Islam di negeri itu. Masjid-masjid di sana lebih bebas dan makmur bergerak tanpa sebarang kongkongan dari pemerintah.

Serangan Umno dan Pas terhadap Pakatan Harapan yang dikaitkan dengan DAP tidak lain dan tidak bukan hanyalah permainan sentimen politik kebencian

yang tiada asasnya dalam agama.

Pembohongan yang mereka sebarkan kononnya Kerajaan Pulau Pinang mengharamkan azan hanya menconteng ke atas muka mereka sendiri.

Yakinlah dengan Pakatan Harapan,



Pakatan Harapan tegar mempertahankan Islam sebagai Agama Persekutuan.

Islam dan Melayu tetap terjamin. Kita ada perlembagaan. Kita ada institusi istana. Kita ada institusi-institusi negara yang semuanya bernaung di bawah perlembagaan negara yang meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan.

Ide dan konsep Muslim Demokrat

MUSLIM Demokrat sebagai nama adalah merujuk kepada seorang ahli politik Islam yang memilih untuk berada dalam acuan demokrasi bagi memperjuangkan idealisme perjuangan berpandukan kepada keadilan dan kesaksamaan.

Sebagai muslim, keberadaannya dalam acuan demokrasi dilatari dari sejarah dan budaya serta ketamadunan Islam yang telah berakar umbi dalam pembentukan dirinya.

Namun pemahaman kita kepada istilah Muslim Demokrat sebenarnya menuntut kita memahaminya dengan lebih mendalam apabila kita mula bertanya, apakah istimewanya seseorang perlu digelar Muslim Demokrat, apakah tidak cukup sekadar menyebut 'demokrat'?

Apakah ciri Muslim itu tidak sama dengan non-Muslim lain yang juga bergerak dalam acuan demokrasi?

Soalan demikian akan memaksa kita mendalami dimanakah istilah ini bermula dan apa kaitannya dengan politikal Islam atau Islamisme yang dipakai oleh istilah barat terhadap kelompok Islam yang menerima proses demokrasi sebagai wahan perjuangannya.

SEJARAH CHRISTIAN DEMOCRAT

Sebenarnya, perkara yang sama dipakai untuk menamakan kelompok penganut Katolik dan Protestant yang mencuri bidang politik dan menjadi peserta kepada perkembangan politik di Eropah pada kurun ke-19.

Keperluan menamakan kelompok agama yang terlibat dalam proses politik demokrasi adalah bagi menggambarkan sikap ahli politik yang kuat berpegang kepada tradisi nilai agamanya namun bersedia untuk melibatkan diri dalam proses politik. Ini berlatarbelakangkan bagaimana agama dan politik adalah dua ekstrem yang berbeza, malah gereja pada awal kurun ke-19 dan sebelumnya bertembung dengan kebangkitan ide liberal dan sekular yang menurut gereja menghakis nilai-nilai tradisi agama.

Keterlibatan kelompok penganut kuat agama Kristian dalam proses demokrasi merupakan satu keunikan dari segi pembentukan ideologi politik mereka. Mereka mempunyai sikap tersendiri tentang ide-ide liberal dalam isu-isu sosial, ekonomi dan hak rakyat yang amat berpengaruh pada zaman itu.

Bagi membezakan fahaman mereka terhadap falsafah liberal sekular yang menjadi acuan penting Eropah ketika itu, mereka diberikan satu gelaran sebagai Christian Democrat yang kemudiannya menjadi arus parti politik yang berpengaruh di Eropah dan Latin Amerika hingga hari ini.

Apabila kita melihat kepada istilah



PENDAPAT
DR MUJAHID YUSOF

Muslim Demokrat hari ini, apakah latarbelakang ini juga terpakai kepada kelompok muslim yang terlibat dalam proses politik demokrasi?

Walaupun penamaan kepada kelompok muslim terlibat dalam proses demokrasi boleh dikatakan

sama latarnya dengan penglibatan kelompok Kristian, namun bezanya adalah naratif dunia Islam berbeza dari sudut Islam, tidak pernah memusuhi proses politik atau sebaliknya malah tidak ada pertembungan antara politik dan agama.

Jikalau begitu mengapa masih perlu menamakan seseorang itu sebagai Muslim Demokrat?

NARATIF ISLAM DAN DEMOKRASI

Sejak kejatuhan Khilafah pada tahun 1924, keperluan menerima kenyataan bahawa negara bangsa adalah sistem politik yang terpakai meletakkan umat Islam dalam keadaan terkeliru apatah lagi kebangkitan pemikiran politik Barat menguasai dan melebar ke negara-negara Islam.

Realiti ini mula disedari oleh Jamaludin Al Afghani (1838-1897) dengan melihat kebangkitan Barat dan kelemahan Institusi khilafah. Beliau merangkul ide menerima realiti tetapi pada waktu yang sama tidak menghakiskan nilai dan tradisi Islam. Beliau dianggap sebagai modernis yang merangkul fahaman Pan-Islamism.

Pemikiran ini disambung oleh pengagumnya dari Mesir iaitu Syeikh Mohammad Abduh (1849-1905) yang melanjutkan perbahasan dalam kerangka pemikiran politik moden dan mengagumi prinsip keadilan politik Barat dan budayanya. Ini bukan bermakna beliau meninggalkan tradisi Islam malah menganggap kejayaan Barat adalah kerana berpegang kepada prinsip Islam yang telah ditinggalkan oleh dunia Islam justeru negara Islam berada dalam kemunduran.

Syeikh Rashid Ridha (1865-1935) adalah sambungan ide rangkaian perkembangan politik Islam apabila buat pertama kali memperkenalkan istilah Daulah Islamiyah (Negara Islam) sebagai kompromi kepada kehilangan Khilafah di mana beliau menyeru kepada asas-asas negara moden yang demokratik berdasarkan fahamannya terhadap Syura yang dianjurkan oleh Syariah.

Pemikiran awal tentang demokrasi dan proses politik dalam kerangka sebuah negara bangsa di era pemodenan banyak membentuk ide-ide politik Islam dalam kerangka demokrasi sehingga lahirnya perjuangan lebih bersifat sebuah pergerakan revivalis yang diasaskan oleh Imam Hasan Al Banna (1906-1949) dikenali sebagai Ikhwan al Muslimin (1928). Ikhwan adalah lambang Islamism yang menggagaskam perancangan jangka panjang dalam usaha mengembalikan kegemilangan Islam

(Ustaziah Alam).

PERTEMBUNGAN IDE POLITIK ISLAM

Walaupun politik Islam dilihat sebagai satu kuasa yang cuba bersaing secara demokrasi dengan parti-parti Liberal-Sekular di kalangan Muslim yang lainnya, kelompok Islam sering ditanggap sebagai kelompok yang tidak boleh dipercayai kerana kelompok Liberal-Sekular mendakwa politik Islam hanya menggunakan demokrasi dan apabila menang akan menegakkan negara Islam dengan melaksanakan hukum syariat. Golongan liberal-sekular amat menentang perjuangan 'menegakkan syariat' kerana menganggap bercanggah dengan hasrat negara yang demokratik.

Pertembungan ini menyebabkan golongan kelompok politik Islam senantiasa dipandang serong sehingga usaha mendaftarkan parti politik berlatarkan Islam menjadi satu kesukaran walaupun mereka komited dengan proses demokrasi untuk membawa Islam melalui perjuangan politik.

Suasana ini menyebabkan ahli politik Islam terpaksa menyegarkan identitinya kepada meyakinkan semua pihak bahawa mereka benar-benar mahukan sebuah negara yang demokratik dan menentang sebarang bentuk kaedah yang bercanggah dengan proses politik.

Proses ini memakan masa yang panjang dan diburukkan lagi dengan kelahiran pemimpin dunia Islam yang mengamalkan pemerintahan diktator seperti di Mesir, Syria, Iraq, Libya, Tunisia, Sudan dan pemerintahan raja mutlak di negara-negara Teluk, kecuali Indonesia dan Malaysia yang dilihat mengamalkan demokrasi terpimpin.

ISLAMISM ABAD KE-20

Pengaruh Ikhwan Muslimin amat besar di dunia Arab khasnya dan dunia Islam umumnya. Politik adalah sebahagian dari 'worldview' perjuangan mereka yang pada hakikatnya terbina atas 'mengembalikan kegemilangan khilafah' sebagai kemuncaknya. Idealism ini dijadikan sebagai doktrin di kalangan ahli melalui pembacaan mereka tentang kegemilangan sejarah Islam.

Politik adalah wasilah dan keutamaanya adalah untuk berdakwah dan mendidik (tarbiyah) ahlinya dengan semangat Pan-Islamism yang disebut sebagai watanul Islam (Soil of Islam) merentasi dari benua ke benua dan dari laut ke lautan ke laut.

Pan-Islamism Ikhwan kadangkala tidak banyak memberi pilihan kepada realiti setempat dan proses politik yang rencam di kalangan pengikutnya di negara Arab. Obses menghafal dan menghayati idealism dan gagasan besar universalism Islam kadang kala menyebabkan para aktivisnya di bawah menjadi kaku menyesuaikan realiti setempat.

Apakah mereka ahli politik lokal ataukah

pendakwah global yang tidak berpijak di bumi nyata? Ataukah mereka hanya berfantasi dengan kegemilangan silam lalu terus hilang dalam arus realiti politik, sosial dan ekonomi di tempat mereka beroperasi?

Ataukah mereka akan tetap dilabel sebagai kelompok yang bermusuhan dengan sistem yang terpakai kerana menyeru kepada kerangka negara yang berbeza sama sekali, lalu dicurigai sebagai anti-establishment?

Persoalan ini hakikatnya adalah realiti yang mendorong kepada menyegarkan semula pemikiran politik Islam antara gagasan ideal dan realiti setempat yang perlu diseimbangkan dengan mengambil faktor pengaruh Ikhwan kepada kelahiran politik Islam.

Revolution Islam dalam dunia politik Syiah dianggap sebagai kayu pengukur kepada kejayaan membentuk sebuah negara moden yang berideologikan agama.

Namun pengkritik Revolusi Islam Iran menganggap kuasa agama sebagai permukaan retorik revolusi akhirnya terpaksa mengalah kepada realiti ekonomi dan politik sehingga mereka terpaksa bercakap dan membuat dasar-dasar yang prorakyat yang mahu melihat keperluan mereka tidak akan dipenuhi dengan sekadar retorik keagamaan.

Asif Bayat menamakan fenomena ini sebagai post-Islamism iaitu perpindahan dari pakej retorik eksklusiviti, universalism, kebenaran mutlak kepada inklusiviti, hak kerakyatan dan kepelbagaian. Ia bukan sesuatu yang negatif menamatkan kebangkitan Islam tetapi ia adalah berpijak kepada realiti negara yang akhirnya menentukan keperluan-keperluan semasa rakyat.

POLITIKAL ISLAM

Jikalau Islamisme adalah istilah yang terlalu besar menggambarkan kemunculan Islam sebagai kebangkitan di abad ke-20, istilah 'politikal Islam' adalah lebih mudah untuk difahami sebagai satu konotasi kepada penglibatan politik golongan Islami dalam proses pilhan raya.

Pengalaman FIS (Islamic Salvation Front) pada awal 90-an memenangi pilhan raya tempatan dibatalkan atas alasan ia adalah kemenangan kelompok yang akan membahayakan regim. Walaupun pembatalan itu bukan salah FIS, tetapi isu skeptikal kepada kemenangan kelompok Islam yang bergerak dalam proses pilhan raya secara demokratik semakin menebal sehingga kekecwaan sebahagian kelompok Islami mendorong mereka mengangkat senjata sebagai menentang regim sedia ada.

Oliver Roy seorang penulis dari Perancis menamakan fenomena ini sebagai 'kegalan politikal Islam'. Sama ada telahannya betul atau tidak, isunya adalah kesegaran pemikiran kepada penglibatan politik Islam amat diperlukan bagi menangkis sikap skeptikal golongan sekularis terhadap kelompok Islam. **KE MUKA 28**

Bekas pengarah Felda calon AMANAH di Johor

Oleh AMNI JAGAT

AMANAH Johor 5 April lalu mengumumkan senarai calonnya bagi zon tengah Johor yang membariskan calon-calon berwibawa bagi menggalas cabaran Pakatan Harapan (PH) untuk menerajui negeri selatan Semenanjung itu.

Pengumuman calon parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun) itu dibuat Presiden AMANAH Mohamad Sabu pada ceramah Luaskan Harapan yang berlangsung di Parit Botak, Batu Pahat.

Turut hadir Pengerusi DAP Johor Liew Chin Tong dan Pengerusi Keadilan negeri Hassan Karim.

Ketua Wanita Muda (Warda) AMANAH Nasional, Anis Afida Mohd Azli diisyithar sebagai calon AMANAH bagi kawasan

parlimen P147 Parit Sulong.

Pengerusi AMANAH negeri Aminolhuda Hassan kekal di kawasan Dun yang diwakilinya iaitu N21 Parit Yaani, Dr. Sulaiman Mad Nor (N4 Kemelahan), Ir Khairuddin A Rahim (N24 Senggarang), Muhammad Said Jonit (N29 Mahkota) dan Taqiuddin Cheman (N54 Pulai Sebatang).

Muhammad Said yang bakal bertanding di N29 Mahkota ialah bekas pengarah eksekutif Felda Plantation Sdn. Bhd. manakala Ir Khairuddin yang kini menyandang setiausaha AMANAH Johor pernah bertugas sebagai jurutera daerah di negeri ini.

Antara pemimpin AMANAH negeri yang turut tersenarai sebagai calon ialah ketua Pemuda AMANAH negeri Taqiuddin Cheman di N54 Pulai Sebatang dan naib pengerusi AMANAH Johor Dr. Sulaiman Mad Nor di N4 Kemelahan.



Calon-calon PRU AMANAH bagi zon tengah Johor.

Tiada poster Najib tanda penolakan rakyat Johor

BATU PAHAT: Kehangatan kempenn pilihan raya umum ke-14 (PRU14) semakin membawa khususnya di negeri Johor yang dikatakan negeri benteng Umno, namun ketiadaan poster Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak mengundang pertanyaan.

Pelbagai poster dan gambar pemimpin BN dipasang dan dinaikkan di merata tempat di negeri ini, bagaimanapun paparan wajah pengerusi BN itu setakat ini tidak kelihatan.

Menurut Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub, ketiadaan gambar Najib seolah-olah menzahirkan penolakan rakyat Johor terhadap kepimpinan perdana menteri dua penggal itu.

"Sebelum ini dalam kempenn PRU13, wajah Najib bersama isterinya banyak dipasang dan didakwa menjadi faktor

kemenangan BN.

"Adakah perdana menteri menjadi liabiliti kepada Umno Johor dan tidak diterima oleh 'team Johor' yang diketuai Datuk Seri Khaled Nordin ekoran pembabitan beliau dalam skandal 1MDB?" soal Salahuddin.

'Team Johor' yang diketuai Khaled, kata Salahuddin kurang mendapat sambutan rakyat negeri ini kerana terpalit dengan isu rasuah membabitkan hartanah bumiputera.

"Khaled cuba menyisihkan kepimpinan Najib Razak namun dalam tidak sedar, beliau sebenarnya turut mengikuti langkah Najib Razak yang sebelum ini terpalit dengan rasuah."

"Rasuah hartaanah yang berlaku di Johor ini masih lagi belum dibendung sehingga kan pegawai serta orang kanannya masih lagi dilihat hidup dalam kemewahan," ujar Salahuddin.



Mohamad mengumumkan Aminolhuda sebagai calon AMANAH di Dun Parit Yaani.

AMANAH Melaka sedia tanding 1 Parlimen, 6 Dun

KOTA MELAKA: AMANAH Melaka bersedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihan raya umum kali ini sepas diputuskan mewakili Pakatan Harapan (PH) di satu kawasan parlimen dan enam Dewan Undangan Negeri (Dun).

Timbalan Pengerusi AMANAH Melaka, Mohd Sofi Abdul Wahab berkata, pihaknya telah bersedia sepenuhnya dari segi jentera, gerakerja dan logistik bagi menghadapi PRU, 9 Mei ini.

AMANAH yang diberikan peluang memimpin PH Melaka sedia memikul tanggung jawab memastikan kemengangan PH di kawasan pilihan raya yang diperuntukkan.

"AMANAH berpuashati dengan perntukan sebanyak 1 kerusi Parlimen dan 6 Dun," katanya dalam satu kenyataan.

AMANAH Melaka juga, tambah beliau telah selesai menyenaraikan calon-calon yang akan bertanding di kesemua kerusi pilihan raya dan hanya menunggu masa untuk diisyiharkan.

"AMANAH yakin akan menang di semua kerusi tersebut berdasarkan kajian dan maklum balas pengundi di kerusi parlimen dan Dun yang akan kami tandingi," katanya.

Beliau juga berkata, calon-calon AMANAH adalah individu berpengalaman dan berkarisma dengan majoriti calon-calon muda berumur di bawah 50 tahun.

"Kami juga yakin PH akan membuat kejutan besar dengan membentuk kerajaan baru di negeri Melaka.

"Keyakinan bergantung kepada perpaduan yang mantap dalam PH Melaka di mana kami akan menggunakan satu logo yang sama dan manifesto yang sama," katanya.

Menurut beliau, persempadan baru kawasan pilihan raya tidak memberi kesan besar kepada peluang untuk PH mengambil alih Melaka daripada BN.

"Tsunami Melayu akan berlaku di Melaka dan ini akan membantu PH Melaka mengalahkan BN pada PRU14 ini," katanya.

Keyakinan AMANAH Melaka itu disokong oleh kajian yang dibuat oleh Institut Darul Ehsan (IDE) 23 – 26 Mac lalu.

"PH berpeluang menang di Negeri Sembilan dan Melaka," kata Timbalan Pengerusi IDE Prof Datuk Dr Mohamad Redzuan Othman ketika membentangkan hasil kajian IDE.

AMANAH Perak tampil calon muda, profesional

Oleh MUHAMMAD FAEEZ AZAHAR

TAIPING: Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Perak mengumumkan calon-calon kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Perak bagi zon utara bagi mewakili Pakatan Harapan (PH) menggunakan lambang Keadilan dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini.

Lima calon daripada pelbagai latar belakang itu telah diumumkan Pengurus AMANAH Perak, Asmuni Awil dalam satu majlis ceramah di Kamunting, dekat sini, 7 April lalu.

Hadir sama Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang dan Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof.

Dr Mujahid akan mempertahankan kerusi parlimen Parit Buntar yang disandangnya kini.

Lima kerusi Dun yang bakal ditandingi AMANAH adalah Titi Serong, Selinsing, Selama, Kamunting dan Changkat Jering.

AMANAH menampilkan calon termuda dari parti itu iaitu Ustaz Ahmad Saqif Ansorullah.

Cicit kepada tokoh ulama terkemuka, Almarhum Ustaz Abu Bakar al-Baqir itu berumur 26 tahun dan bertugas sebagai guru agama.

AMANAH turut memperkenalkan dua tokoh profesional berkelulusan kejuruteraan dan doktor falsafah sebagai bukti kesungguhan parti itu melahirkan kepimpinan yang berkualiti serta berwibawa.

Bekas pensyarah Universiti Teknologi Petronas, Ir Dr Muhd Fadhil Nuruddin akan mewakili AMANAH untuk kerusi Dun Kamunting, manakala Dun Changkat Jering pula bakal ditandingi Ir Megat Sharifuddin Ibrahim.

Dalam pada itu, Ketua Pemuda PH, Hasnul Zulkarnain akan bertanding di kerusi Dun Titi Serong manakala aktivis masyarakat, Razali Ismail di kerusi Dun Selama.



Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang bersama calon-calon AMANAH bagi zon utara Perak.

Janji kosong bina Hospital Padang Besar

Oleh MOHD ALI HASHIM

PADANG BESAR: Janji demi janji amat mudah ditaburkan pemimpin BN semasa kemenangan pilihan raya umum, namun sebahagian besarnya gagal ditunai.

Antara janji kerajaan BN sejak Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) adalah pembinaan Hospital Padang Besar yang masih tidak kesampaian hingga ke hari ini.

Ketua Bahagian PPBM Padang Besar Izizam Ibrahim berkata, sebelum ini kerajaan telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan hospital.

Namun sehingga kini, janji yang dibuat tidak menjadi kenyataan.

"Semasa Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam turun ke Kangar sempena sambutan Rumah Terbuka Deepavali di Dewan Warisan, beliau mengulangi janji untuk membina hospital tersebut.

"Malah katanya, peruntukan untuk projek pembinaan hospital ini sudah pun diseidiakan, begitu juga dengan tender yang telah dikeluarkan.



Mohd Shahril dan Azril Ezuan menunjukkan papan notis Jabatan Kesihatan Perlis yang telah usang di tapak Hospital Padang Besar.

"Manakala pemilihan kontraktor dijanjikan selesai pada awal tahun 2018, sebaliknya hingga kini bayang hospital pun tidak kelihatan," katanya.

Tinjauan yang dibuat Izizam juga mendapati tapak yang disediakan bagi pem-

binaan hospital tersebut sudah dipenuhi tumbuhan liar.

Penduduk yang ditemui, Mohd Shahril Md Sarif berkata, buat masa ini penduduk Perlis terpaksa mengharapkan Hospital Tuanku Fauziah di Kangar untuk men-

dapatkan rawatan.

"Sekiranya ingin mendapatkan rawatan susulan, kami terpaksa berulang-alik ke hospital Kangar yang jaraknya sehingga 40 kilometer.

"Seandainya mahu mendapatkan rawatan di Hospital Alor Setar, maka kami terpaksa mengharungi perjalanan yang lama sehingga 80 kilometer jauhnya.

"Ia bukan saja membazirkan masa, tetapi juga kos yang perlu ditanggung bagi mendapatkan rawatan sama ada di Kangar maupun di Alor Setar," kesal beliau.

Azril Izuan pula berkata, janji-janji palsu yang menjadi amalan kerajaan BN perlu dihentikan.

"Sepatutnya hospital tersebut telah lama siap kerana ia dijanjikan sejak RMK ke-9 lagi.

"Sebelum ini Menteri Kesihatan kata peruntukan ada dan tender pun dah keluar.

"Tapi takkanlah begitu lama sekali masa yang diambil untuk mengotakjanji-janji pilihan raya itu," ujarnya.

Beliau juga menyeru rakyat negeri ini supaya menilai pencapaian BN dalam mengotakjanji-janji pilihan raya dan tidak membuat kesilaohan yang serupa pada PRU kali ini.

AMANAH Negeri Sembilan isytihar calon PRU14

SEREMBAN: AMANAH Negeri Sembilan 9 April lalu mengumumkan sembilan calon pilihan raya umum (PRU) dengan empat daripadanya ialah muka baharu.

"Sembilan kerusi tersebut ialah dua bagi kerusi Parlimen dan tujuh lagi bagi kerusi Dun," kata Pengurus AMANAH negeri Zulkefly Mohamad Omar.

Menurut beliau, bagi dua kerusi parlimen, AMANAH mencalonkan Naib Pengurus AMANAH Negeri Sembilan Ir Mustafar Ab Kadir bertanding di Jelebu manakala Naib Presiden AMANAH Nasional Dr Hasan Bahrom bertanding di kawasan parlimen Tampin.

"Bagi kerusi Dun pula, Klawang akan ditandingi muka baharu iaitu Bendahari

AMANAH Negeri Bakri Sawir," katanya dalam sidang media di Pejabat AMANAH negeri, dekat sini.

Zulkefly akan bertanding di Dun Johol manakala Naib Pengurus AMANAH Negeri Ustaz Suhaimi Kassim dicalonkan di Dun Lenggeng.

Dua ahli jawatankuasa AMANAH negeri iaitu Abd Rahman Ramli bertanding di

Dun Serting dan Md Rais Mohamad @ Basiron di Dun Senaling.

"Timbalan Pengurus AMANAH negeri Mohamad Taufek Abd Ghani akan ditempatkan di Dun Paroi serta muka baharu, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH negeri Shahrizal Masrordin di Dun Kota," ujarnya.

Pakar pediatrik diumum calon Parlimen Kepala Batas

Oleh MOHD ALI HASHIM

KEPALA BATAS: Pakar perunding kanak-kanak di Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang Dr Zai di Zakaria diumumkan sebagai calon Pakatan Harapan (PH) bagi Parlimen Kepala Batas mewakili AMANAH.

Pengumuman dibuat Pengerusi AMANAH Pulau Pinang, Datuk Dr Mujahid Yusof selepas majlis perasmian bilik gerakan dan pelancaran jentera pilihan raya Parlimen Kepala Batas di Dewan JKKK Permatang Saga, 6 April lalu.

Dr Zaidi yang juga ahli jawatankuasa AMANAH negeri merangkap ketua AMANAH Permatang Pauh ialah pakar pediatrik yang telah berkhidmat sejak 1995 lagi.

Khidmat dan jasa beliau bermula di Hospital Taiping pada tahun 1995 sehingga tahun 1996.

Sebelum berkhidmat sebagai doktor pakar mulai tahun 2003 di Hospital Kota Bharu, beliau pernah mencurahkan jasanya di Hospital Umum Sarawak pada tahun 1997.

Dr Zaidi kemudian berkhidmat di Hospital Serian, Sarawak sebagai Pengarah pada tahun 1997 hingga 1998.

Khidmatnya diteruskan lagi sehingga



Dr Mujahid mengumumkan Dr Zaidi (dua dari kiri) sebagai calon PH bagi kawasan parlimen Kepala Batas.

ke Hospital Alor Setar, Kuala Terengganu dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau kemudian berkhidmat di Hospital tahun 1997 hingga 1998.

Khidmatnya diteruskan lagi sehingga ke Hospital Alor Setar, Kuala Terengganu dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau kemudian berkhidmat di Hospital Pulau Pinang pada 2005 serta beberapa hospital pakar sehingga sekarang.

Dr Zaidi ketika berucap berkata, kerjasama

yang erat serta komitmen yang bersungguh-sungguh antara komponen PH mampu membawa kejutan dalam PRU14 akan datang.

"Walaupun pelbagai tribulasi dilakukan oleh Umno-BN, kita dalam PH optimis perubahan dapat menjadi realiti menjelang PRU14 di Kepala Batas.

"Yang pasti, kemenangan PH menjadi prioriti yang perlu diberi keutamaan dalam PRU14 ini," jelasnya.

Dr Zaidi menganggap pemilihan beliau

PH akan selesaikan masalah air Pahang

Oleh AKMAL HAZIQ

TEMERLOH: Penyelaras Parlimen Temerloh, Mohd Anuar Tahir menyatakan supaya BN Pahang 'mencerminkan muka sendiri' sebelum mengata pihak lain dalam masalah bekalan air.

Menurut beliau, sudah puluhan tahun rakyat negeri Pahang tersesak dengan masalah bekalan air termasuk di parlimen Temerloh, tetapi tiada satu pun media milik kerajaan melaporkan berita yang cukup menyusahkan rakyat negeri ini.

Jelas Setiausaha Agung AMANAH itu, media massa kawalan kerajaan BN tidak

berani menyatakan masalah bekalan air di negeri ini kerana Pahang adalah negeri kelahiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Sehingga hari ini masalah air di Temerloh tidak selesai, bahkan di kebanyakan kawasan luar bandar di negeri Pahang.

"Adakah BN berbangga dan tidak tahu malu untuk berkempen pada rakyat negeri Pahang bahawa anda pilihan yang terbaik dan telah berikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat di Temerloh dan negeri Pahang?

"BN perlu malu dengan rakyat di negeri kelahiran tokoh pejuang negara seperti Pak Sako dan Datuk Bahaman ini," ujar

beliau.

Mohd Anuar juga hairan mengapa perdana menteri tidak mengambil langkah perlu untuk menyelesaikan masalah bekalan air di negeri kelahiran beliau.

"Sangat memalukan apabila negeri Pahang telah dianaktirikan oleh perdana menteri sendiri yang merupakan anak kelahiran Negeri Pahang Darul Makmur.

"Apa guna lahir di Pahang jika tidak menjaga kebajikan rakyat Pahang," katanya.

Anuar berjanji masalah air yang menghantui rakyat negeri Pahang akan diselesaikan segera jika PH diberi mandat menerajui negeri itu.

Mana janji BN sediakan jutaan peluang kerja?

ALOR SETAR: Kerajaan BN harus menjelaskan mengapa jutaan peluang pekerjaan yang dijanjikan dalam pilihan raya umum ke-13 (PRU13) tidak tertunai.

"Apakah patut kerajaan BN membuat janji baharu dalam manifesto pilihan raya umum sedangkan janji lama belum lagi tertunai?" soal Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh.

Jelas beliau, rakyat harus pastikan bahawa kerajaan yang dipilih, tanpa mengambil kira dari parti mana sekalipun melaksanakan janji-janji yang telah ditabur-

kan ketika kempen pilihan raya.

"Kerajaan harus tunaikan janji-janji lama terlebih dahulu sebelum menaburkan janji-janji baharu pilihan raya.

"Kita ingin tahu mana jutaan peluang pekerjaan yang BN janjikan semasa pilihan raya umum 2013 lalu," ujarnya lagi.

Malah katanya, laporan Kementerian Sumber Manusia mendedahkan hampir 35,000 pekerja telah hilang pekerjaan pada 2017 dan seramai 1,065 pekerja telah dibuang kerja pada Januari 2018.

"Sektor pembuatan adalah sektor yang

paling ramai pengurangan tenaga kerja pada tahun 2017 dengan jumlah seramai 25,370 orang.

"Bagi sektor perkhidmatan pula adalah seramai 1,476 orang. Untuk sektor peruncitan seramai 1,275 orang dan sektor kewangan pula adalah seramai 1,210 orang," jelas beliau.

Sehubungan itu, beliau menyarankan rakyat agar senantiasa peka terhadap janji yang ditaburkan parti-parti politik pada pilihan raya umum ini.

sebagai calon AMANAH sebagai tanggung jawab berat yang mesti dipikul semampu mungkin.

Dalam PRU13 lalu, calon BN menang di kawasan parlimen Kepala Batas dengan 25,128 undi mengalahkan calon Pas yang mendapat 20,952 undi.

"Kemenangan dengan majoriti sebanyak 4,176 undi oleh calon BN pada PRU13 yang lalu amat berbeza dengan pertandingan pada 2018.

"Pertandingan kali ini menyaksikan pertembungan yang sengit setelah PH mendapat dokongan empat parti besar yang komited untuk menumbangkan BN.

"Insya Allah, AMANAH dan PH mampu membawa perubahan yang amat dinantikan oleh rakyat kerana mereka amat d ahagakan perubahan menjelang PRU ke 14 kali ini," tambah Dr Zaidi.

P. Pinang lancar perkhidmatan bas percuma di 12 laluan

GEORGETOWN: Kerajaan Pulau Pinang melancarkan perkhidmatan bas percuma Congestion Alleviation Transport' (CAT) dengan kerjasama Rapid Penang di 12 laluan terpilih di negeri ini.

Dua belas laluan itu ialah George Town, Bayan Baru, Sungai Dua, Tanjung Tokong, Ayer Itam dan Balik Pulau di bahagian pulau serta Seberang Jaya, Nibong Tebal, Bukit Mertajam, Simpang Ampat, Bertam dan Batu Kawan di tanah besar.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri Chow Kon Yeow berkata pelancaran itu adalah kedua bagi perkhidmatan CAT selepas kali pertama dilancarkan pada 1 April lalu, melibatkan dua laluan – Air Itam dan Paya Terubong.

"Kita juga akan menyediakan perhentian bas di 12 kawasan yang dikenal pasti oleh Rapid Penang sebagai kawasan memerlukan perkhidmatan bas ini yang ada penumpang ramai.

"Langkah itu diharap lebih menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam berbanding kendaraan peribadi, sekaligus mengurangkan lagi cabaran trafik sesak di negeri ini."

"Bagi laluan utama, caj perkhidmatan seperti biasa akan dikenakan kepada pengguna, tapi perkhidmatan CAT akan berfungsi sebagai 'feeder bus' yang akan menghubungkan pengguna dari stesen-stesen lebih kecil ke stesen pusat lebih besar (di laluan utama)," ujarnya ketika berucap melancarkan perkhidmatan bas percuma berkennaan, di Komtar, 11 April lalu.

Turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng dan ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Tun M selamatkan kerajaan Pas Kelantan

KOTA BHARU: Naib Presiden AMANAH Husam Musa mendedahkan peranan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penyelamat kerajaan Pas Kelantan selepas pilihan raya umum 1995 dari diambil alih BN.

Pada waktu itu, Parti Melayu Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dibubarkan dan semua ahlinya secara keseluruhan menyertai Umno.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan itu berkata, dengan arahan Menteri Besar Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, beliau bersama Presiden Pas

Datuk Fadzil Mohd Noor dan pemimpin Pas negeri Datuk Abdul Halim Rahman telah menemui wakil perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Selepas pilihan raya umum 1995, Ku Li masuk Umno balik. Tok Guru panggil ambe minta cari jalan agar jangan bagi Ku Li disokong Umno dan ambil alih Kelantan."

"Tiga pemimpin Umno, termasuk Datuk Osu Sukam dan dua peguam terkenal mewakili Umno berjumpa kami di Perdana Resort," kata Husam.

Hasilnya, kata Husam, Tun Dr Mahathir memberitahu Timbalan Menteri Dalam

Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub mengapa perlu Umno mengambil alih Kelantan sedangkan ia dipimpin orang Melayu.

"Yang susah-susah nak ambil Kelantan ini, kerajaan Kelantan ini kerajaan Melayu ke tidak, tanya Tun Mahathir.

"Perkara ini Ustaz Hadi (Presiden Pas) tak tahu, Ustaz Mat (MB Kelantan), Nik Amar (TMB) tak tahu, Sudin Singa (Exco Kerajaan Negeri) tak tahu.

"Ini adalah bukti bahawa Tun Mahathir ni ada jasa kepada kerajaan Pas Kelantan," kata Husam.

Jangan angkuh perkecil parti rakan

KOTA KINABALU: Ketua Pemuda AMANAH Sabah, Khairuddin Daud menegur sikap angkuh Naib Presiden Parti Warisan Sabah, Junz Wong yang seolah-olah menganggap AMANAH sebagai tidak relevan di Sabah.

Mengulas kenyataan Junz Wong di Malaysiakini bahawa Warisan hanya bekerjasama dengan parti yang relevan di Sabah, Khairuddin bagaimanapun berterima kasih kerana beliau akhirnya mengiktiraf kewujudan AMANAH di Sabah.

"Beliau menyatakan Warisan hanya bekerjasama dengan parti yang relevan di Sabah iaitu Keadilan dan DAP Sabah sekali gus melabelkan AMANAH sebagai parti yang tidak relevan di Sabah.

"Beliau juga menegaskan kerjasama bukanlah antara Warisan dan PH.

"Kenyataan YB Junz ini seolah-olah



Khairuddin Daud

memperlekeh kuasa rakyat dalam sistem pilihan raya di negara kita apabila menganggap AMANAH sebagai sebuah parti yang tidak relevan di Sabah," kata beliau.

Jelasnya, sebagai ahli Dewan Undangan

Negeri (Adun) yang menang atas tiket DAP, Junz sepatutnya faham kuasa menentukan parti itu relevan ataupun tidak adalah rakyat.

"Rakyat yang menentukan sama ada AMANAH relevan ataupun tidak, demikian juga parti-parti lain termasuklah Warisan," jelas beliau.

Katanya lagi, semua parti pembangkang di Sabah telah bekerja lebih awal untuk menumbangkan Umno-BN sebelum adanya Warisan.

"Maka menyifatkan parti lain tidak relevan adalah kenyataan yang angkuh," katanya.

Beliau berharap kenyataan Junz tidak mewakili Warisan kerana pemimpin parti itu belum tentu relevan di mata rakyat Sabah sekiranya terus bersikap angkuh.

Calon boleh menang AMANAH di parlimen Kubang Kerian

KUBANG KERIAN: Pengumuman bekas pensyarah kuan kampus kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) Datuk Dr Abdul Halim Yusof sebagai calon AMANAH bagi parlimen Kubang Kerian memberi kelebihan besar kepada Pakatan Harapan (PH).

Lebih mesra dengan panggilan 'Dr Halim', beliau dilahirkan di Kg Lubok Kuin Gunong, Bachok pada 1960 dari keluarga Haji Yusof.

Bapanya seorang guru Alquran. Beliau memulakan pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris di Bachok pada 1967 hingga 1972.

Abdul Halim dipilih melanjutkan persekolahan di Sekolah Menengah Sains Kelantan (Sekolah Menengah Sains Faris Petra) Pengkalan Chepa dan menerima tawaran basiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran di bidang perubatan di Universiti Ains Shams, Kaherah, Mesir pada

1978.

Di Mesir, beliau berkesempatan mendiami Ilmu Syariah dan Bahasa Arab di samping ilmu perubatan.

Setelah menerima ijazah perubatan, Dr Abdul Halim kembali ke tanah air pada 1986 dan berkhidmat di Hospital Kuala Lumpur bagi menjalani latihan housemanship sebelum pulang ke Kelantan pada 1988.

Beliau meneruskan pengajian kepakaran Sarjana Pembedahan Ortopedik di Universiti Sains Malaysia pada 1995 dan sub kepkaran pembedahan tulang belakang di Adelaide Australia pada 2000, seterusnya di Chicago Amerika Syarikat pada 2001.

Pada tahun 2008 beliau menjalani latihan penghususan pembedahan tulang belakang secara endoskop di Kolhapur India dan latihan lanjut di Bordeaux, Perancis pada 2010.

"Latar belakang ini sudah cukup untuk



Dr Abdul Halim Yusof

menjadikannya calon sukar ditandingi," kata Ketua Pemuda AMANAH Kubang Kerian Abdullah Zawawi.

Dr Abdul Halim berkhidmat di sektor awam dengan memberi rawatan kepada penduduk setempat dan berulang kali menolak tawaran untuk berhijrah bekerja di

Hanya naik-kan bendera Keadilan, arah Husam

KOTA BHARU: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Husam Musa mengarahkan semua parti-parti komponen di negeri itu agar menurunkan bendera parti masing-masing dan digantikan dengan bendera PKR.

Arahan ini dibuat serentak ketika Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan PH akan menggunakan satu logo sahaja iaitu logo Keadilan dalam pilihan raya umum ini.

Pengumuman itu dibuat Tun Mahathir dalam Jelajah Pakatan Harapan (JPH) di Pasir Gudang, Johor, 7 April lalu.

"Saya arahkan semua bendera parti-parti lain diturunkan secara peringkat demi peringkat... gantikan dengan bendera Keadilan," kata Husam dalam ceramahnya di Kutan, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau juga mengarahkan semua jentera parti gabungan PH memberitahu semua penyokong agar mengundi calon PH yang berlogokan Keadilan dalam PRU14 ini.

"Kita telah berjaya atasi taktik kotor Najib apabila kita setuju guna logo Keadilan," kata Husam merujuk kepada pembubaran sementara PPBM oleh Pendaftar Pertubuhan.

Bagi Husam, kejayaan penggunaan satu logo ini adalah bukti penyatuan dan disiplin PH.

"Ini bukti kita bersatu dan berdisiplin dan layak ambil alih Malaysia dan urus Malaysia sebaik-baiknya," kata Husam.

hospital swasta walaupun dijanjikan gaji yang lebih lumayan.

Setelah 30 tahun berkhidmat, beliau bersara awal pada November 2017.

Dr Halim berumah tangga dengan Rohani Hasan dan dikurniakan 5 anak dan 7 cucu.

Menurut Abdullah, selain dikenali sebagai seorang pakar perubatan, beliau turut terkenal sebagai pemimpin Islam.

"Sebagai seorang bekas pelajar Timur Tengah beliau giat bekerja di bidang aktivisme Islam.

"Selain mengubati pesakit, beliau pemimpin besar kerja-kerja membantu bencana.

"Juga kerja-kerja dakwah Islam melalui beberapa NGO yang disertai beliau," katanya.

Integriti

PILIHAN raya negara telah tiba, 222 kerusi Dewan Rakyat akan diperebutkan, demikian juga dengan ratusan kerusi Dewan Undangan Negeri. Setiap parti politik sudah tentu telah siap menyenaraikan tokoh masing-masing menjadi calon. Calon-calon yang dipilih barang pasti menurut ciri-ciri 'boleh menang' oleh parti masing-masing.

Calon-calon yang dikemukakan perlu memiliki integriti tinggi. Kalau seseorang yang pernah terlibat dengan jenayah keseksaan atau jenayah syariah, terlibat dengan penyalahgunaan kuasa, rasuah atau korupsi atau mungkin pernah terlibat dengan gangguan seksual, penyalahgunaan dada dan bahan-bahan memabukkan atau pernah terlibat dalam kes-kes pernapan, pecah amanah dan seumpamanya sudah barang pasti orang seperti itu tidak layak dicalonkan bagi mewakili rakyat.

Calon-calon ini hendaklah baik, bersih dan sentiasa terlihat bersih agar mereka kekal telus, juga adil dan saksama ketika menggalas amanah apabila diangkat mewakili rakyat. Dengan begitu barulah

benar-benar terhormat bila bergelar YB. Dengan kata lain semua parti politik perlu memiliki calon masing-masing dari kalangan terbaik, bersih dan telus.

Parti-parti politik perlu menjadikan wakil-wakil, pemimpin dan aktivis mereka mempunyai keperibadian mulia.

Disiplin tinggi adalah suatu kemestian. Calon-calon pilihan raya yang ditunjolkan kepada umum wajib bersih sebelum, semasa dan sesudah selesai pilihan raya.

Saya tertarik membaca tulisan Zam (Datuk Zainuddin Maidin), wartawan dan tokoh politik Umno suatu masa lalu mengenai disiplin tinggi parti sosialis DAP di Singapura.

"Di Singapura tidak ada anggota yang berani berbohong kepada Lee Kuan Yew atau kepada parti. Othman Wok mendedahkan dalam buku biografinya 'Never In My Wildest Dreams' perihal Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah memanggilnya dan mengarahkannya 'berambus' jika tidak boleh menyelesaikan masalahnya yang berkahwin dua

secara rahsia di Thailand.

"Mulanya Rajaratnam Menteri Kanan memanggil Othman dan memberitahuinya, 'Kami mendapat tahu saudara telah berkahwin isteri kedua sejak dua tahun lalu. Walaupun seseorang Islam boleh mempunyai empat isteri tetapi kami bimbang'. Othman kemudiannya menemu Lee Kuan Yew dan menyatakan, 'Saya tahu bahawa saudara telah pun dimaklumkan dan Lee terus bertanya berapa umur isteri keduanya?' Othman menjawab 29 tahun.

"Ketika itu Othman telah pun mengetahui perlantikannya sebagai Duta Singapura ke Indonesia dengan jawatannya sebagai Menteri Hal Ehwal Masyarakat tetap dikekalkan.

"Menyedari kesilapannya, Othman bertanya pada Lee apakah beliau masih dikehendaki untuk pergi ke Indonesia sebagai duta. Lee Kuan Yew memberitahuinya, 'Go ahead, but if you can't solve your problems, pack up' (Teruskan, tetapi kalau kamu tidak dapat menyelesaikan masalah ini, kamu perlu letak jawatan)."



ANUAR TAHIR

Di Malaysia berapa banyak skandal yang telah berlaku di bawah beberapa Perdana Menteri yang diketahui umum tetapi dipejamkan mata, disembunyikan atau "disapu di bawah tikar" begitu saja.

Marilah belajar dari orang lain tentang integriti. Calon-calon pilihan raya kali ini perlu betul-betul bersih dan kekal bersih, kalau nanti menyeleweng di saat telah berkuasa, kita juga perlu menegaskan kepada mereka, "Sila berambus dari kedudukan kalian".

■ **Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.**

Manifesto BN tambah peruntukan untuk program Permata

MANIFESTO Barisan Nasional yang diumumkan oleh Datuk Seri Najib Razak pada hari Sabtu lalu (7 April) memberi gambaran skop penglibatan Permata dalam pentadbiran negara diluaskan lagi.

Melalui pengumuman-pengumuman yang dibuat di dalam manifesto tersebut, jelas peruntukan-peruntukan baru yang lebih besar akan diberikan kepada Permata jika Najib kembali berkuasa.

Skop peluasan penglibatan Permata itu disebut 3 kali di dalam manifesto penuh setebal 219 muka surat itu, seperti berikut:

i. Muka surat 109 - Menambah pendaftaran ibu-ibu tunggal B40 melalui latihan tertentu di bawah Kursus Asuhan Permata.

ii. Muka surat 137 - Akses pelajar kelainan upaya kepada sistem pendidikan seperti Permata Kurnia akan diperluas ke seluruh negara.

iii. Muka surat 142 - Menyediakan modul khusus untuk intervensi awal keluarga yang mempunyai anak autisme dengan kerjasama pusat Permata.

Pengumuman di dalam Manifesto BN itu memberi gambaran skop Permata diluaskan untuk kini turut terlibat di dalam program kerajaan untuk ibu-ibu tunggal, sistem pendidikan keluarga



PENDAPAT
RAFIZI RAMLI

dan khidmat keluarga. Kedua-dua fungsi ini kini dikendalikan oleh dua kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Menurut laman web rasmi Permata, program-program yang kini berjalan di bawah kendalian Permata adalah Permata Negara, Permata Pintar, Permata Seni, Permata Insan dan Perkasa@remaja. Laman itu juga menyatakan Permata kini sedang memulakan program baru bernama Permata Kurnia. (Rujuk <http://www.programpermata.my/en/about>)

Pengumuman di dalam Manifesto BN menunjukkan peruntukan baru kepada program yang baru dimulakan oleh Permata iaitu Permata Kurnia dan peruntukan kepada skop baru Permata yang

melibatkan ibu tunggal yang akan dilatih oleh Pusat Asuhan Permata.

Saya suka mengingatkan pengundi-pengundi bahawa peruntukan kepada Permata bagi program-program sedia ada pun sudah mencecah belanja yang tinggi setiap tahun. Saya sertakan petikan peruntukan bagi tahun 2018 untuk program-program sedia ada yang dikenalpasti Permata dan jumlah kakitangan yang digaji di bawah program-program Permata; seperti terkandung di dalam penyata peruntukan mengikut jabatan yang dibentangkan di Parlimen:

1. Peruntukan untuk 'Dasar Baru' sebanyak RM8,190,100
2. Peruntukan sekaligus kepada Permata sebanyak RM12.7 juta.
3. Jumlah kakitangan yang digaji oleh Permata ialah 586 orang dan melibatkan belanja sebanyak RM54.3 juta.
4. Jumlah yang diperuntukkan kepada program sedia ada Permata bagi tahun 2018 adalah RM75.19 juta.

Dengan janji baru Manifesto BN untuk meluaskan skop penglibatan Permata untuk turut membabitkan ibu-ibu tunggal di dalam kumpulan B40, ini sudah tentu akan meningkatkan lagi peruntukan kepada Permata.

Semakan saya menunjukkan jumlah ibu tunggal di Malaysia setakat 2016 adalah 235,240 orang.

Jika 70% dari ibu-ibu tunggal ini ter-

golong di dalam kumpulan B40, program Permata yang baru itu akan melibatkan sekitar 165,000 orang ibu tunggal. Jika kos yang diperuntukkan kepada Permata untuk melatih setiap ibu-ibu tunggal ini di Pusat Asuhan Permata adalah RM1,000 setahun, itu akan melibatkan peruntukan tambahan kepada Permata sebanyak RM165 juta setahun.

Jika ini dicampurkan dengan peruntukan sedia ada yang diberikan kepada Permata, jumlah peruntukan yang bakal diperuntukkan kepada Permata di bawah Manifesto BN boleh mencecah RM250 juta setahun.

Saya mahu pengesahan berapa peruntukan yang dianggarkan oleh Datuk Seri Najib untuk membiayai program-program di bawah Permata ini kerana setiap sen yang baru yang diperuntukkan kepada Permata, itu menambahkan penglibatan Datin Seri Rosmah Mansor dalam perjalanan kerajaan melalui Permata.

Memandangkan ini satu-satunya program besar yang dijanjikan di dalam Manifesto BN mengenai kebijakan wanita yang terbanyak, rakyat berharap tahu jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada program ini.

■ **Rafizi Ramli ialah Naib Presiden Keadilan.**

Dari politikal Islam kepada Muslim Demokrat

DARI MUKA 22

ARAB Spring menjanjikan berakhirnya pemerintahan diktator seperti Mubarak, Ghadafi, Zeinal Abidin dan Hafez Al Assad. Mereka adalah para aktor politik yang menentang keras proses demokrasi berjalan dengan sempurna demi mahu kekal di persada kuasa.

Kebangkitan rakyat ramai mendorong golongan Islamis mengambil bahagian malah menjadi pemangkin kepada kejayaan menumbangkan regim diktator negara Arab. Namun kemenangan mereka gagal menunjukkan contoh pemerintahan yang menjadi inspirasi nasional dan diterima oleh semua pihak sehingga membawa kepada kegagalan.

Itu bukan semuanya kesalahan golongan Islami yang gagal memenuhi hasrat rakyat terbanyak, sebahagiannya adalah campur tangan tentera yang masih berkuasa penuh ke atas perjalanan politik negara seperti di Mesir dan Syria.

Morsi digulingkan setelah menang secara demokrasi, kebangkitan di Syria dibalas dengan peluru dan ugutan bersistematis regim. Kecuali di Tunisia, pimpinan Rachid Ghanoushi, kelompok politik Islam dilihat lebih komited terhadap prinsip demokrasi pemerintahan dan sikap keterbukaan kepada golongan sekularis dalam membentuk kerajaan rakyat.

Morsi selain faktor konspirasi tentera, beliau dikatakan gagal bersikap inklusif terhadap golongan liberal sekular lalu mengukuhkan lagi pesimisme terhadap kelompok Islamis.

POLITIKAL ISLAM KE MUSLIM DEMOKRAT

Ada beberapa faktor yang melahirkan istilah Muslim Demokrat dari naratif panjang yang diuraikan di atas.

1. Keperluan meyakinkan golongan yang skeptikal terhadap penglibatan kelompok Islam dalam proses politik negara justeru penjenamaan semula dalam komitmen dengan istilah Muslim Demokrat.

2. Dari sudut evolusi pemikiran politik Islam, nama Muslim Demokrat adalah perpindahan dari gagasan besar universalisme perjuangan Islam kepada keperluan politik lokal di mana golongan Islami beroperasi. Menasionalkan perjuangan Islam dengan membumikan dasar-dasar keadilan sosial, hak asasi dan pemulihan demokrasi berterusan adalah ciri utama Muslim Demokrat.

3. Muslim Demokrat adalah fasa yang memisahkan retorik perjuangan dengan realiti semasa yang telah berjaya menghaluskan pemimpin diktator dan kini adalah wakt mengisi dan membina semula negara dengan pendekatan rekonsilia dan konsultasi.

4. Muslim Demokrat adalah pemisahan dengan politikal Islam yang dikaitkan den-

gan aktiviti dakwah dan tarbiyah kepada tumpuan sepenuhnya kepada politik dan pembinaan negara. Ini bukan bermakna ia menolak dakwah dan tarbiyah tetapi keperluan itu boleh dilakukan oleh entiti lain agar tidak dikelirukan dengan keutamaan Muslim Demokrat.

5. Muslim Demokrat adalah konotasi kepada solusi praktikal kepada permasalahan negara seperti rasuah, kemiskinan, bebanan kehidupan rakyat dan hak asasi manusia lewat dasar-dasar yang progresif dan inklusif berbeza dengan ciri sebelumnya yang eksklusif dan beretorik silam.

6. Muslim Demokrat tidak meninggalkan Islam tetapi ia mengambil Islam sebagai sumber ketamadunan dan budaya serta nilai yang kaya cuba diadaptasikan dengan realiti dan bingkai kenegaraan yang ada.

7. Pemikiran Muslim Demokrat terhadap perlaksanaan syariah diletakkan dalam kerangka berfikir secara Maqasid Syariah dengan melihat tujuan utama Syariah sebagai keutamaannya daripada melihat kepada sekadar menjalankan hukuman mengikut syariah.

8. Muslim Demokrat tidak melihat demokrasi sebagai hanya wasilah tetapi menjadikan perjuangan pendemokrasian sebagai proses berterusan yang terbuka untuk dikritik oleh pemerintah dan masyarakat sivil.

9. Bentuk negara yang cuba dibentuk bukan bersifat formatif tetapi substantif kepada prinsip keadilan, kesaksamaan, ke manusiaan dan keterbukaan pemerintahan yang lebih hampir kepada sebuah negara sivil atau madani.

10. Keperluan Islam dalam perundungan negara dilihat dalam bentuknya yang holistik dan terangkum dalam semua undang-undang dari sudut prinsip hukum yang mengekalkan keadilan semulajadi. Muslim Demokrat tidak melihat perundungan Islam hanya kepada akta tertentu dan kalaupun ia khusus kepada keperluan Islam dalam muamalat, ia tetap perlu melalui proses legislatif dengan akhirnya ditentukan oleh penerimaan atau penolakan secara demokratik.

11. Muslim Demokrat adalah komitmen kepada kepelbagaiannya, hak beragama dan memupuk kesepadan antara agama dan kaum di bawah semangat kenegaraan yang satu.

MUSLIM DEMOKRAT DI MEDAN OPERASI

Ramai yang cuba menghuraikan atau menamakan dirinya Muslim Demokrat hanya dengan alasan mudah bahawa ia bergerak dalam kerangka demokrasi. Implikasi kepada pemikiran yang menentukan pergerakannya di medan kemungkinan tidak sama dengan dakwaannya sedangkan mereka masih terperangkap dengan 'cara lama'.

Saya menegaskan bahawa Muslim Demokrat bukan teori yang lahir dari sekadar

berfikir atau mendakwa tetapi ia adalah produk interaksi politik di medan operasi yang panjang bermula dari sejarah pasca khilafah hingga ke hari ini.

Evolusi pemikiran hasil tindak balas persekitaran dan keterlibatan mereka yang tidak mahu tunduk kepada kemaraan pemikiran Barat dengan meninggalkan Islam maka lahirlah keseimbangan, sinergi dan kesegaran ide untuk membuktikan Islam boleh kekal relevan sepanjang masa tanpa perlu menjadi apologetik.

Di sinilah penjanaan intelektual dan daya ketajaman akal budi menjadi asas hujah dan perdebatan Islam kontemporer yang progresif dan inklusif.

Berada di medan melahirkan keperluan-keperluan mendesak terhadap realiti yang akhirnya akan menentukan acuan apakah yang sesuai dan acuan manakah yang tidak sesuai. Semua budi bicara itu milik khusus pengamalnya dan tidak boleh ditentukan oleh sebarang model luar yang tidak ada kena mengena dengan realiti setempat. Ini bermakna pemikiran Muslim Demokrat terpaksa mencabar kadang-kadang apa yang dianggap sakral selama ini dan tabu untuk dibincangkan.

Implikasi menjadi Muslim Demokrat ialah mengimbangi apa yang ditetapkan oleh teks dengan realiti kontekstual sehingga mampu kita membuat keputusan yang bijak. Muslim Demokrat senantiasa memahami bahawa realiti dunia bukan beredar di sekitar jawapan hitam putih tetapi apa yang di antara hitam dan putih itu.

Ini termasuk mendefinisikan kontekstual tanpa hilang prinsip yang terkandung asal yang tidak boleh berubah. Kita sering difahamkan kerakyatan dalam Islam dibagi atas garis Muslim dan Kafir. Kafir pula dikategorikan sebagai Dzimmi dan Harbi dengan segala hukum fiqhnya, tetapi kita lupa bahawa asasnya adalah tertegak kepada memberi keadilan dalam konteks ketika itu.

Hari ini konteksnya berbeza dengan adanya realiti negara yang berdasarkan hak kewarganegaraan tanpa dipisahkan atas garis agamanya. Hari ini konteksnya adalah negara berperlembagaan dan negara berdaulat yang tidak dipisahkan atas Wilayah Darul Islam dan Wilayah Darul Harb.

Muslim Demokrat harus berani mendefinisikan konteks dan hukumnya berdasarkan realiti semasa tanpa perlu berasa ber salah dan bergerak atas definisi itu secara konsisten.

APAKAH KITA MUSLIM DEMOKRAT?

Bab seterusnya dalam artikel ini adalah perkongsian kepada sedikit pengalaman politik dan proses politik di Malaysia yang saya sempat lalui setakat ini. Saya telah pun meyakini ide-ide Muslim Demokrat yang saya sebutkan di atas tanpa perlu membaca manual bagaimana mahu

menjadi Muslim Demokrat.

Memang ia bukan manual tetapi penghayatan, kefahaman kepada realiti dan tuntutan lokal yang saya imbangi dengan pembacaan saya kepada gagasan pemikiran besar Islamisme. Saya tidak mengambil semua fahaman saya secara pukal melainkan saya mengkritik sendiri fahaman saya melalui pengamatan dan pengabsahan dengan pendapat mereka yang lebih kredibel untuk saya membuat perbandingan. Apakah yang saya fikirkan itu benar atau salah?

Saya pernah mengemukakan ide 'menasionalkan Pas' dalam buku 'Menuju Pas Baru' sebelum saya pernah membaca bahawa En Nahdah turut memperkenalkan 'Tunification of En Nahdah' (Tunification merujuk kepada menjadikan En Nahdah mewakili aspirasi rakyat Tunisia).

Saya pernah mengemukakan ide perpaduan nasional dengan menggerakkan dialog antara agama sebelum saya membaca bahawa rekonsiliaasi nasional adalah antara keutamaan dan rahsia kejayaan Parti Keadilan dan Pembangunan (AK Party pimpinan Recep Tayyib Erdogan) di Turki.

Saya pernah menegaskan bahawa organisasi parti politik Islam tidak boleh dikuarasi oleh golongan tertentu yang menafikan proses demokrasi dalam parti sehingga kita hanya jadi pak turut. Tidak mungkin kita membawa demokrasi jika kalau kita tidak menghayati demokrasi dalam parti sendiri.

Saya meyakini semua itu sebelum mengetahui melalui interaksi saya dengan salah seorang pemimpin Justice Party di Maghribi yang berkongsi masalah yang sama dialaminya.

Semua pengalaman ini membentuk satu kewajaran bahawa memikir-semula apa yang selama ini kita sangka tidak boleh dipertikaikan adalah satu keperluan dan dalam proses itu rumusan kita terhadap pandangan ini memandu kita di medan dalam tugas politik kita.

Muslim Demokrat bukan penghujungnya. Ia hanyalah tanda untuk kita berjalan dalam fasa panjang yang telah dilalui oleh pengamal sebelum ini.

AMANAH bercita-cita untuk menjadikan model Malaysia boleh dipelajari sebagai model yang berjaya dalam suasana kepelbagaiannya agama dan kaum bagi membuktikan kejayaan politik Islam.

Anda tidak akan menjadi Muslim Demokrat dengan hanya membaca artikel ini kerana ia bukan manual tetapi ia memberi gambaran, konsep dan ide kepada pembaca bagaimana bertindak kepada realiti semasa dan keperluan lokal tanpa perlu hilang prinsip-prinsip utama dalam politik Islam seperti keadilan dan kemanusiaan.

■ Dr Mujahid Yusofialah Naib Presiden AMANAH.

Lawan sebenar pahlawan Bugis

BANYAK yang berlaku dalam tempoh satu dua minggu yang lepas. Pembubaran Parlimen. 'Pengharaman' PPBM dan gagalnya Pakatan Harapan didaftarkan, persempadanan semula yang herot-berot, pengumuman SPR bahawa hari mengundi jatuh pada Rabu, 9 Mei dan sebagainya. Ini semua sebagai tanda-tanda kerisauan dan terdesaknya Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak.

Persoalan ini semua mungkin telah dikupas oleh ramai penulis. Pokoknya imej Pahlawan Bugis yang kononnya berani dan perkasa tercemar dengan tingkah laku Najib yang jelas menikus dan berselindung di belakang RoS dan SPR. Mungkin beliau mengakui diri sebagai Pahlawan Bugis tetapi tidak hairan kalau bangsa Bugis yang hidup dan yang sudah pergi rasa malu dengan tingkah lakunya dan menolak dakwaannya.

Bagaimana nak dikatakan pahlawan sedangkan mengelak dari bertempur secara berdepan? Orang tua yang berusia 93 tahun kelihatan lebih gagah perkasa berbanding beliau.

Kalau benar beliau seorang pahlawan, sepatutnya Najib benarkan sahaja PPBM dan PH didaftarkan dan kita bertempur di medan politik melalui pilihan raya yang adil dan saksama. Sedangkan 'si tua' sanggup terus berada tenaga melalui PPBM dan PH walaupun pilihan raya umum tidak adil ataupun saksama!

Setelah dipinda segala yang perlu dipinda, dan dicondongkan medan tempur ke arah menguntungkan diri, Najib tetap lari dari bertempur dengan 'si tua' secara berdepan.

Tindakan Najib bagaikan melucutkan sen-

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



jata dari tangan lawannya, walaupun setelah keadaan dicerakkan untuk menguntungkan dirinya, sebelum bertempur. Tidak cukup dengan persempadanan yang herot-berot, undi awal dan undi pos yang menguntungkannya, hari

mengundi yang membebankan rakyat, parti dan gabungan lawan tetap perlu diharamkan! Kalau tidak, tiada keberanian untuk beliau bertempur.

'Pahlawan Bugis' sekarang ini kelihatan, bagi ramai, sebagai si bacul yang bangsa Bugis juga merasa malu untuk mengiktiraf sebagai sebangsa dengan mereka. Teringat saya akan ungkapan cendekiawan tidak bernama yang diungkapkan mantan Tan Sri Speaker, "If you have power, you are powerful; if you then do not use the power, you are bloody fool!" Ya, mungkin itulah pegangan si bacul sedunia.

Mungkin tanpa disedari, tindakan-tindakan ini semua mendedahkan bahawa Najib sedar dan yakin dia dibenci dan ditolak rakyat. Dia sedar dan yakin dia akan kalah sekiranya bertempur secara adil dan saksama. Malahan bertempur secara tidak adil dan tidak saksama sekalipun tidak memadai untuk menjamin beliau akan menang.

Untuk menang, tidak memadai sekadar tidak adil dan saksama. Tidak memadai dengan segalanya condong ke arah menguntungkannya. Kalau nak menang maka kena menipu dan mengelat tanpa segan dan malu!

Maka dilucutkan senjata dari tangan lawan dan dengan 'beraninya' dijemput untuk membuka langkah. Dunia menjadi saksi akan kebaculannya.

Maksud semua ini adalah bahawa Najib



ingin memaksa kepimpinannya ke atas rakyat yang sudah menolaknya. Rakyat yang sudah benci dan meluat dengan perangginya diusaha untuk dipaksa menerima kepimpinannya. Hidung tak mancung namun pipi tesorong-sorong!

Setelah menang, sekiranya dia menang, akan didakwa bahawa dia pilihan rakyat. Sedangkan kepimpinannya dipaksa ke atas rakyat. Sedangkan mungkin, beliau hanya mendapat 40% dari undi popular, sebahagian besar darinya pun dibeli atau yang merupakan pengundi yang diragui. Dan akan dihujahnya bahawa kemenangannya adalah bukti rakyat menyokongnya. Dan akan dikatakan peratus undi tidak penting, yang penting jumlah kerusi yang dimenangi!

Namun akan menjadi bagaihan pepatah Melayu, "Seperti bertemu buku dengan ruas" apabila segala tipu-helah Najib digagalkan rakyat Malaysia yang berani dan bijaksana.

Najib lupa. Masalah dan kelemahan beliau

yang utama bukan 'si tua' sama ada bersenjata atau pun tidak. Ianya bukan kewujudan PPBM ataupun PH. Masalah dan kelemahan utama Najib adalah rakyat sudah tidak ingin pada dirinya. Maka sama ada bersenjata atau tidak, 'si tua' akan tetap menang kerana pengadil pertarungan ini adalah rakyat. Ini adalah kerana 'si tua' adalah pilihan rakyat dan hanya bertarung atas permintaan dan desakan rakyat.

Maka walaupun dibuka seribu langkah dan dipertontonkan seribu buah, yang menggelar diri sebagai pahlawan Bugis tetap akan kalah. Kerana lawan sebenar Najib bukanlah 'si tua'. Lawan sebenar Najib adalah rakyat yang sudah membencinya.

Usaha untuk memaksa kepimpinan diri ke atas rakyat akan ditolak insya Allah dan sebagaimana semua pemimpin yang memusuhi dan dibenci rakyat, Najib akan turut kecundang.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH.

Kebajikan rakyat terabai akibat hutang negara naik mendadak

KERAJAAN BN di bawah pimpinan Umno telah gagal mengurus kewangan negara dengan baik sehingga kesihatan rakyat berisiko, terutama sekali golongan berpendapatan rendah di Kuala Lumpur.

Saya mendapat satu salinan surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan kepada Pegawai-Pegawai Kesihatan Daerah Titiwangsa, Kepong, Cheras, Putrajaya dan Lembah Pantai.

Surat ini menyatakan bahawa pemotongan bajet kesihatan oleh kerajaan BN menyebabkan pesakit kencing manis di kawasan-kawasan tersebut hanya boleh menjalani satu sahaja ujian HbA1c tahun ini. Sedangkan situasi yang



PENDAPAT
WAN SAIFUL WAN JAN

ideal ialah jika mereka boleh mengambil 4 kali ujian HbA1c setahun.

Menurut Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang terkini, hampir 1 daripada setiap 5 orang dewasa di Malaysia menghidap kencing manis. Ini adalah situasi membimbangkan dan pemantauan yang baik amat diperlukan.

“Di Malaysia, Menteri Kewangan kita ada dua-dalam-satu, iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan ahli parlimen Titiwangsa Datuk Seri Johari Abdul Ghani. Tetapi kedua-dua mereka membiarkan bebanan hutang negara naik mendadak sehingga kebajikan rakyat biasa terabai...”

HbA1c adalah satu ujian untuk menentukan sama ada tahap kencing manis seorang pesakit terkawal. Yang paling ideal adalah ia dilakukan setiap 3 bulan, atau 4 kali setahun. Jika kencing manis tidak dipantau dengan baik, maka para pesakit mempunyai risiko kegagalan

buah pinggang, serangan jantung, strok dan buta.

Di Malaysia, Menteri Kewangan kita ada dua-dalam-satu, iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan ahli parlimen Titiwangsa Datuk Seri Johari Abdul Ghani. Tetapi kedua-dua mereka membiarkan bebanan

hutang negara naik mendadak sehingga kebajikan rakyat biasa terabai.

Ini termasuklah warga Titiwangsa sendiri, selain Kepong, Cheras, Putrajaya dan Lembah Pantai. Adakah mereka gagal mengurus kewangan negara kerana terlalu sibuk bersekongkol cuba menutup pelbagai skandal negara?

Saya mendesak mereka menyenaraikan sepenuhnya semua perkhidmatan yang telah dipotong atau dibatalkan akibat kegagalan mereka mentadbir kewangan negara.

Wan Saiful Wan Jan ialah Timbalan Pengerusi Biro Dasar dan Polisi PPBM.



Satu logo satu harapan di Jelajah PH Pasir Gudang

Oleh AMNI JAGAT

PASIR GUDANG: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kesemua calon dari empat parti komponen PH akan menggunakan simbol Keadilan dalam pilihan raya umum (PRU), 9 Mei ini.

"Saya umum bahawa semua empat parti akan guna satu simbol – simbol parti Keadilan," kata Tun Mahathir dalam Jelajah PH (JPH) di Pasir Gudang, 6 April lalu.

Menurutnya, semua parti sayangkan simbol masing-masing, namun bagi melakukan perubahan para pemimpin parti terbabit sanggup berkorban.

"DAP yang dah guna simbol mereka 60 tahun tapi kita akan guna satu simbol juga."

"Kita berhak untuk bertanding sebagai citizen (warganegara). Saya sangat gembira apa yang tidak pernah berlaku kita juga boleh lakukan,"

tambah mantan perdana menteri itu.

Dianggarkan sekitar 10,000 penduduk Pasir Gudang menyertai himpunan malam itu di samping pulih ribu mengikutnya siaran langsung melalui internet.

Dalam sidang media di lobi parliment sehari sebelumnya, DAP telah mengumumkan buat pertama kali sejak menyertai PRU 1969, logo roket DAP tidak akan digunakan dalam PRU kali ini di Semenanjung.

DAP bagaimanapun akan menggunakan lambang roket di Sabah dan Sarawak.

Selain Tun Mahathir, turut berucap pada malam itu Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Mohamad Sabu serta para pemimpin parti gabungan PH negeri Johor.

Pada malam itu juga, calon-calon AMANAH bagi kawasan selatan Johor diumumkan.



Calon-calon mewakili AMANAH bagi kawasan Johor selatan diumumkan.



Ribuan penduduk Pasir Gudang hadir pada majlis Jelajah PH.



Ribuan hadir tidak berganjak mendengar ucapan para pemimpin PH.



Di Parit Jawa, Muar ceramah PH dihadiri ribuan penduduk tempatan.

PH turun padang selami masalah rakyat

Oleh AKMAL HAZIQ

Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

KUALA TERENGGANU: Pendekatan turun padang Pakatan Harapan (PH) menyantuni rakyat lebih berkesan untuk meraih sokongan pengundi di Kuala Terengganu.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad berkata, PH khususnya AMANAH akan memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ada untuk memenangi kerusi Parlimen Kuala Terengganu pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini.

Menurut Pengurus PH Terengganu itu, PH melihat banyak peluang untuk memenangi kerusi tersebut.

Kata beliau, setiap kali turun padang menemui pengundi, kebanyakannya mereka terlebih dahulu berkata bahawa PH mempunyai harapan untuk menang.

Dan kenyataan seperti itu tambah beliau, bahkan datang daripada orang Umno sendiri.

Jelas Raja Bahrin, beliau yakin bahawa trend ini amat meluas bukan sahaja di kawasan Kuala Terengganu malah di seluruh negeri Terengganu.

Hal ini ujarnya, pernah berlaku dalam PRU terdahulu.

Parlimen Kuala Terengganu kata beliau, mempunyai sekitar 103,000 orang pengundi dengan pengundi bukan Melayu sekitar 10 peratus.

Persempadanan baharu kawasan pilihan raya, katanya walaupun memberi kesan kepada pertambahan jumlah pengundi namun tidak begitu drastik seperti di Selangor.



Mendengar masalah peniaga kecil.

Beliau menjangkakan akan berlaku pertambahan sekitar empat hingga lima ribu pengundi sahaja di kawasan yang diwakilinya itu.

Pengundi-pengundi bukan Melayu khususnya kaum Cina yang kebanyakannya berpusat di Kampung Cina di bandar Kuala Terengganu, jelas beliau memberi sepenuh keyakinan kepada PH sama seperti Pakatan Rakyat (PR) sebelum ini.

Mereka menganggap MCA tidak lagi relevan buat kaum Cina di Kuala Terengganu.

Berhubung kerjasama anggota PH di Kuala Terengganu, Raja Bahrin berkata, sehingga kini semuanya berjalan lancar dan tidak timbul sebarang masalah.

Banyak program, katanya dibuat bersama sejak awal tahun lagi.

Masyarakat Kuala Terengganu khususnya, kata Raja Bahrin lebih cenderung memprotes secara diam.

PH Kuala Terengganu, jelas beliau tidak mengadakan program ceramah besar-besaran untuk menawan hati pengundi sebaliknya mendekati mereka secara terus.

Kadangkala penerangan ringkas dibuat melalui ucapan dari atas kenderaan pacuan empat roda di lokasi-lokasi tumpuan ramai sebelum bertemu mereka.

"Kaedah ini lebih efektif kerana berlaku



Pasar Besar Kedai Payang tempat para peniaga Melayu mencari rezeki.



Raja Bahrin lebih selesa bertemu penduduk menyelami masalah dihadapi mereka.

komunikasi dua hala dengan masing-masing mendapat maklumat," kata beliau ketika ditemui.

Kuala Terengganu, tambah beliau mempunyai banyak isu yang perlu diberi perhatian.

Antaranya isu bangunan Pasar Payang, isu kemusnahan warisan Melayu di bandar Kuala Terengganu.

Kampung warisan Melayu ini, katanya dahulu terkenal dalam menghasilkan kraf tradisi bermutu daripada tembaga, batik dan sebagainya.

Kampung Tok Pelam, Ladang ini, tambah beliau terkenal dan diiktiraf di peringkat antara bangsa.

Kawasan kraf tradisi ini bagaimanapun tidak lagi wujud dan janji kerajaan negeri untuk mengantikannya dengan penempatan lain hanya tinggal janji.

Penempatan semula penduduk Kuala Terengganu di rumah-rumah pangsa juga menimbulkan masalah baru seperti gejala sosial sedangkan Terengganu mempunyai banyak tanah yang boleh dibangunkan sebagai tapak rumah kediaman.

Isu ketidaaan peluang pekerjaan juga perlu diberi perhatian kerana ia menyebabkan ramai anak muda berhijrah ke tempat lain, ujarnya.

Isu makanan mahal khususnya ikan, perlu difikirkan kerana Terengganu adalah negeri yang menghasilkan banyak tangkapan ikan dari laut.

Semua ini jelas Raja Bahrin, berpuncu daripada ketidakprihatinan kerajaan negeri yang tidak memanfaatkan kekayaan negeri untuk kesejahteraan rakyat, membazir dan tidak tahu mengurus dengan baik.

PROMOSI TERBARU!!

**JOM IKLAN DENGAN
MINGGUAN AMANAH
SERENDAH RM500
SATU MUKA**

**Mingguan Amanah
meluas ke Singapura,
Sabah dan Sarawak**

**Percuma Mingguan
Amanah setiap keluaran
untuk anda**

**UNTUK PAKEJ
IKLAN YANG
LAGI MENARIK
HUBUNGI:
011 3233 4322**

3 PRU14 jadi 'pilihan raya pos'

6 Johor bukan lagi 'permata Umno'

13 Calon PM Pakatan Harapan lebih popular



PP18978/03/2016(034450)

Amanah Mingguan

BIL 98 | 15 - 21 APRIL 2018

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
08.04.18	5:44	5:54	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
09.04.18	5:44	5:54	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
10.04.18	5:43	5:53	7:09	1:17	4:25	7:22	8:31
11.04.18	5:43	5:53	7:08	1:17	4:25	7:22	8:31
12.04.18	5:42	5:52	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31
13.04.18	5:42	5:52	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31
14.04.18	5:41	5:51	7:07	1:16	4:26	7:21	8:31

PH GUNA LOGO KEADILAN



Pemimpin PH mengibarkan bendera PKR selepas Tun Mahathir umumkan logo Keadilan akan digunakan oleh semua calon PH.

KESEMUA calon dari empat parti komponen Pakatan Harapan (PH) akan menggunakan simbol PKR dalam pilihan raya umum ke 14 nanti.

"Saya umum bahawa semua 4 parti akan guna satu simbol – simbol parti Keadilan," kata Pengurus PH, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam Jelajah PH (JPH) di Pasir Gudang 6 April lalu.

Menurutnya, semua parti sayangkan simbol masing-masing.

"Dap yang dah guna simbol mereka 60 tahun. Tapi kita akan guna satu simbol juga."

"Kita berhak utk bertanding sebagai citizen. Saya sangat gembira apa yang tidak pernah berlaku kita juga boleh lakukan," kata Mahathir dalam ucapan itu.

Sebelum ini, DAP telah mengumumkan buat pertama kali sejak sekian lama logo 'roket' DAP tidak akan digunakan dalam pilihan raya umum kali ini.

PAKATAN Harapan (PH) dijangka akan mengecap kemenangan yang manis dalam pilihan raya umum ke 14 ini selepas semua pihak di dalamnya membuat pengorbanan masing-masing untuk memenangkan PH.

Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad berkata, pihak yang paling awal berkurban adalah Tun Dr Mahathir Mohamad yang sanggup merendahkan

Semua berkurban untuk PH

egonya dengan bertemu dengan bekas musuhnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kemudian, Parti Keadilan (PKR) pula berkurban apabila sedia menerima Mahathir sebagai pengurus PH walaupun mereka adalah parti terbesar dalam PH.

Parti Amanah Negara (AMANAH) pula dipuji oleh Dr Mahathir kerana

sanggup berkurban bagi membolehkan pembahagian kerusi parliment diselesaikan sebelum ini.

Selepas itu, DAP pula sedia berkurban dengan tidak lagi menggunakan logonya di Semenanjung Malaysia untuk membolehkan satu logo digunakan oleh empat parti dalam PH.

Padahal DAP telah menggunakan simbol roket sejak ia mula menyertai pilihan raya di negara ini.

"Oleh kerana semua pihak sedia berkurban, saya yakin rakyat juga sedia berkurban untuk PH dengan pulang mengundi pada hari Rabu 9 Mei, hari bekerja di pertengahan minggu, sebagaimana yang ditetapkan oleh SPR," kata Khalid.



**TEMUI 50 RIBU PEMBACA
MINGGUAN AMANAH
ANDA!!!**

**UNTUK PAKEJ IKLAN
MENARIK HUBUNGI
01132334322**